

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**Shah Alam, Selasa, 28 Oktober 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)  
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

## **TURUT HADIR**

### **(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS., AMS.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

## **BENTARA**

Encik Md. Saref bin Salleh

## **PELAPOR PERBAHASAN**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. muftar

**(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera dan selamat pagi. Dewan bersidang semula.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Bajet Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua Belas disambung semula dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PEMILIHAN KETUA KAMPUNG**

35. Pemilihan ketua-ketua kampung selesai dilakukan sejak julai 2008 lepas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah sebarang masalah dan konflik yang timbul hasil dari pelantikan ketua-ketua kampung yang baru?
- b) Sejauh manakah kursus dan latihan diberi kepada mereka bagi mendukung hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat?
- c) Apakah sikap Kerajaan Negeri terhadap campur tangan Kerajaan Persekutuan yang juga melantik JKKK mereka di kampung-kampung?

**Y.B TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullah.* Tuan Speaker, menjawab soalan 35 daripada Bangi, berkaitan adakah sebarang masalah dan konflik yang timbul hasil dari pelantikan ketua-ketua kampung. Tuan Speaker, perkara ini adalah maklum bahawa pelantikan ketua kampung JKK ini telah menimbulkan perpecahan dalam masyarakat, ada sesetengah JKK ini menggunakan *letter head* Kerajaan Negeri dan mintak pengesahan untuk peruntukan kerajaan negeri, zakat dan sebagainya. Ini telah menimbulkan masalah di

kalangan penduduk kampung. Soalan kedua, sejauh manakah kursus dan latihan diberi kepada mereka yang bagi mendukung hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat. Tuan, Speaker, semua ketua kampung dan semua setiausaha JKPP dan Insya-Allahlah semua JKPP akan menghadiri kursus *SPIES* Ketua Kampung. Hasil daripada latihan-latihan ini, nampak sangat berkesan dan ketua kampung nampak bersikap positif kesediaan untuk mentadbir kampung. Apa yang penting ketua kampung ini ialah diberi kesedaran bahawa mereka adalah ketua kampung bagi kampung penduduk kampung bukan lagi menjadi pembangkang dan hasilnya kita lihat mereka dapat bekerja dengan baik di kampung-kampung. Soalan ketiga, kerajaan negeri bersikap serius tidak mengiktiraf JKPP yang dilantik oleh Kerajaan Federal. Satu lagi masalah timbul ialah soal perebutan dewan. Di mana, JKK yang lama masih enggan menyerahkan dewan-dewan ataupun balai raya pada kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Sememangnya ada konflik yang timbul dan pemboikotan di kalangan penduduk setempat oleh kerana harapan mereka terhadap seorang tokoh yang perlu dilantik menjadi ketua kampung tiba-tiba tidak dilantik. Jadi mereka enggan memberi kerjasama kepada pelantikan itu. So, setakat ini apakah cara yang terbaik yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang timbul.

**Y.B TUAN HAJI YAAKOP BIN SAPARI** : Tuan Speaker, dengan memberi latihan kepada ketua-ketua kampung, nampaknya ini telah meningkatkan kualiti kepimpinan ketua kampung dan kita lihat ketua kampung ini lebih terampil dan mereka mampu menyelesaikan masalah-masalah di kampung-kampung. Seterusnya, JKPP yang dilantik tidak hanya dianggotai oleh parti-parti daripada kerajaan sahaja, bahkan ia melibatkan NGO-NGO, Nazir-nazir masjid, persatuan-persatuan kampung dan ada juga kepimpinan UMNO yang terlibat dilantik dalam JKPP, secara itu JKPP ini telah menyatukan masyarakat di kampung.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan yang mengatakan terdapat JKPP yang menyalahgunakan *letter head* dan sebagainya kerajaan negeri. Jadi soalan saya, apakah jenis tindakan khusus yang bakal diambil oleh pihak kerajaan pakatan rakyat untuk membendung penyalahgunaan *letter head* sedemikian. Apakah tindakan khusus?

**Y.B TUAN HAJI YAAKOP BIN SAPARI** : Kerajaan Negeri telah membuat pengisytiharan tidak mengiktiraf JKPP secara itu semua urusan-urusan dan kerajaan negeri hendaklah melalui JKPP yang dilantik oleh kerajaan negeri. Mana-mana sokongan atau dokongan daripada JKPP tidak diiktiraf oleh kerajaan negeri seperti umpamanya sokongan untuk bantuan zakat. Ia hendaklah melalui JKPP atau ketua kampung yang dilantik. Tetapi, kalau JKPP yang dilantik mengesahkan pihak zakat tidak boleh menerima.

**Y.B TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Y.B TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya berkaitan dengan kira-kira iaitu akaun pada JKKK yang lama yang seharusnya diserahkan kepada Jawatankuasa yang baru tetapi sehingga hari ini tidak diuruskan terima kasih.

**Y.B TUAN HAJI YAAKOP BIN SAPARI** : Terima kasih, Kajang. Saya mengakui kesukaran untuk mengambil akaun daripada JKKK yang lama sedangkan dewan pun susah nak diambil ini lagi duit. Saya mengakui kesukaran itu.

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, tadi dinyatakan tentang ada pihak yang tidak mahu menyerahkan balai-balai orang ramai. Soalan saya, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan dan berapa tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan masalah ini di semua kawasan di seluruh negeri Selangor.

**Y.B TUAN HAJI YAAKOP BIN SAPARI** : Terima kasih, Hulu Kelang. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 1.3 juta dalam mesyuarat EXCO yang lalu untuk urusan membaik pulih dan mengemas kini dewan-dewan di seluruh negeri Selangor. Menjelang hujung bulan ini, kita pastikan semua dewan-dewan hendaklah dibaikpulih dan diperbaiki. Mana-mana dewan yang masih berkunci kita mintak pihak Majlis Daerah supaya membuka kunci tersebut dan betulkan dewan tersebut.

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin mengemukakan ada 2 pertanyaan kepada EXCO yang pertama berhubung dengan pendirian Kerajaan Negeri yang mana disebut tadi mengenai bangunan-bangunan JKK dan sebagainya. Tetapi bangunan-bangunan yang dibina atas tanah persendirian saya nak mintak penjelasan, apa tindakan-tindakan EXCO sama ada kerajaan negeri akan menyewa bangunan berkenaan atau apa bentuk tindakan. Yang kedua, saya rasa dah dengar persoalan mengenai JKK dan JKPP ni dah berlegar dua sidang yang sudah berlangsung yang lepas dan yang sekarang ini. Jadi saya berpandangan dan ingin mengajukan soalan kepada EXCO saya sama ada Yang Berhormat EXCO bersetuju atau tidak kalau saya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya membubarkan JKKK Negeri Selangor ini. Alasan saya, Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER** : Tak perlu alasan. Soalan.

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tak perlu. Ok. Saya cadangkan kerana ini berlaku pada tahun 1999 apabila kerajaan PAS Terengganu menang negeri Terengganu mereka bubarkan dan bentuk jawatankuasa Syurah Rakyat. Jadi tak nak sebut pun perkataan JKKK kerana JKKK ini Institusi yang Barisan Nasional dah kenalkan 50 tahun. Perkataan Ketua Kampung, Tok Sidang, JKK ini dah sinonim dengan Barisan, jadi saya cadangkan pada kerajaan negeri bubar dan tubuhlah jawatankuasa yang lain supaya tak timbul isu-isu yang berkaitan. Terima kasih.

**Y.B TUAN HAJI YAAKOP BIN SAPARI** : Soalan pertama, saya sebutkan ada sebahagian dewan-dewan khususnya di Sabak Bernam dan Tanjung Karang yang dibina di atas tanah persendirian. Prosesnya ialah kita mintak Pejabat Daerah membuat *Land Acquisition* pada pemilik tanah tersebut. Soalan kedua itu bermakna Permatang tidak mengiktiraf Pekeliling Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Soal JKK, JKKP ini telah diputuskan dalam Pekeliling Perkara 3 tahun 2001 oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Ini bermakna Permatang tidak mengiktiraf pekeliling tersebut yang mana pekeliling tersebut dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dan kami hanya meneruskan pekeliling tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Kelang.

**Y.B TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KELANG)**

**TAJUK** : **PROGRAM PENCEGAHAN JENYAH**

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Seperti dimaklumkan, Selangor merupakan salah sebuah negeri yang mencatatkan indeks jenayah tinggi. Menurut Menteri Dalam Negeri dalam menjawab soalan lisan dari Yang Berhormat Ahli Parlimen Klang pada 15/7/2008 di Dewan Rakyat, menyatakan jenayah indeks di Klang bagi tahun 2005-2007 adalah sebanyak 15,680 kes dan bagi tempoh dalam bulan Januari hingga Mei tahun 2008 sahaja sebanyak 3237 kes jenayah indeks telah dilaporkan. Justeru itu, di samping membendung kadar jenayah dengan penambahan balai baru, balai komuniti dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), apakah tindakan atau program terkini oleh Kerajaan Negeri terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha membanteras berlakunya jenayah khususnya di Pelabuhan Klang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismilahi Rahman Nirrahim Assalamualaikum warahmatulahi ta'ala wabarakatuh.* Soalan daripada Pelabuhan Kelang mengenai Program Pencegah Jenayah. Terima kasih terhadap soalan tersebut. Beliau memaklumkan, Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan indeks jenayah tinggi. Menurut kenyataan Menteri Dalam Negeri yang menjawab soalan dalam Dewan Rakyat, menyatakan terutamanya di Klang jenayah pada tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 15, 680 kes dan bagi tempoh Januari hingga Mei 2008, sebanyak 3237 kes. Juga terdapat cara untuk membendung kadar jenayah dan pertambahan balai baharu atau balai komuniti untuk mengurangkan atau membanteras berlakunya jenayah khususnya di Pelabuhan Klang. Satu daripada perkara-perkara yang dibincangkan dalam di Parlimen dan saya hendak huraikan di sini ialah berkenaan terdapat kekurangan tenaga polis yang ada. Sifirnya; kalau negeri-negeri yang maju, setiap 300 orang seorang anggota polis. Tetapi di Klang jumlah polis yang ada, memantau hampir 1 juta penduduk. Walaupun cakupan ekonominya sama besar dengan seluruh ekonomi Negeri Sembilan, namun jumlah polis kitra-kira 1/3 daripada jumlah polis di Negeri Sembilan. Jadi, sebagai angka tunjuk, Kerajaan Negeri sudah berbincang dengan Ketua Pengarah Polis Negeri yang turut menyatakan terdapat usaha untuk

mempertingkatkan mereka yang sedia menganggotai polis tetapi mereka perlu melalui latihan selama 6 bulan. Dijangkakan pada tahun ini seramai 25,000 hingga 40,000 anggota polis yang hendak diberi latihan, tetapi kita tidak pasti jumlah yang kemudian dihantar berkhidmat di negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, pihak yang di Klang, YDP Klang dan Pegawai Daerah juga, mengadakan program Bandar Selamat dan Agenda 21. Contohnya, meningkatkan langkah-langkah keselamatan di kawasan tumpuan iaitu memasang CCTV dan menggalakkan rondaan rukun tetangga, penubuhan persatuan-persatuan penduduk, seminar pencegahan jenayah kepada semua masyarakat dan murid-murid sekolah. Ini antara beberapa langkah yang melibatkan masyarakat untuk program pencegahan jenayah. Tetapi saya fikir perkara yang penting, agar kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri terus mengadakan perbincangan mengenai usaha untuk mempertingkatkan jumlah polis di semua kawasan dan daerah-daerah di seluruh negara.

Kedua, ada juga beberapa syor untuk kerja polis ini daripadad segi pentadbiran dapat dikurangkan umpamanya dalam hal menulis report kemalangan ataupun *report* kecurian ataupun report-report lain, kadang-kadang jumlah masa yang digunakan untuk menulis terlalu lama. Walhal di beberapa negeri yang maju mereka sudah ada program yang boleh terus report dan keluarkan report yang menggunakan bahasa karangan yang memerlukan masa yang agak cepat. Jadi dengan cara itu lebih banyak polis *on the beat* dan bukan *in the office*. Itulah beberapa cadangan yang mula dibuat supaya dengan mengikut sistem ICT dan dengan menaruh data nama, alamat dan IC dapat mengeluarkan report-report dengan cepat. Walau bagaimanapun, ini mesti diselaraskan dengan penerimaan bahagian Undang-Undang dan Kehakiman.

Soalan yang mungkin dibangkitkan oleh saudara ialah ratio atau kadar 1:300, iaitu suatu kadar yang munasabah atau tidak. Jawapannya, Australia 1:275, Kanada 1:280 dan Malaysia walaupun turun 1 ke 270 memang senang tapi yang penting jumlah polis kita berpatutan dan perlu ditingkatkan, dan bukanlah banyak tetapi yang penting cara pengurusan mereka juga hendak menambah kecekapan polis. Ini tidak menjawab soalan Pelabuhan Kelang, berapa cepat perkara ini dapat dilaksanakan dan berapa cepat jenayah dapat berkurangan di Pelabuhan Kelang. Ini tidak menjawab tetapi ini penerangan. Perkara kedua yang saya perlu ingatkan pada majlis yang mulia ini, keadaan penduduk di Pelabuhan Kelang. Oleh sebab kepadatan juga terdapat banyak pekerja luar dan asing yang ramai di Klang dan pemantauannya mestilah dengan lebih teliti dan lebih cekap.

**TUAN SPEAKAR** : Batang Kali.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Peraturan tetap 24 (2) soalan 37.

**TUAN SPEAKER** : Ini Batang Kali.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ini peraturan tetap 24 (2). Batang Kali belum sampai. Peraturan tetap 24 (2) soalan 37.

**TUAN SPEAKER** : Apa peraturan itu. Bacakan tu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawapan mulut tidak bangun mengeluarkan

pertanyaannya maka sesiapa ahli lain bolehlah mengambil pertanyaan itu menjadikan pertanyaan sendiri.

**TUAN SPEAKER** : Jadi?.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya mengambil soalan 37.

**TUAN SPEAKER** : Baik. Lain kali buat cara yang betul. Caranya, Tuan Speaker saya memohon di bawah peraturan 24 (2) untuk mengambil soalan ini sebagai soalan saya. Itu caranya. Baik teruskan. Silakan EXCO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : KAWASAN INDUSTRI YANG KOMPETITIF UNTUK PELABUR**

37. Kerajaan Negeri telah menyediakan kawasan industri yang kompetitif untuk pelabur melabur di negeri ini .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa bilangan pelabur dan jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor sejak April 2008?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan di ambil untuk menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur di Selangor?
- c) Berapakah jumlah tapak kilang yang masih kosong? Mengapakah keadaan ini berlaku?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Mengenai soalan yang dibentangkan oleh Batang Kali asalanya tadi soalannya ialah berapakah bilangan pelabur dan jumlah pelabur yang pelaburannya masuk ke Selangor sejak April 2008. Jawapannya ialah bagi tempoh dari April hingga Oktober 2008 sebanyak 130 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5.19 bilion ringgit telah diluluskan penempatan projeknya di negeri Selangor. Daripada jumlah ini RM1 bilion adalah dari pelaburan tempatan dan sebanyak RM 4.16 bilion adalah daripada pelaburan asing. Yang Berhormat Batang Kali juga tanya tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik pelabur di Selangor. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor adalah untuk meningkatkan pelaburan di negeri Selangor adalah nombor satu memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing. Kedua, konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri atau pelabur di Selangor. Ketiga ialah menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor *Science Park*. Keempat adalah mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan yang kelima mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan sijil

layak menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri ataupun pelabur menerusi *One Stop Centre* yang ditubuhkan di setiap PBT. Keenam adalah penubuhan jawatankuasa pelaburan peringkat negeri dan daerah bagi memantau dan pelaksanaan projek-projek untuk pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah. Ketujuh mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di setiap peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Kelapan, penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberikan perkhidmatan. Kesembilan pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan. Dan yang kesepuluh penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan keluar negeri.

Yang Berhormat Batang Kali juga tanya berapa jumlah tapak kilang yang masih kosong dan mengapakah keadaan ini berlaku. Di sini saya ingin menyenaraikan 7 syarikat ataupun agensi yang menyediakan kawasan perindustrian yang no. 1 adalah PKNS. Kawasan dan lokasinya termasuk pusat perindustrian zon Rasa, Hulu Selangor, Selangor *Science Park 2* di Bukit Raja Sepang dan Batu 20 di Rawang Gombak. Jumlah keluasan kawasan perindustrian di sini adalah 496.84 hektar dan jumlah keluasan yang belum dijual ataupun disewa adalah 426.79 hektar. Di antaranya Selangor *Science Park 2* mempunyai paling luas tempat yang masih belum dijual atau disewa. Agensi kedua adalah Sentral Spektrum Malaysia Sendirian Berhad jumlah keluasan pembangunan adalah 1441.74 ekar. Antaranya 2.26 ekar yang masih belum dijual atau disewa dan tempat ini adalah Halal *Hub Phase 1*. Tempat ketiga adalah Port Klang *Free Zone*. Jumlah keluasan pembangunan adalah 729.76 hektar keluasan yang belum dijual atau disewa adalah 605.32 hektar dan satu lagi syarikat adalah Permodalan Negeri Selangor Berhad yang jumlah keluasan pembangunan adalah 16 ekar dan yang kesemua enam ekar ini masih belum di jual atau disewa. Yang kelima syarikat Sime Darby Berhad. Jumlah keluasan pembangunan adalah 103.7 ekar dan kesemua tapak ni masih belum dijual atau disewa. Yang keenam adalah Tanjung Balai Group yang jumlah keluasan bangunan adalah 300 ekar dan 300 ekar tanah ini masih belum dijual atau disewa. Sebab-sebab kekosongan di tapak perindustrian ini adalah kerana no. 1 beberapa kawasan baru diwujudkan bagi menampung keperluan kawasan industri yang kedua penambahan atau pembesaran kawasan perindustrian yang sedia ada. Ketiga terdapatnya tapak perindustrian masih dalam peringkat pemasaran oleh agensi atau syarikat yang berkenaan. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, berhubung dengan industri di Bangi sendiri terdapat kekurangan pekerja-pekerja umpamanya Hitachi ia mengalami kekurangan sebanyak 600 kerja kosong yang memang dah di cari tapi tak dapat. Dan persatuan pengilang-pengilang di situ juga pernah kami berbincang dan mereka mengadu mereka terpaksa mengambil pekerja-pekerja dari luar. Masalahnya kadang-kadang tindakan kerajaan yang memang patut yang menangkap mereka menambah parahkan lagi kilang-kilang itu daripada pengisian kerja-kerja kosong. Sehingga mereka mencadangkan walaupun benda ini nak ditangkap seharusnya beritahu dulu kepada kilang bersedia supaya mereka tidak menghadapi secara drastik kekurangan pekerja-pekerja. Soalan saya apakah masalah untuk kita mengatasi?

**TUAN SPEAKER** : Saya rasa soalan ini tidak berkaitan dengan soalan pokok. Soalan pokok ialah kawasan industri yang masih kosong. Itu pekerja.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Berkaitan dengan industri juga.

**TUAN SPEAKER** : Macam mana nak kaitkan. Jauh sangat. Mungkin soalan lain yang berkaitan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Ini aktiviti tidak akan merugikan pelaburan sebagainya oleh kerana...

**TUAN SPEAKER** : Ini kawasan industri yang kompetitif yang masih kosong. Tak ada kena mengena dengan pekerja. Tak adil la untuk EXCO jawab. Memang EXCO tidak bersedia untuk Pekerja.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Ertinya saya memikir bahawa dari segi pekerjaan itu menyumbang kepada melibatkan industri dan juga hasil bagi kilang dan juga kerajaan.

**TUAN SPEAKER** : Kalau begitu boleh bawa pada perbahasan. Tapi ini soalan khusus pada kawasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Berkenaan dengan kawasan industri yang kompetitif saya ingin bertanya, memandangkan banyak usaha telah dilakukan, adakah Yang Berhormat EXCO bersetuju dengan saya atau tidak pegangan politik yang dimainkan oleh golongan-golongan tertentu khususnya UMNO ini adalah tidak sihat untuk iklim pelaburan di negeri Selangor. Adakah Yang Berhormat setuju dan apakah pandangan YB.

**TUAN SPEAKER** : YB janganlah politik sangat. Silakan EXCO.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya soalan yang dibangkitkan oleh YB Bangi itu ada berkaitan dengan dasar kerajaan pusat. Ini memang satu masalah yang kami akui dan tentang apa yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku tadi sebenarnya saya nak bagi contoh saya ditahan ISA.

**TUAN SPEAKER** : Ini jauh juga ini. EXCO kena jawab jugalah soalan pokok kalau tak kita buang masa.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Saya nak buat ini sebagai contoh kerana pada keesokan harinya saya sepatutnya berjumpa dengan seorang pelabur asing yang berminat untuk melabur di kilang solar di Selangor tetapi apabila dia lihat saya di tahan lepas itu dia terus menarik pelaburan dan tidak berminat untuk melabur di Selangor lagi. Jadi ini satu kerugian kalau saya nak jawab sikit tentang pertanyaan oleh itu .....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang Berhormat Tuan Speaker, boleh beri laluan

**TUAN SPEAKER** : Nanti dululah, belum jawab, belum habis, tunggu dulu

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak minta laluan,

**TUAN SPEAKER** : Belum lagi nantilah, tunggu dulu, biar dijawab habis, tunggu dulu, biar dia jawab, nanti saya akan bagi peluang, nanti bangun

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak, saya nak minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Nanti saya bagi peluang

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tak, saya nak minta laluan,

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu nanti saya bagi peluang. Yang Berhormat, bekerjasamalah, saya akan bagi peluang, bagi habis dulu, ikut peraturan. Ya sila, habiskan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Kalau ini lari jauh daripada soalan pokok, jadi saya jawab secara ringkaslah, jadi memang saya berharap keadaan iklim politik kita akan lebih adil, lebih *transparent* sekurang-kurangnya dilihat oleh pelabur asing supaya mereka mempunyai keyakinan untuk meletak pelaburan mereka sampai di Malaysia, sekian.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang, ada soalan. Ha.. itu caranyalah.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya,

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Dah alang-alang tu

**TUAN SPEAKER** : Lama tak jadi Timbalan Speaker, lupa agaknyalah,

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Cuma sedikit saya nak bertanya, dah alang-alang melangkau ke tempat yang lain. Adakah juga demonstrasi-demonstrasi yang dibuat sebelum ini menimbulkan kesan ke atas pelaburan-pelaburan atau pelabur-pelabur yang nak datang sama ada ke Negeri Selangor ataupun ke negara kita sendiri Malaysia. Jadi tidak orang kata hanya tertumpu kepada seperti yang disebutkan oleh DUN Kinrara. Jadi soalan saya, adakah juga dengan demonstrasi-demonstrasi yang sering berlaku di Negeri Selangor ini. Yang saya kata semuanya orang faham siapa di belakangnya,

**TUAN SPEAKER** : Ya, teruskan soalnya

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang boleh menimbulkan juga tentang kerisauan pelabur-pelabur nak datang ke Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, yang Seri Serdang ini dia lupa tau partinya selalunya mengadakan demonstrasi sekarang, sudah berapa kali berada di hadapan di bangunan SUK...

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Itukan kalau yang buat demonstrasi tapi yang buat perhimpunan di stadium sana, di stadium sini tu semua tu, di jalan sana di jalan sini tu,

**TUAN SPEAKER** : Okeylah sama-sama ada buat demonstrasilah

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tetapi Tuan Speaker, kalau dilihat bagi Pakatan Rakyat, kita nak membantah kenaikan harga minyak pun kita buat dalam stadium, dalam stadium dan juga ada permit, tetapi bagi

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terjadi pula tu beberapa perkara yang di luar dugaan seperti konsert, konsert yang tak diduga,

**TUAN SPEAKER** : Berulang tu.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Contohlah, ini saya sebut contoh,

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tetapi ini tidak akan menakutkan pelaburan asing.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya sebutkan contoh, contoh, Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Cukuplah, cukup. Demonstrasi memang dua-dua pihak ada buat, jadi jangan salahkan, pelaburan tetap masuk juga walau ada demonstrasi kan

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Kita lihat lagi banyak negara maju, memang banyak demonstrasi dilakukan, tetapi negara mereka stabil juga. Ini adalah saya rasa satu hak asasi manusia untuk berkumpul, berhimpun, membentangkan permintaan mereka. Jadi saya tak rasa ini akan menakutkan pelaburan, tetapi yang menakutkan pelaburan adalah tengok penahanan ISA. Pelabur pun takut, lari, mereka tak sangka ini boleh dilakukan di negara yang kelihatan stabil dan aman seperti Malaysia.

**TUAN SPEAKER** : Jeram

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Tuan Speaker, Peraturan 24(2) saya mohon mengambil pertanyaan Y.B. Jeram untuk menjadi persoalan saya.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI** : Soalan No. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : PENJUALAN MINUMAN KERAS SECARA TERBUKA**

38. Isu penjualan minuman keras di kedai 24 jam, sudah acap kali menimbulkan bantahan masyarakat di negara ini disebabkan menjadi tempat pilihan remaja melepak di tengah malam. Penduduk Islam Bandar Puncak Alam yang didiami oleh majoriti orang Melayu umpamanya telah menulis bantahan mereka di media yang menjadi lidah rasmi parti dalam kerajaan campuran yang membentuk Kerajaan Negeri tidak lama dahulu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menangani bantahan rakyat ini?
- b) Apakah premis super market, mini market, kedai 24 jam dan kedai stesen minyak dibenarkan menjual minuman keras secara bebas?
- c) Apakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa penuh menutup mana-mana premis yang menjual minuman keras tanpa peraturan dan syarat-syarat yang dibenarkan?

**TUAN SPEAKER** : Ramai yang pembangkang ni, yang tak datang, baik silakan EXCO.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, lesen untuk penjualan minuman keras atau *liquor* dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Daerah yang diselaraskan oleh Pejabat Daerah. Bagi menangani bantahan rakyat terhadap penjualan minuman keras atau *liquor* di kedai 24 jam, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) mengehendkan tempoh masa jualan sehingga jam 12.30 malam sahaja kecuali premis-premis yang telah mendapat kebenaran untuk memanjangkan tempoh penjualan dari Lembaga Pelesenan Eksais Daerah.
- (ii) membekal atau menjual minuman keras atau *liquor* kepada seorang di bawah umur 18 tahun adalah dilarang sama sekali.
- (iii) meletakkan papan tanda larangan penjualan atau pembekalan minuman keras di bawah umur 18 tahun di luar premis.
- (iv) membekal atau menjual minuman keras atau *liquor* kepada orang beragama Islam adalah dilarang sama sekali.

Bagi premis-premis super market, mini market, kedai 24 jam atau stesen minyak, lesen bagi menjual atau membekal minuman keras hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pejabat Daerah di bawah Lembaga Pelesenan Eksais Daerah dan pihak PBT hanya boleh membatalkan lesen premis perniagaan bagi mana-mana premis yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, lesen bagi

penjualan atau pembekalan minuman keras hanya boleh dibatalkan oleh Pejabat Daerah di bawah Lembaga Pelesenan Eksais Daerah, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teluk Datuk

**Y.B. TUAN PHILIP TUAN CHOON SWEE** : Tuan Speaker, soalan no. 39

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN BAGI 4 BUAH SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN  
CINA**

39. Kerajaan Negeri tidak membuat peruntukan tanah kepada 4 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak dan Kelantan kerana tanah yang terhad.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan wang yang akan Kerajaan Negeri beri kepada setiap sekolah tersebut?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan wang bagi tahun 2008?
- c) Selain peruntukan wang, apakah peruntukan lain yang dapat kerajaan beri untuk menampung perbelanjaan sekolah-sekolah tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Teluk Datuk, yang mengemukakan soalan mengenai usaha untuk peruntukan, mendapatkan peruntukan empat buah sekolah menengah persendirian Cina. Saya sudah meneliti beberapa persoalan dan perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya dapati salah satu daripada tugas Kerajaan terutama Kerajaan Pakatan Rakyat ialah memberi kesempatan pendidikan kepada semua rakyat, tak kira bangsa ataupun fahaman politik. Oleh sebab itu, beberapa perkara hendak kita lakukan tentang cara yang boleh kita lakukan agar dapat menolong sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah persendirian. Walau bagaimanapun, pertolongan ini tidaklah sebegitu besar yang boleh kita lakukan kerana belanjawan negeri tidak sebesar belanjawan Persekutuan daripada segi pendidikan, iaitu melebihi RM 6 bilion. Namun, apa yang Pakatan Rakyat dan EXCO hendak mengkaji semula pemberian peruntukan bagi bukan sahaja sekolah Cina tetapi juga peruntukan sekolah India dan sekolah-sekolah seperti *Monfort Boys School*, dan hendak mencadangkan kepada ahli EXCO supaya mencari tanah yang kita ada dalam belanjawan ini sejumlah RM10 juta untuk kita lakukan peruntukan-peruntukan (Dewan Bertepuk) tetapi dia mesti teliti dengan sepenuhnya dan kita hendak beri peruntukan itu kerana kita mahu menggalakkan peningkatan pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, dua bulan yang lepas saya baca juga surat khabar. Kerajaan Negeri Perak memberikan sebilangan tanah kepada sekolah menengah persendirian Cina di negeri Perak. Jadi soalan saya, adakah Kerajaan

Negeri Selangor akan mengikut langkah dengan mengikut langkah Negeri Perak bahawasanya masalah kewangan yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Selangor boleh diatasi dengan lebih berkesan lagi, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Soalan itu kita perlu teliti cara pelaksanaannya. Saya dapati tanah di Negeri Selangor ini tidak sama dengan jumlah tanah yang dimiliki oleh Negeri Perak, itu yang pertama. Kedua, saya berpendapat kalau sekolah-sekolah yang ingin menjadikan dirinya persendirian, ia suatu tanggungjawab utama sekolah-sekolah tersebut menjana apa yang dipanggil perbelanjaan mereka. Kalau tidak agak sukar mereka untuk memberi pendidikan yang secukupnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor hendak meneliti dan kita ada perkara yang sangat penting, kita tidak menggalakkan sekolah-sekolah persendirian. Jadi *housing developer* ataupun *property owner*, nanti dia buat *bussiness* dan dia buat sekolah. Ia beberapa masalah sampingan yang kita perlu hindarkan. Itulah sebabnya saya mencadangkan geran yang kita boleh perhatikan penggunaannya boleh jadi di Perak, di Pulau Pinang ataupun negeri-negeri lain ada cara tersendiri tetapi di Selangor tujuannya untuk bersama-sama dengan sekolah tersebut meningkatkan pendidikan murid-murid di sana.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, soalan, silakan.

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN** : Tuan Speaker, selain daripada bantuan kerajaan, bantuan kewangan adakah lain-lain langkah Kerajaan Negeri akan ambil untuk membantu sekolah-sekolah persendirian Cina ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Saya percaya seperti yang konsep yang kita katakan tadi iaitu Kerajaan Negeri memberi kesempatan dan menyokong peningkatan pendidikan semua rakyat. Semua rakyat tidak dikira walaupun cara persendirian ataupun mengikut kerajaan kita hendak lakukan tetapi kita lakukan berasaskan keupayaan kewangan kita dan harta yang kita ada. Tetapi daripada segi menentukan mereka mendapat kesempatan untuk belajar, kesempatan untuk meneruskan lanjutan pendidikan mereka kita hendak lakukan. Jadi, pada hari ini saya tidak ada rancangan sebab saya bercadang untuk bersama-sama dengan Ahli EXCO dan memanggil beberapa pakar dari segi bagaimana untuk menolong dan menggalakkan bukan sahaja sekolah-sekolah persendirian Cina tetapi juga India, termasuk beberapa sekolah agama rakyat dan beberapa sekolah yang kita mesti pantau seperti pendidikan anak-anak orang asli dan seterusnya. Tetapi saya rasa, Yang Berhormat dan rakan-rakan hendak memantau cara kita menggunakan dana ataupun sumber negeri untuk mempertingkatkan pendidikan untuk semua rakyat di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, oleh kerana Kota Alam masih ditahan bawah akta zalim ISA, maka saya mahu menggunakan Peraturan 4 (22) untuk mengambil soalan nombor 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DAN CINA**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah ke semua sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina di Negeri Selangor yang mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Pusat/ Persekutuan dan juga jumlah sekolah-sekolah yang tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mereka?
  - b) Berapakah jumlah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina di Negeri Selangor yang masih didirikan di atas tanah milikan swasta dan mengapa ia masih di dalam milikan swasta serta apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?
  - c) Berapakah jumlah sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina di Negeri Selangor yang masih tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti kemudahan Sistem IT dan Padang Sekolah seluas padang bola sepak sebagai satu kemudahan yang wajib dan praktikal bagi semua Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan lain di Negara kita?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kota Alam Shah yang diwakili oleh Sekinchan bertanya berapakah jumlah ke semua sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina di Negeri Selangor yang mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Pusat dan juga jumlah sekolah-sekolah yang tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mereka. Sebenarnya semua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan menerima bantuan Kerajaan Pusat. Jadi, oleh itu tidak ada sekolah yang tidak mendapat apa-apa bantuan.

Soalan kedua, berapakah jumlah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina di Negeri Selangor yang masih didirikan di atas tanah milikan swasta dan mengapa ianya masih dalam milikan swasta serta apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Jumlah SRJK Tamil dan SRJK Cina yang masih didirikan di atas tanah milik swasta adalah sebanyak 91 buah daripada 204 buah di Negeri Selangor. Ia masih dalam milikan swasta kerana sekolah tersebut adalah bantuan modal jadi selagi ianya berstatus bantuan modal tanah, tanahnya adalah bukan milik kerajaan. Yang ketiga, soalan yang ketiga, jumlah sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan China di negeri Selangor yang masih tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti kemudahan sistem IT dan padang sekolah seluas padang bola sepak sebagai satu kemudahan yang wajib dan praktikal bagi semua sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan lain di negara kita. Jawapannya semua sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan China di negeri Selangor diberi kemudahan peralatan ICT. Contohnya peralihan peralatan pengajaran dan pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Namun begitu realitinya mungkin ada juga Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil yang saya tahu di dalam DUN Selat Kelang yang menumpang di tempat MPK setelah beberapa tahun lama tidaklah mempunyai kemudahan padang sekolah dan sebagainya dan kita mungkin perlu

memohon kepada Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab memastikan setiap sekolah ini mempunyai sekurang-kurangnya 5 ekar supaya semua kemudahan boleh diadakan di sekolah itu supaya mereka boleh belajar sistem pembelajaran dan pengajaran secara holistik boleh dilakukan di sekolah-sekolah tersebut. Sekian.

**TUAN SEPAKER** : Lembah Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

(a) Boleh jelaskan berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri berbanding bajet yang diperuntukkan untuk bajet 2008?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : a) Kerajaan Negeri ada memperuntukkan sebanyak RM1,340,000,000 bagi Bajet 2008. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM670 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan RM670 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan.

Sebanyak RM178,271,628 diluluskan untuk peruntukan tambahan bagi Bajet 2008 dan ini menjadikan jumlah keseluruhan Bajet 2008 berjumlah RM1,518,271.62.

Tambahan sebanyak RM20 juta untuk perbelanjaan mengurus yang menjadikan peruntukan keseluruhan perbelanjaan mengurus berjumlah RM690 juta dan tambahan sebanyak RM158.2 juta untuk perbelanjaan pembangunan menjadikan peruntukan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM828 juta.

Prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya sehingga 30 September 2008 ini mencapai 62.98% iaitu hampir RM957 juta, melibatkan perbelanjaan mengurus mencapai 66.69% iaitu anggaran RM460 juta dan perbelanjaan pembangunan mencapai 59.9% yang jumlahnya secara keseluruhan sebanyak RM496 juta.

Walau bagaimanapun, peratus tersebut tidak menunjukkan perbelanjaan sebenar Kerajaan Negeri masih terdapat perbelanjaan tanggungan yang belum diselesaikan.

Pada kebiasaannya, dijangkakan prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri boleh meningkat antara 90% ke 95% pada hujung tahun berdasarkan bayaran-bayaran projek pembangunan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan tanggungan. Biasanya, kita ada belanjawan yang seimbang dan pemantauannya dilakukan supaya kita dapat menyelesaikan semua peruntukan dan penggunaan pada tahun tersebut tahun ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Y.B. Tuan Speaker, bagi Peraturan Tetap 24(2). Soalan 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PERUMAHAN (MASALAH PERUMAHAN TERBENGGKALAI)**

42. Kebelakangan ini terlalu banyak projek perumahan yang terbengkalai di alam negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek terbengkalai yang terlalu banyak di Negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak langsung mengambil tindakan membaik pulih projek-projek mereka yang terbengkalai sehinggakan pembeli-pembeli rumah tertekan kerana mengalami kerugian besar?
- c) Berapakah jumlah bilangan projek-projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih kepada Y.B. Soalan tentang apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek-projek terbengkalai perkara ini telah dijawab dalam penggulungan saya ketika membahaskan Bajet Y.A.B. Tan Sri Menteri Besar dan untuk mengulangi apa yang kita buat ada 2 pendekatan. Yang pertamanya adalah secara makro dan mikro secara tidak langsung dan secara langsung. Pendekatan yang terbaru yang kita buat adalah kita telah mengeluarkan notis. Notis telah dikeluarkan untuk merampas tanah kepada 2 projek Kuala Selangor. Ini merupakan sebagai satu amaran kepada pemaju-pemaju yang berfikir bahawa mereka boleh duduk begitu sahaja sementara projek mereka tidak berjalan atau dilambat-lambatkan. Perkara ini telah kita lakukan untuk 2 projek dan kita berharaplah dengan amaran yang sedemikian, pemaju-pemaju lain akan mempercepatkan projek mereka bahawa mereka tidak boleh membiarkan pembeli-pembeli itu menghadapi masalah sepanjang hidup mereka. Kita juga mengharapkan perkara ini dapat memberi amaran satu isyarat kepada bank-bank. Sebelum ini kita pernah menulis kepada bank dan juga pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga pernah mengeluarkan sijil tentang projek-projek terbengkalai kepada bank-bank, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Kita mengharapkan supaya bank-bank itu dapat memberi kelonggaran dari segi ansuran terpaksa dibayar oleh penduduk atau rakyat yang menghadapi projek mereka ataupun rumah mereka yang tidak siap. Tetapi maklum balas daripada pihak bank amatlah dingin dan tidak memberi kerjasama dalam banyak hal. Jadi kita berharap amaran kita untuk merampas tanah-tanah tersebut akan dapat membawa mereka untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri. Tetapi itu adalah bagi tanah-tanah "*alienated*" ataupun tanah-tanah yang dipanggil yang dikurniakan yang diberi hak milik kepada syarikat-syarikat. Selain daripada itu seperti mana diumumkan bahawa kita telah menubuhkan 1 Jawatankuasa atau kita telah buka syarikat-syarikat swasta ada 3 kumpulan dan setakat ini 30 projek

sedang dalam rundingan bersama dengan syarikat-syarikat tersebut dan syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek-projek yang terbengkalai yang projek mereka telah terbengkalai. 1 Alhamdulillah telah berjalan dan 30 dalam rundingan. Selain dari itu ada 30 projek yang apa kita lakukan, kita pantau secara dekat dengan mengadakan mesyuarat berkala dari masa ke semasa dan juga lawatan tapak dan projek ini ada 30 juga untuk pecahan adalah MBSA 1 projek, MPK 9, MBPJ tidak ada, MPAJ 5, MPSJ 3, MPS 1, MDKL 4, MDHS 3, MDKS 3 dan MPSP yang ini kita adakan mesyuarat secara berkala dan juga lawatan sebagai tekanan kita pantau secara dekat tekanan kepada pemaju-pemaju. Ini untuk mempercepatkan projek mereka. Jadi bermakna ada 30 projek yang sedang berjalan selain dari 30 yang sedang kita lihat untuk dimajukan oleh syarikat-syarikat swasta.

Menjawab soalan tentang berapa banyak kah projek terbengkalai yang ada. Jumlah projek yang terbengkalai di seluruh Negeri Selangor adalah 141, 142 maaf. Kalau mengikut pecahannya MBSA ada 18, MPK 29, MBPJ 7. MPAJ 13, MPSJ ada 10, MPS 15, MPKj 11, MDKL 8, MDHS 11, MDKS 12, MPSP 8, Jumlahnya adalah 142. Tetapi untuk kita membawa *selling* dari pemantauan, bagi kita membawa syarikat-syarikat swasta mereka mesti melihat akan keuntungan, sebenarnya kalau tidak ada untung, mereka tidak akan masuk. Di dalam hal ini sebagai peranan satu kerajaan yang prihatin dan berkebakikan kita juga melihat bagaimana GLC-GLC ataupun syarikat-syarikat, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri boleh membantu untuk menghidupkan semula projek ini terutamanya seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang perlu memainkan peranan yang lebih untuk membantu rakyat. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, kami di Bangi ada 2 kes yang boleh dianggap sebagai rakyat teraniayailah. Antaranya 1 ialah pembelian rumah oleh seorang rakyat dari Bangi Lamalah dengan Syarikat Villa Raya Construction Sdn. Bhd.Co. No. 251298-K iaitu Hock Kok Khiew. Beliau ini telah membayar bayaran untuk rumah sebanyak RM 71,000 tetapi sehingga sekarang rumah yang dijanjikan tidak berlaku dan beliau mahu menarik balik bayarannya tidak dapat. Jadi, kasihan, dia memang miskin, berjumpa tempat saya so saya harap ini diambil tindakanlah. Yang kedua sebanyak 111 orang pekerja dari *Broom Estet* di Bangi Lama, mereka ni dikehendaki keluar daripada estet oleh sebab estet ini sudah nak dijual. Sudah dijual kepada syarikat lain. Jadi mereka ini telah dijanjikan oleh Syarikat Malacolf Bhd. Yang di register No. 50, Jalan Ampang. Dia telah menjual tanah *title* EMR 2355, EMR 2393, EMR 2393 sejak 1978 lagi. So mereka ini telah membayar premium antara RM 1,600 RM 500 permulaan tetapi 111 orang ini apa yang mereka bayar tu lesap begitu sahaja tidak tahu nasib tanah yang mereka nak beli, nak dirikan rumah sebagai persediaan mereka kena keluar dari *Estet Broom* itu sehingga sekarang.

**TUAN SPEAKER** : Soalannya?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya harap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan atau sekurang-kurangnya saya cadangkan kalau boleh didirikan rumah pangsa untuk 111 orang ni walaupun tanah yang dijanjikan itu pun tidak tahu adakah sebenarnya mereka dapat atau tidak. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih Y.B. Saya akan lihat kepada kedua-dua isu atau kes itu dengan teliti selepas ini.

**TUAN SPEAKER** : Meru

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Saya ingin bertanya apakah Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan untuk memantau dan mengkaji semula perjanjian sewa beli yang memihak kepada pemaju.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : SNP atau Perjanjian Sewa Beli adalah standard di dalam *Housing Developer Act*. Benda itu setakat ini belum lagi. Tetapi yang penting adalah bukannya perjanjian itu tetapi pelaksanaannya atau *enforcement* yang ada dan juga kalau ada penyelewengan itu perlu diperbetulkan. Bukan saya kira perjanjian itu, adalah beberapa perkara yang perlu kita perbetulkan. Tetapi secara keseluruhannya boleh, boleh diterima. Tetapi yang menjadi masalah sekarang "*enforcement*" itu yang kurang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras

**Y.B. IR. MOHAMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tuan Speaker, Soalan 43

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : KEMUDAHAN PERKHIDMATAN KEPADA KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI**

43. Dalam menyusun semula pentadbiran negeri, kampung-kampung tradisional telah diletakkan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dan dikenakan cukai pintu. Ini adalah bagi membolehkan kampung-kampung tradisi tersebut menikmati kemudahan perkhidmatan yang lebih baik. Namun begitu, kebanyakan kampung tradisional tersebut hanya menerima kemudahan perkhidmatan yang minima.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai perancangan untuk meningkatkan lagi kemudahan perkhidmatan yang diberikan kepada kampung-kampung tradisional tersebut?
- b) Di samping kemudahan perkhidmatan asas, adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai perancangan untuk meningkatkan lagi prasarana di kampung-kampung tersebut?
- c) Adakah Pihak Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai suatu Pelan Induk bagi membangunkan kampung-kampung tradisional tersebut?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, Y.B. Paya Jaras menyoalkan mengapa kebanyakan Kampung Tradisional hanya menerima kemudahan perkhidmatan yang minimum. Sebenarnya Tuan Speaker, kampung-kampung tradisi di luar bandar di bawah jagaan Kementerian Luar Bandar yang di bawah Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai perancangan untuk meningkatkan kemudahan perkhidmatan yang diberi kepada kampung-kampung

tradisional sebagai contoh di bawah Majlis Bandar Raya Shah Alam, MBSA. Pihak majlis mempunyai perancangan untuk membaiki kemudahan rekreasi dan akan menambah kemudahan permainan kanak-kanak. Di Kawasan Sungai Kandis, Merbau Sempak, Jalan Kebun dan Paya Jaras misalnya pihak majlis telah menyediakan peralatan permainan dan membina 2 buah padang bola dengan kos berjumlah RM 400,000. Setiap PBT di Negeri Selangor mempunyai perancangan bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan prasarana di Kampung-Kampung Tradisional yang berada di dalam kawasan operasi masing-masing. Walau bagaimana pun pelaksanaan tersebut bergantung pada kemampuan kewangan semasa PBT. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu pelan induk khusus untuk membangunkan sesebuah Kampung Tradisi. Walau bagaimanapun di dalam pelan *structure* dan Rancangan Tempatan PBT turut melibatkan pembangunan kampung-kampung tradisi yang terletak di dalam kawasan operasi PBT. Dan Kerajaan Negeri juga meminta semua Y.B. masing-masing mengadakan usaha-usaha yang tertentu untuk menolong ataupun membantu Kerajaan Negeri bersama-sama membangunkan Kampung-Kampung Tradisional. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, Soalan saya No. 44

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : TEMPAT TOKONG / KUIL**

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri Selangor untuk mengatasi masalah kekurangan tempat beribadat di kalangan rakyat bukan beragama Islam.
  - b) Berapakah tokong-tokong Buddha dan kuil Hindu yang telah dirobohkan setiap tahun sejak tahun 2004?
  - c) Bilangan kuil atau tokong yang akan diluluskan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, bagi setiap permohonan kebenaran, merancang untuk jumlah melebihi 5,000 penduduk-penduduk yang dikemukakan oleh pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan tapak bagi keperluan rumah ibadat berdasarkan pematuhan garis panduan Jabatan Perancangan Bandar Desa iaitu bagi 2600 sampai 5000 orang penduduk Bukan Islam diperuntukkan satu tapak berkeluasan 1.2 ekar bagi mendirikan rumah ibadat. Selain itu bagi rumah-rumah ibadat yang terlibat di dalam projek pembangunan, kerajaan negeri akan memperuntukkan tanah bagi rumah-rumah ibadat tersebut jika perlu. Dari tahun 2004 sehingga tahun 2008 sebanyak 96 buah kuil dan 37 buah tokong telah dirobohkan mengikut PBT seperti berikut :

MBSA (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	2
MBPJ (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	13
(bilangan tokong yang dirobohkan)	-	12
MPK (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	4
MPAJ (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	2
MPSJ (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	44
(tokong yang dirobohkan)	-	17
MPS (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	27
(bilangan tokong yang dirobohkan)	-	8
MPKJ (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	2
MPSP (bilangan kuil yang dirobohkan)	-	1
Majlis Daerah Kuala Selangor		
(bilangan kuil yang dirobohkan)	-	1
Jumlah kuil yang dirobohkan	-	96
Jumlah tokong yang dirobohkan	-	37

Bagi tahun 2008 sehingga bulan Oktober, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah memperakukan kelulusan sebanyak 54 permohonan bagi rumah-rumah ibadat Bukan Islam seperti berikut :

Kuil	-	25
Tokong	-	19
Gereja	-	10
Jumlah	:	54 buah

Walau bagaimanapun bagi setiap permohonan yang telah diperakukan atau disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam akan dikemukakan semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

**TUAN SPEAKER** : Masa sudah sampai.

#### **IV. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2009 – 2008) sambungan dalam Jawatankuasa Perbekalan.

**Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Menjawab dua persoalan yang sebelum ini boleh sekarang...

**TUAN SPEAKER** : Untuk B19. Ada lagi, ada yang ingin ambil bahagian.

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Ada dua soalan daripada Hulu Klang dan berikan jawapan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang dan Rawang telah pun berucap.

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Tak ada lagi, ya, jadi silakan.

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Berkaitan dengan Orang Asli, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana JOA ini bertanggungjawab membina infrastruktur bagi kawasan Orang Asli. Walau bagaimanapun Orang-Orang Asli ini adalah merupakan pengundi-pengundi di negeri Selangor. Saya minta supaya ADUN-ADUN menggunakan peruntukan-peruntukan yang ada untuk membantu penduduk-penduduk Orang Asli dan kalau boleh minta bantuan Pejabat Daerah untuk bantu penduduk Orang Asli. Persoalan kedua berkaitan dengan penguatkuasaan pasir kita kena mengubah sistem yang ada kepada sistem yang baru. Kalau kita mengekalkan sistem yang ada, keberkesanan pada sistem itu tak berkesan, sebab itu kita mencadangkan supaya kerajaan negeri memutuskan supaya operasi pasir ini diuruskan oleh kerajaan negeri, harapan kita setelah 80 peratus lori-lori yang mencuri ini bekerja dengan syarikat Kumpulan kerajaan negeri, maka kecurian ini akan berkurangan sekurang-kurangnya 80 peratus. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.19 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Lapan Puluh Empat Ribu, Enam Ratus Lima Puluh Empat (RM 9,084,654.00) untuk Kepala B.19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Empat Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu, Satu Ratus Enam Puluh tiga (RM9,467,163.00).

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Pengerusi, saya nak tanya tentang tanah dasar baru, peruntukan 68 ribu, yang saya lihat hanya Pejabat Tanah Klang yang dapat.

**TUAN SPEAKER** : Vot mana, kodnya. Nombor kodnya mana..

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : B.20 Pejabat Daerah Klang, muka surat 425, 525001 Tanah Dasar Baru, peruntukan 68 ribu.

**TUAN SPEAKER** : Ya, kodnya, kodnya berapa.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : 5250001 Tanah Dasar Baru. 68 ribu, saya lihat di Pejabat Daerah lain tak ada, hanya Klang sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Mana kodnya. Dua puluh sembilan ribu,

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ya, B.20, 5250001

**TUAN SPEAKER** : Ya, Tanah Dasar Baru, ya. Pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Muka surat berapa.

**TUAN SPEAKER** : Muka surat 425

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : 425

**TUAN SPEAKER** : Butiran 5250001 Tanah Dasar Baru. Butiran Pertama dalam muka surat 425. Ada ahli yang ambil bahagian, tak ada.

**Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi, minta jawapan kemudian bagi soalan ini.

**TUAN SPEAKER** : Minta tangguh dulu. Baik Setiausaha kita pergi ke Jadual B.21 dahulu.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Tujuh Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Empat (RM7,794,304.00).

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.21 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Tujuh Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Empat (RM7,794,304.00) untuk Kepala B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.22 – Pejabat Daerah Hulu Langat Ringgit Malaysia Tujuh Juta Lapan Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Tiga Puluh Tiga (RM7,893,033.00).

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya, Tuan Speaker saya ingin menyentuh sedikit tentang tuntutan. Untuk apa ni...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, kod mana

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Oh, maaf, ini

**TUAN SPEAKER** : Muka surat

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : ini muka surat 453

**TUAN SPEAKER** : 453

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya. Butiran 505000

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Kod 110000.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. PUANLEE YING HA :** Ya, sini saya ingin menyentuh tuntutan peruntukan ADUN-ADUN di kawasan Hulu Langat, sebab kita selalu mengalami masalah bila kita buat tuntutan yang biasanya akan ambil masa satu atau dua bulan untuk buat satu permohonan dan juga mengalami satu masalah kerana kita biasa kita pergi kita jumpa salah seorang, apa itu kakitangan. Kalau kakitangan tersebut mungkin cuti, cuti bersalin kita tidak boleh buat apa-apa tuntutan. Itu mungkin salah satu masalah, kita nak kaji semula supaya melicinkan semua proses permohonan atau untuk tuntutan tersebut. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pihak kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker, Tuan Pengerusi. Tentang peruntukan ADUN bagi kawasan daerah Hulu Langat sebagaimana disebutkan Yang Berhormat, sebagaimana yang kita tahu kelewatan itu disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama ialah ketidaklengkapan daripada projek *paper* atau kertas projek yang disampaikan, kadang-kadang tidak bergambar dan sebagainya. Dan kadang-kadang tidak ada peruntukan yang tepat. Yang kedua, disebabkan oleh pihak-pihak yang berkenaan, kadang-kadang tidak ada satu persetujuan yang tepat di antara mereka sama ada itu kah senarai utama projek-projek yang akan dijalankan di kawasan itu. Dan yang ketiga kadang-kadang juga berlaku di Pejabat Daerah terutamanya oleh sebab kesibukan barangkali orang-orang yang patutnya menurunkan tandatangan kepada permohonan itu tidak dapat dilakukan oleh kerana sebab-sebab di antaranya yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker. Berhubung dengan Hulu Langat juga.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Ya, B.22 Kod 5050501

**TUAN SPEAKER :** Muka surat berapa?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya nak bertanya, cadang

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, muka surat berapa?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Muka surat 453.

**TUAN SPEAKER :** 453 nanti. 453 Kod

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** 453 Kod 505000

**TUAN SPEAKER :** Ya, lepas tu kod, itu Butiran kod nya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Kod

**TUAN SPEAKER :** 11000 – Gaji dan Upahan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Haa..11000 saya nak bertanya apakah pihak Pejabat Daerah Hulu Langat bercadang untuk mengikut seperti di Majlis

Perbandaran Kajang dari segi memungut hasil tidak memaksa semua rakyat pergi ke Pejabat Daerah sahaja beratur, kadang-kadang dalam sehari tidak dapat dibayar bil kerana terlampau ramai iaitu dengan membolehkan rakyat membayar cukai melalui Pejabat Pos ataupun melalui *internet*. Ini satu cara yang baru yang boleh menyenangkan rakyat tidak perlu berbaris dan menanti kadang-kadang tidak dapat bayar waktu ditutup sebelum waktu lima setengah, tiga pun sudah ditutup. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan, ya.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Bolehkah saya sambungkan tadi yang saya sebutkan tadi...

**TUAN SPEAKER** : Apa nak sambung ni.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Sebab, sebab soalan belum dijawab lagi. Soalan saya adalah macam mana kita boleh melicinkan proses buat tuntutan dengan itu peruntukan ADUN sebab kita selalu mengalami masalah walau pun apa yang pihak kerajaan jawab tadi kemungkinan pertama kali kita ada banyak masalah kerana kita tidak sempurna borang yang diisi apa-apa tapi kalau ada masalah sepatutnya Pejabat Tanah hendaklah membuat satu telefon untuk pejabat kita supaya kita boleh hantar balik semua borang dan sekarang punya sekarang cara ialah kita jumpa salah seorang mesti orang itu, kalau orang itu tiada di sana kita tidak boleh buat apa-apa tuntutan. Jadi, bolehkah pihak kerajaan mengkaji semula proses tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli yang lain. Ya Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengerusi. Muka surat 45. Butiran 505000 dengan Kod 28000. Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil yang diberi. Kita dapati di Pejabat-Pejabat Penghulu khususnya ya, dan juga di Pejabat JKKK ada yang Pejabat Penghulu memang serba kekurangan misalnya di Pejabat Penghulu di Cheras, Mukim Cheras di mana penghulu sendiri berjumpa dengan saya dan meminta daripada peruntukan saya untuk membekalkan mesin faks dan mesin cetak. Di mana bila ada kita minta ada komunikasi antara Pejabat ADUN dengan penghulu, pejabat penghulu didapati kena menghantar surat melalui pos atau pun dengan tangan. Bermaksud ia amat menyusahkan. Jadi peruntukan harus dipertimbangkan untuk kelengkapan-kelengkapan bagi pejabat-pejabat penghulu dan juga pejabat-pejabat JKKK yang di dalam kawasan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Berkaitan dengan pejabat penghulu dan JKKK, pada tahun ini kita luluskan 1.3 juta untuk membaik pulih semua pejabat JKKK dan pejabat penghulu iaitu YB Kajang tolong senaraikan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan dan hantar ke pejabat Daerah. Berkaitan Teratai, saya pasti seandainya ada dokumen lengkap, janji untuk dibayar masa sepuluh hari dan kita minta supaya pejabat-pejabat daerah senaraikan mana pejabat daerah yang lambat untuk menjelaskan bayaran tuntutan kepada pejabat-pejabat ADUN. Seandainya lewat tolong beritahu cepat kepada kami, dan kami pastikan supaya pejabat daerah akan melunaskan bayaran dengan segera.

**TUAN SPEAKER** : Bagaimana dengan soalan Bangi belum jawab lagi.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai tentang kelewatan pembayar-pembayar untuk membayar oleh sebab kena beratut dan sebagainya. Sistem sudah dirangka untuk pejabat-pejabat kerajaan yang banyak berhubung dengan rakyat bahkan sistem telah dirangka untuk menjadikan waktu bekerja untuk melayan pelanggan-pelanggan yakni tujuh hari seminggu dan sedang sekarang sistem tersebut sama ada sistem itu dapat dipanjangkan kepada pejabat tanah, pejabat daerah dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bangi tadi dan kita mengharapkan dengan sistem yang sedemikian dengan sistem operasi mengikut jadual-jadual sebagaimana yang dilakukan oleh pihak swasta misalnya, pihak bank-bank misalnya kita lihat bank-bank walaupun begitu ramai pelanggan-pelanggan mereka, tetapi mereka dapat menyuraikan pelanggan-pelanggan yang datang kepada bank dalam jarak masa beberapa minit saja atas apa-apa urusan pun sistem yang sedemikian sedang dikaji oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kemungkinan besar akan dapat dilaksanakan di peringkat kita di peringkat kerajaan kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 22 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Lapan Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu, Tiga Puluh Tiga (RM7,893,033.00) untuk Kepala B. 22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker saya hendak berbalik kepada soalan yang dikemukakan B 21.

**TUAN SPEAKER** : Yang Amat Berhormat boleh kita sambung sampai habis kemudian kita balik kepada B 20.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B 23 – Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, Ringgit Malaysia Lima Juta, Lima Ratus Enam Puluh Empat Ribu, Lapan Ratus Tujuh Puluh Satu (RM5,564,871.00).

**TUAN SPEAKER** : Ya Silakan Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SRI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker saya nak rujuk kepada muka surat 468 kod 5240001, 29,000 Perkhidmatan Ikhtisas, perkhidmatan lain yang dibeli utiliti dengan 200,000. Jika kita lihat tentang kod 29,000 ini tiap-tiap jabatan dah ada dah. Macam kalau kita lihat di muka 467, 29,000 perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain ada peruntukannya 30031,000 begitu juga dengan Jabatan Perkhidmatan Masyarakat ada kos 29,000 dan tiap-tiap jabatan. Saya nak tanya tentang 29,000 di bawah kepala Perkhidmatan Masyarakat dasar baru. Apakah, untuk apakah peruntukan ini digunakan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli yang lain. Silakan pihak kerajaan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Ini kod-kod yang dilakukan pada setiap belanjawan. Sebagai contoh, Yang Berhormat Sungai Panjang ada membangkitkan tentang tidak

terdapat konsistensi pada kod-kod tersebut. Yang sebenarnya, ada konsistensinya. Sebab tanah dasar baharu, elaun lebih masa yang dikatakan itu terdapat bukan sahaja di Klang tetapi juga terdapat di daerah yang lain tetapi apabila dia kita campurkan barulah kita dapat jumlah tanah dasar baharu dan seterusnya. Jadi, untuk soalan yang mengenainya, itu pun kita mengikut permintaan dan permohonan oleh daerah-daerah.

**Y.B. DATO' SRI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, saya nak tahu di mana duit itu dibelanjakan. Kerana kod 29,000 ini ada di dalam *every department* dan ini baru masuk dasar baru ada lagi 200 ribu, saya bimbang takut ia digunakan untuk pembaziran. Tiap-tiap *department* ada 29,000 di pejabat Sepang dan ditambah lagi dengan satu lagi permohonan masyarakat dasar baru.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Itu memang kita apa asingkan. Cara yang baharu ini kita kena asingkan perbelanjaan yang berlaku secara biasa kita lakukan dan kita juga ada akaun untuk diperasingkan. Sebab ada kalanya kita dapat penggunaan oleh pegawai-pegawai itu dicantumkan dalam satu kumpulan. Jadi, itu sebabnya kita adakan sekarang berasingan. Untuk tahun-tahun hadapan kita dapat asingkan penggunaannya.

**Y.B. DATO' SRI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, Tuan Pengerusi, saya nak tanya kenapa semua *department* setiap peruntukan untuk perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli hospitaliti ini terlalu tinggi terutamanya di Sepang. Lepas itu saya harap Yang Amat Berhormat dapat melihat kembali perkara-perkara ini dapat diteliti kembali supaya tidak berlaku sebarang pembaziran.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Pengerusi, tentang pembaziran saya antara yang yang hendak menjaganya. Oleh sebab itulah saya asingkan kod-kod itu supaya ia lebih terperinci dan penggunaannya. Itu sebab dalam belanjawannya saya katakan tentang *value for money*, penggunaan masa. Itu sebab elaun masa itu hendak tahu berapa jam ia bekerja, berapa masa yang boleh, berapa apa yang dilakukan. Oleh sebab itu kadang-kadang akaun ini lebih *detail*. Kita tidak campurkan dalam satu kumpulan sahaja. Jadi kalau masa hadapan apabila dewan bersidang, ia hendak tahu berapa ringgit digunakan untuk pergi membuat, memproses fail, memproses apa, kadang-kadang terlalu banyak *claim* yang saya dapati kerana melawat-lawat. Maknanya, mengikut Menteri Besar ke sana, ke mari. Itu pun kita hendak mula kurangkan. Ini semua berlaku dan saya berharap Sungai Panjang sentiasa memantau bagi pihak saya, bagi pihak rakyat, bukan saya sahaja, bagi pihak rakyat supaya kita dapat menentukan penggunaan setiap ringgit itu secara wajar. Jadi pada saya itu lebih penting, dan itulah sebabnya kita memberi masa kepada semua Ahli Dewan untuk membangkitkan perkara ini supaya ada konsep *transparency*, ketulusan dan akauntabiliti. Saya percaya Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor antara mereka yang bersetuju. Kali inilah dewan-dewan kita dapat cukup-cukup berbincang dalam beberapa perkara hinggakan *detailnya* kita bincangkan. Ini satu pembaharuan dan kemegahan Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**Y.B. DATO' SRI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Speaker, Yang Amat Berhormat tidak menjawab soalan. Itu masalah elaun. Yang saya tanyakan kod 29,000 perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti. Semua *departement* di Sepang ada kod ini dan jumlah yang terlibat itu agak besar, ditambah pula dengan satu lagi kod baru iaitu perkhidmatan ikhtisas di bawah pembangunan masyarakat dasar baru, tiada kaitan dengan elaun dan sebagainya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ini sebagai suatu belanjawan kita. Jadi Tuan Pengerusi, ini belanjawan kita. Kita tahu angka tersebut supaya dapat digunakan untuk perayaan, hospital, mesyuarat, gaji kakitangan sambilan apa semua kita tahu, kalau tidak kita dahulu, kita masukkan ke dalam semua akaun ini. Ini kita tarik, itu sebab kerakyatan, kerakyatan maknanya satu perkara dalam akaun dahulu, satu perkara biasa perayaan. Kemudian hospitaliti maknanya semua itu perkara biasa dalam bajet yang dahulu. Tetapi kali ini saya tengok ada bajet macam perayaan, perayaan Deepavali, perayaan tahun baharu Cina, perayaan semua dimasukkan dalam kumpulan. Maknanya tersorok dalam belanjawan. Tetapi kali ini tidak. Semua perayaan apa *separate account*. Maknanya akaun yang berbeza supaya kita dapat *monitor*. Maknanya kalau kita belanja sepuluh ribu, berapa orang yang datang, berapa ringgit satu kepala. Semuanya dibuat kira-kira. Tidak lagi dahulu setengah *department* hendak berkongsi, *department* A, berkongsi *department* B, berkongsi *department* C berkongsi *department* D masuk sikit-sikit jadi banyak itu juga. Dalam perkongsian itu kita tak berapa tahu berapa yang di belanja dan ini saya hendak lihat yang Pegawai Daerah dan Tanah Sabak Bernam kita beri belanja ini kerana ada permohonannya dan kita hendak pantau setiap duit yang digunakannya.

Kalau dahulu dia tersorok dalam banyak akaun yang tersorok. Kini kita terbuka. Jadi pada tahun hadapan ataupun enam bulan kemudian Sungai Panjang boleh membangkitkan dari akaun 524001 terdapat pembangunan masyarakat dasar baharu sebanyak RM 300 juta dan apakah yang digunakan dalam tiga ratus juta tersebut? Bagaimana penggunaannya dan siapa yang mendapatkannya dan itu cara yang kita lakukan. Tiga ratus ribu kalau, iaitu pun walaupun ringgit, tiga ratus ringgit pun saya hendak kira juga.

**TUAN SPEAKER** : Dulu-dulu, sekarang, sekarang. Lain sikit.

Jadual B 23. Iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Lima Juta, Lima Ratus Enam Puluh Empat Ribu, Lapan Ratus Tujuh Puluh Satu (RM5,564,871.00) untuk Kepala B.23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada Jadual

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B. 24 – Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Lima Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu Enam Ratus Lima Puluh Lapan (RM7,533,658.00)

**TUAN SPEAKER** : Jadual B. 24 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Juta, Lima Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu, Enam Ratus Lima Puluh Lapan (RM7,533,658.00) untuk Kepala B. 24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Pindaan Jadual B. 25 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ribu, Dua Ratus Enam Puluh Lima untuk Kepala B. 25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang diedarkan terlebih dahulu.

Pindaan kepada kepala B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor dengan menggantikan perkataan Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Dua Ratus Lapan puluh Enam Ribu, Dua Ratus Enam Puluh Lima (RM9,286,265.00) dengan perkataan Ringgit Malaysia Lapan Juta, Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ribu, Dua Ratus Enam Puluh Lima (RM8,286,265.00).

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang kod yang sama di muka surat 494, kod 90000 - Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ini kepada pindaan, kepada pindaan dahulu.. kalau ada nak bahas pindaan, kalau tidak kita teruskan..kemudian..

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Pengerusi, saya ingin bertanyakan kod yang sama, muka surat 494, kod 29000, Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang dibeli, utiliti yang saya lihat di sini, peruntukan yang melompat begitu tinggi daripada 300 lebih ribu kepada 2 juta.

**TUAN SPEAKER** : Muka surat 494, butiran 505000 di bawah kod 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang dibeli dan Hospitaliti.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang kita hendak asingkan, ini serupa macam tadi, dan dinyatakan Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan yang dibeli dan Hospitaliti semua saya asing, semua saya asingkan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Pengerusi, masalahnya peruntukan meningkat daripada 300,000.00 kepada 2 juta, saya nak tahu untuk apa?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Kita sudah menjalankan beberapa usaha merakyatkan ekonomi dan ini merupakan beberapa belanjawan yang kita lakukan. Walau bagaimanapun dahulunya, caranya dimasukkan ke dalam akaun-akaun yang tiap-tiap jabatan. Tidak, saya tidak masukkan dalam akaun setiap jabatan, saya masukkan ke dalam akaun yang terasing supaya kita dapat tengok cara

penggunaannya. Saya tidak menyekat teknik cara pengurusannya. Saya tidak menyekat permohonan untuk mana-mana Pejabat Daerah, mana-mana akaun-akaun jabatan supaya mereka membuat permohonan untuk menjalankan beberapa projek dan perbelanjaannya pun saya tidak menyekat.

Apa yang saya lakukan ialah saya berikan. Umpamanya dia mesti buat perbelanjaan yang tersendiri, dan Pejabat Daerah Hulu Selangor yang kita katakan tadi, yang saya baru dapat nota tadi. Itu sebab saya suruh kalau tidak dia kadang-kadang disorokkan ke dalam beberapa akaun tertentu, untuk Pejabat Daerah Hulu Selangor sekarang kita dapati mengapa angka itu meloncat daripada 398,979.00 menjadi 2 juta Lima Ribu, Tiga ratus (2,530,000.00)? Sebab, satu sahaja saya tidak terima jawapan sebagai ini kerana Pejabat Daerah Hulu Selangor hendak pindah ke Pejabat yang baharu, kalau tidak dia boleh sorokkan akaun ini ke dalam akaun-akaun lain, jabatan-jabatan lain. Tapi saya suruh dia. Maknanya *itemise this is teknik itemise*. Jadi, kita tahu kita tengok sekarang Sungai Panjang dah faham dan *understand the very answers*. Jadi, bermakna saya sudah jawab. Maknanya Pejabat Daerah pindah ke Pejabat lain, jadi *variant exercise* menunjukkan boleh, saya pun pernah beri syarahan tentang *variant exercise*.

**TUAN SPEAKER :** Jadi, untuk makluman Yang Amat Berhormat, sebenarnya dulu kos pembinaan EXCO *village* memang disorokkan, sebab itu kita tak tahu langsung masa itu.

Baik jadual B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, Ringgit Malaysia Lapan Juta, Dua Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu, Satu Ratus Lapan Puluh Sembilan (RM8,272,189.00).

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG. SWEE LIM :** Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B.26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, muka surat 505 butiran 505000 kod 11000 – Gaji dan Upah. Sebab apa, masalah dan kelemahan yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan ini di mana Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ini, kalau dari segi kekurangan kakitangan sebab apa yang saya dapati banyak peruntukan ADUN yang kita tuntutan di situ banyak kelewatan yang serius disebabkan Pegawai Tadbir tidak mencukupi, saya difahamkan cuma ada 2 sahaja kalau salah satu ada masalah dan salah satu cuti maknanya kosong jadi kita terpaksa berulang kali ke Pejabat Daerah untuk melakukan kerja yang sama. Jadi saya mintalah perkara ini dapat dipantau dan diperbaiki kalau boleh ditambah, kakitangan ke bahagian tersebut.

Dan seterusnya berkenaan dengan satu masalah yang sudah berlanjutan sejak dari dulu di mana 2003 di mana dari soal Pentadbiran, surat hak milik pajakan tanah di Kampung Baharu, di *Site B*, Sekinchan, *Site C* khususnya dan *Site A* sebahagiannya apabila sudah tamat tempoh hak milik yang sebelum ini dan permohonan dipanjangkan pun sudah dikemukakan dan borang 5A pun sudah premium pun sudah di bayar tetapi mereka, penduduk menunggu sehingga sekarang, ada yang sampai 3-4 tahun tetapi

tidak dapat memperoleh surat hak milik geran yang baru, jadi perkara ini saya telah maklumkan kepada Pejabat Daerah dan kemungkinan saya rasa oleh kerana kakitangan dan sebagainya lah, kekurangan dan sebagainya jadi, saya mintalah supaya perkara ini kalau boleh dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat, bagi mereka yang sudah bayar tak ada masalah pertindihan, saya dimaklumkan sebelum ini ada alamat bertindih dalam 3 hingga 4 orang memohon pada alamat yang sama. Perkara ini kita sedia maklum dan kita boleh terima, tapi bagi yang tiada masalah yang tiada masalah yang tiada bertindih kita harap proses perlu disegerakan supaya keberkesanan Pentadbiran ini dapat diperbaiki, dan seterusnya mengenai dengan permohonan geran tanah di Bagan Sekinchan, lorong satu hingga lorong lima di mana kita sedia maklum penduduk di Bagan Sekinchan ini sudah purata majoritinya, 90% adalah nelayan, nelayan pantai dan mereka sudah menduduki sejak nenek moyang mereka, di situ lebih daripada 60 tahun tetapi sehingga kini walaupun ada banyak usaha oleh kerajaan yang lepas untuk memberi hak milik geran kepada penduduk Bagan Sekinchan, tetapi permohonan sehingga sekarang, walau pun saya banyak berbincang dengan Pegawai Daerah tetapi dimaklumkan tidak sampai ke EXCO dan kemungkinan ada timbul apa-apa masalah saya tidak tahu dan saya minta perkara ini perlu perhatian yang serius daripada pihak Yang Amat Berhormat Tan Sri sendiri Menteri Besar kerana bagi mereka sudah duduk 50 tahun, 60 tahun mereka perlukan satu jaminan sekurang-kurangnya ada satu kertas geran bagi mereka dan ini di samping mengiktiraf sumbangan mereka terhadap Negeri Selangor ini. Saya mintalah perkara ini dalam Pakatan Rakyat ini kita dapat membuat satu pembaharuan dan memberi jaminan dan mengeluarkan meluluskan hak milik geran kepada mereka demi kesejahteraan rakyat khususnya di DUN Sekinchan ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Teratai..ada soalan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Terima kasih, merujuk ke muka surat 505, butiran 505000 kod 11000 – Gaji dan Upah. Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan salah satu isu terhadap daerah adalah zon saya mendapati bahawa ada sebahagian daerah bahawa mereka sepatutnya mereka membahagikan daerah tersebut kepada zon supaya Ahli Majlis atau Ahli Daerah boleh menjalankan tugas mereka..

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang kita di Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam, tapi Yang Berhormat,

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tetapi mereka ada Ahli Daerah juga mereka tak ada Ahli Majlis macam Daerah Sabak Bernam, dan Hulu Selangor..

**TUAN SPEAKER** : Itu, Kerajaan Tempatan, sekarang kita di Pejabat Tanah dan Daerah, sudah lain, itu Kerajaan Tempatan, lain dengan Pejabat Daerah. PBT bukan di sini, PBT adalah Kerajaan Tempatan. Pejabat Daerah dan Tanah adalah bahagian Kerajaan Negeri, cawangan, ya..

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ok. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Malawati.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Tuan Pengerusi, muka surat 505, butiran 52400 Pembangunan Masyarakat kod 29000 – Pembangunan Masyarakat, dengan pembangunan perniagaan adalah cara efektif, soalan saya adakah benar di Negeri Selangor keseluruhan dalam semua daerah ada lebih daripada 2000 peniaga barang-barang lusuh, ataupun yang dipanggil besi buruk.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat jauh pergi, kita sekarang berada di Sabak Bernam, tak boleh pergi seluruh Selangor. Kita sekarang ini berada di Sabak Bernam, jadi kalau ada soalan, semua soalan berkenaan dengan Sabak Bernam sahaja.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Ok. Sabak Bernam, ini peniaga barang lusuh yang berada di sana, kebanyakan mereka ini tiada berlesen, saya diberitahu lebih kurang ada 50 orang ada di Sabak Bernam juga, bolehkah semua pihak ini diberi lesen seterusnya dengan syarat-syarat tertentu bagi mereka kata lebih kurang 1 tahun untuk mematuhi syarat-syarat *enforcement* boleh diperketat.

**TUAN SPEAKER** : Siapa yang beri lesen untuk barang-barang lusuh ini?

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Pejabat Daerah, Pejabat Polis juga terlibat, Pejabat Daerah pun terlibat.

**TUAN SPEAKER** : Pejabat Daerah, baik, teruskan..

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Ini boleh dapatkan menambahkan pendapatan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, saya dimaklumkan lesen untuk besi lusuh ini dikeluarkan oleh PBT, tidak berkenaan dengan Pejabat Tanah dan Daerah.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Tapi tempat dan tanah telah dipersetujui oleh Pejabat Tanah dan Daerah.

**TUAN SPEAKER** : *Then* itu soal lainlah. Tapi katakan lesen ni lain.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Terlibat jugalah.

**TUAN SPEAKER** : Jadi tidak, tidak berkenaan.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Okey, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Jangan pergi Kajang ya? Sekarang kita tempat di Sabak Bernam.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ya, ya, Sabak Bernam memang Sabak Bernam terlibat sangat dengan Sungai Panjang. Muka surat 505, butiran 55,000 berkaitan dengan penyelenggaraan pembaikan kecil dan juga dengan berkaitan dengan penyelenggaraan khasnya dari segi tanah. Di Sabak Bernam kita telah mendapati beberapa projek yang terlibat dengan tanah dan Pejabat Tanah di mana pengurniaan tanah untuk projek-

projek seperti *Marine Park* yang di bawah, bawah, di bawah pemantauan wakil rakyat daripada Yang Berhormat Sungai Panjang ketika itu dan juga projek di mana terdapat ladang kelapa sawit di Sungai Panjang yang melibatkan banyak skandal-skandal dan juga kelemahan-kelemahan yang ada yang dalam siasatan BPR. Dalam keadaan ini kita nampak dari segi penyelenggaraan di Sabak Bernam, nampak ada kecuaiian yang di Pejabat Daerah di situ yang terlibat akan berkaitan dengan tanah.

Hal-hal sebegini berlaku nampaknya kerana banyak campur tangan politik. Jadi kita hendak memastikan bahawa di Pejabat Daerah Sabak Bernam dan masa yang akan datang dan masalah penyelenggaraan baki, sisa dan juga masalah yang dihadapi dari segi penyelenggaraan, tanggungan yang mungkin agak banyak yang di mana kita dapati Sabak Bernam memang merupakan satu daerah yang agak miskin kalau dibandingkan dengan seluruh Selangor. Maka adakah kita akan peruntukkan dari segi kakitangan dan juga dari segi peruntukan untuk membaik pulih segala yang sudah dirosakkan? Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Soalan daripada Yang Berhormat Sekinchan dan Kajang berkisar mengenai pentadbiran tanah. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri sudah menubuhkan *Task Force* yang diketuai oleh Dr. Tan Kee Chong dan Prof. Dr. Nik untuk mengetuai kumpulan pengkajian tentang kita mengemas kini semua masalah yang dibangkitkan oleh Sekinchan yang begitu lama. Bukan masalah yang 8 bulan atau 10 bulan yang kita ada di sini. Bukan. Itu masalah lama. Antaranya, beberapa cadangan yang sekarang masih lagi dalam kajian negeri ialah dia mencadangkan supaya diasingkan tugas Pegawai Daerah daripada Pegawai Tanah kerana Pegawai Daerah ialah pengusaha, pemungut cukai tanah. Jadi dia ni mempunyai kuasa terhadap tanah. Oleh sebab itu kadangkala dia punya kerja terlalu banyak. Dia banyak kerja lain yang dia terpaksa jaga. Oleh sebab itu masa dia untuk menumpukan sepenuhnya sebagai pemungut hasil tanah juga agak terhad. Jadi kadang-kadang dia dah pergi dan dia failnya akan begitu tinggi di pejabatnya kerana dia tidak ada di pejabat untuk kerana perkara-perkara yang lain. Jadi oleh sebab itu dicadangkan oleh *Task Force* seperti yang dilakukan di Negeri Johor, sebagai contoh. Johor mengasingkan peranan Pegawai Daerah daripada peranan Pegawai Tanah. Dan dengan cara itu semua kerja mengenai tanah dapat diselesaikan oleh Pegawai Tanah dan dia tak perlu pergi ke mana-mana untuk terus menjalankan kerja ini. Ini hendak kita lakukan.

Kedua, konsep kita membawa fail, oleh sebab terdapat banyak fail hilang yang berkenaan tanah. Sekarang fail-fail dicadangkan dikumpulkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan, maknanya di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Jadi terlalu banyak fail di sini. Kalau hendak cari fail maknanya lama. Jadi ada dicadangkan guna balik cerita lama iaitu memberi fail itu balik ke daerah-daerah. Ini boleh menimbulkan beberapa kesukaran dan beberapa usaha untuk mempercepatnya. Jadi, pada saya, saya hendak mengkaji sepenuhnya perkara ini dan kita perlu membuat keputusan supaya dapat melicinkan proses-proses mengenai pemilikan tanah, pemberian geran dan seterusnya.

Proses-proses ini termasuk beberapa proses orang yang tahu apabila dia buat permohonan itu, dia hendak tahu di mana permohonan itu mungkin tersekat. Dia boleh tahu. Maknanya, dahulu dia tidak tahu bila dihantar, dia tak tahu ke mana peringkat permohonan mereka. Ini beberapa proses yang sekarang *Task Force* diminta dan juga kita berharap satu masa nanti kita ada sistem pengkomputeran. Maknanya rekod-rekod

tanah ini tak payahlah kita mencari fail tetapi boleh digunakan dalam komputer. Walau bagaimanapun, ini mula dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kemudian ditukar semula kerana terdapat beberapa kes pertindihan pemilikan dan menyebabkan sekarang sistem keselamatan tak begitu cekap ataupun kuat untuk mengelakkan kejadian menukar nama dalam sistem tersebut. Jadi saya harap penjelasan ini tidak menjawab sepenuhnya tetapi *Task Force* sudah dilantik untuk menyelia usaha tanah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.26 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Lapan Juta Dua Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu, Satu Ratus Lapan Puluh Sembilan (RM8,272,189.00). Untuk Kepala B.26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.27 – Mahkamah Syariah, Ringgit Malaysia Lapan Juta, tujuh Puluh Empat Ribu, Empat Puluh Sembilan (RM8,074,049.00).

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi, merujuk muka surat 515, Butiran 541000 Kod 11000 gaji dan upahan. Saya ingin menarik perhatian tentang peruntukan RM3.7 juta dengan perjawatan 204 orang. Ini bermakna komitmen daripada Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah di mana apa yang perlu ditampilkan dalam peruntukan sebesar ini adalah peningkatan, pemantauan dan penguatkuasaan. Dua kes yang menonjol dalam konteks masyarakat Islam sebagai pelanggan kepada Mahkamah Syariah. Pertamanya adalah pertikaian keluarga yang kadang-kadang mengambil masa bertahun-tahun, ada yang melebihi 10 tahun. Pertikaian keluarga sama ada perceraian, nafkah yang melibatkan kes yang saya tangani di Hulu Kelang daripada 2 orang isteri bermadu. Pertikaian tidak selesai hingga suami meninggal hingga hari ini, keadilan masih belum dapat dilaksanakan kepada kedua-dua pihak. Jadi saya ingin menyeru bahawa dengan peruntukan begini, keadilan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, yang terlibat hendaklah dinampakkan di dalam peruntukan belanjawan.

Kedua, dengan peningkatan prestasi kecekapan, peningkatan sistem pemantauan dan penguatkuasaan, dia juga boleh membantu satu segmen masyarakat untuk meningkatkan mereka, mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Antara kelompok dan segmen masyarakat Islam Selangor yang berada di paras kemiskinan adalah ibu tunggal. Khususnya ibu tunggal dalam kategori perceraian. Mereka ada yang mendapat, tidak diberikan. Keputusan mahkamah telah benar, memberi keputusan peruntukan nafkah anak RM300, RM400 sebulan. Ada yang tiga, empat orang anak. Nafkah isteri, RM600, RM700 sebulan. Dan saya dapati ada kes-kes yang keputusan mahkamah memberikan nafkah dan jaminan perlindungan sebanyak RM3,000.00, RM4,000.00 sebulan. Ini menampakkan seolah-olah menampung isteri lebih murah daripada menampung bekas isteri. Jadi maknanya sekiranya apa yang berlaku adalah kecuaihan dan tindakan pihak bekas suami tidak menghormati keputusan mahkamah dalam pemberian nafkah dan itulah menjadikan sebahagian segmen masyarakat ibu tunggal dalam konteks di cerai oleh bekas suami berada dalam garis kemiskinan, sekiranya Mahkamah Syariah dapat dipertingkatkan di segi penguatkuasaan pemantauan dan memanggil, mensapina dan memaksa dengan undang-undang bekas-bekas suami ini untuk memenuhi keputusan mahkamah, maka

kita akan dapat mengurangkan bilangan ibu tunggal yang berada di bawah paras kemiskinan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Berhubung dengan B.27 – Butiran 54100 kod 29000. Berhubung dengan Mahkamah Syariah ini, memperlihatkan semacam ada status yang berbeza dengan Mahkamah Sivil oleh kerana barangkali juga ada hubungan dengan perjalanan dan kualiti mahkamah, perjalanan mahkamah itu tersendiri. Umpamanya persoalan yang berhubung dengan kes tertunggak yang tidak habis-habis diselesaikan. Status Mahkamah Syariah dari segi binaan sendiri yang selalunya uzur yang masih belum dapat diperbaiki. Masalah-masalah isteri yang ditinggalkan tanpa perceraian diistilahkan sebagai gantung tidak bertali. Kalau berlaku perceraian agar terlampau sukar untuk diselesaikan dan berlaku ketiadaan nafkah kepada anak-anak yang terbiar. Begitu juga berlaku apabila, berlaku perceraian timbul masalah pembahagian harta sepencarian yang biasanya tidak dapat diselesaikan dengan secara telus dan memuaskan. Begitu juga persoalan kes suami isteri kalau suami masuk Islam. Umpamanya suami hendak bawa anak menjadi Islam tidak dibenarkan dan anak yang dibiarkan kepada isteri yang tidak Islam menyebabkan anak itu akan dididik secara tidak Islam. Begitu juga sebaliknya ada yang isteri masuk Islam, pembahagian anak, ada anak yang baligh boleh itu ayah anak yang belum baligh ikut emak. Jadi ertinya anak yang belum baligh akan dididik secara tidak Islam. Ini tidak menjadikan orang-orang Islam berasa tidak puas hati dengan hukuman ataupun apa yang diambil oleh mahkamah.

Begitu juga kes-kes kematian. Kalau seorang itu masuk Islam dengan tidak diketahui oleh masyarakat tetapi ada kes itu dalam mahkamah, ada catat yang dia seorang Islam maka berlaku perebutan antara waris yang menganggap dia tidak Islam tapi Pejabat Kadi kata dia Islam, ada buktinya. Jadi ini juga ertinya menyebabkan berlaku pertelingkahan antara keluarga dengan institusi, Pejabat Agama Islam dan sebagainya. Dan kadang-kadang menyebabkan dituntut supaya kubur itu digali balik, dipindah dan sebagainya. Kalau dia di kubur tempat orang bukan Islam dia minta gali dipindah balik di kawasan Islam dan sebagainya. Jadi ini saya ingat terutama dari segi keharmonian keluarga masyarakat Islam, kalau ini tidak dapat diselesaikan dengan baik dari segi perjalanan dia menjejaskan daripada keluarga itu sendiri dan masyarakat umat. Kebanyakan, banyak daripada ibu-ibu terutama yang di cerai atau ditinggal tidak bertali datang ke pejabat kita sama ada memohon peruntukan secara langsung bantuan daripada kita atau memohon daripada Pejabat Zakat ataupun Pejabat Kebajikan Masyarakat. Keadaan ini berterusan tidak dapat diselesaikan. Jadi kita mengharapkan persoalan-persoalan ini dapat diselesaikan terutama oleh pihak Jabatan Agama Islam supaya imej masyarakat Islam, Pejabat Mahkamah Syariah ertinya dapat diperbaiki. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Hulu Kelang dan terima kasih Y.B. Bangi. Hulu Kelang menyentuh persoalan mengenai meningkatkan prestasi Mahkamah Syariah dan juga menyentuh tentang pertikaian keluarga yang berlaku sudah begitu lama tetapi atas beberapa sebab mahkamah tidak dapat menyelesaikan sebagaimana yang disebutkan oleh Y.B. Bangi tadi. Sukacita saya menyebutkan bahawa sudah berlaku satu perubahan yang baik di Mahkamah Syariah

umpamanya dalam 3 bulan yang lalu sudah dilantik hakim-hakim baru, yang muda-muda, yang *qualified*, yang mempunyai kelulusan yang dikehendaki untuk menjalankan kes-kes. Bagi yang pertama sekali yang melihat kes-kes yang tertunggak. No. 2, bagi dengan segera untuk menyelesaikan kes-kes yang tertunggak termasuklah kes-kes yang berkaitan dengan perceraian yang sepatutnya berlaku tapi tidak dapat dilakukan dan akhirnya gantung tali pun berlaku terutamanya kepada isteri-isteri. Ada isteri yang digantung tali yang disampai kepada saya dah 10 tahun. Ada tu tali pun dah reput. Dan berbagai-bagai lagi. Daripada isteri tu membuat tuntutan suami dan isteri bercerai pada umur 35 tahun sehinggakan perempuan itu berumur 45 tahun, begitu 10 tahun. Akhirnya kalau misalnya dia *marketable* pada umur 35 tahun menjadikan dia tidak *marketable* lagi pada umur 45 tahun. Ini menjejaskan masa hadapan ibu-ibu yang termasuk dalam kumpulan ini. Jadi apa yang dilakukan sekarang ialah Mahkamah Syariah yang sudah pun mendapat tempat yang sendiri, mendapat identiti yang sendiri, mendapat bangunan yang sendiri, mendapat pentadbiran yang sendiri, mendapat peruntukan yang sendiri, saya rasa dengan cara itu kemungkinan besar mereka dapat menunjangi dan meletakkan Mahkamah Syariah, kalau tidak setanding, kalau tidak setanding yang kita harapkan lebih daripada itu melebihi Mahkamah Sivil dari segi prestasi mereka menyelesaikan kes-kes yang tertunggak.

No.2 ialah tentang, tentang ibu tunggal yang dikaitkan akibat daripada perselisihan keluarga perceraian dan sebagainya kalau mengikut keputusan mahkamah, kepada ibu yang masih kekal suami isteri. Kadang-kadang kita dapati bahawa imbuhan yang diberi dia ada RM4,000.00, RM5,000.00 tetapi kepada yang perceraian kepada ibu-ibu kadang-kadang memang rendah jumlah yang diberikan termasuk anak-anak defendan dan sebagainya. Dalam keadaan itu pun kita dapati terlalu ramai di antara mereka tidak dapat mematuhi keputusan mahkamah dan kadang-kadang bertahun-tahun. Ini disebabkan yang pertama, ibu-ibu atau anak-anak yang, yang, yang mengalami permasalahan sedemikian ini tidak dapat satu *recourse* apa cara hendak dilakukan. Mereka hendak mengambil *lawyer*, *lawyer* pun mengenakan yang diberitahu kepada saya yuran-yuran *lawyer* yang agak tinggi dan kadang-kadang dikata yuran-yuran *lawyer* itu lebih tinggi daripada apa yang dianugerahkan oleh mahkamah kepada mereka.

Yang kedua ialah tahap kesedaran masyarakat, terutamanya masyarakat desa bukan sahaja di Negeri Selangor, negeri-negeri yang lain juga tentang hak mereka yang sebenarnya. Hak undang-undang yang ada kepada ibu-ibu, kepada anak-anak, kepada *Citizen Muslim* di Malaysia ini yang saya rasa rata-ratanya masih berada di tahap yang rendah. Oleh kerana kesedaran itu masih rendah, maka pertikaian yang melibatkan mahkamah, keputusan mahkamah tidak dapat diambil dan dijalankan dengan berkesan akibat daripada kurangnya pengetahuan mereka mengenai urusan kemahkamahannya itu. Dan kemudian juga tentang Bangi menyebutkan tentang kualiti perjalanan mahkamah. Saya pun dah menyebutkan dan saya hendak menyebutkan tadi tentang yang, yang, yang, yang melibatkan keputusan-keputusan yang melibatkan orang yang bukan Islam. Sama ada isteri bukan ataupun suami bukan Islam yang telah disebut oleh Y.B. Bangi tadi. Dan kita dapati kes-kes yang lepas telah menimbulkan sedikit kekusaran dalam masyarakat. Bahkan menimbulkan kontroversi kepada masyarakat. Yang ini tugas mahkamah, tugas Mahkamah Syariah yang telah ditugaskan kalau kita lihat Mahkamah Sivil pun menyerahkan keputusan kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan seseorang itu sama ada mereka yang telah meninggal itu masuk dalam tafsiran orang Islam atau orang bukan Islam. Saya faham dan tuan-tuan pun, saudara-saudara pun, Y.B. – Y.B. pun faham betapa sukarnya langkah-langkah yang diambil untuk

menentukan kesahihan sama ada mereka itu Islam atau mereka bukan Islam. Dan berikutan dengan itu yang kita dapati tuntutan-tuntutan kubur kena gali dan sebagainya dan kita tak mahu melihat saya yang diamanahkan untuk melihat perjalanan Mahkamah Syariah tidak mahu melihat perkara ini berlaku. Oleh itu apa yang perlu dilakukan tidak lain dan tidak bukan kesedaran kepada masyarakat, pendidikan kepada masyarakat. Di samping memberikan masyarakat itu hak keluasan untuk mengetahui hak-hak mereka. Kalau mereka berkahwin dengan orang bukan Islam sama ada isteri bukan Islam, suami bukan Islam dan sebagainya yang telah berlaku dalam sistem kita. Ini haruslah dihindarkan dan saya fikir Mahkamah Syariah selain daripada hanya bertindak sebagai mahkamah, sudah ada rasanya satu komponen pendidikan dalam mahkamah tersebut untuk memberikan pendidikan kepada golongan masa, golongan rakyat terutamanya orang Islam mengenai hak, mengenai hak mereka dari segi undang-undang terutamanya dari segi undang-undang syariah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.27 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Lapan Juta, Tujuh Puluh Empat Ribu, Empat Puluh Sembilan (RM8,074,049.00) untuk Kepala B.27 Mahkamah Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.29 - Perbendaharaan (Perbelanjaan Am), Ringgit Malaysia Empat Puluh Tiga Juta, Sembilan Puluh ribu, Lima Ratus Tujuh Puluh Empat (R43,090,574.00).

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.29 - iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Empat Puluh Tiga Juta, Sembilan Puluh Ribu, Lima Ratus tujuh Puluh Empat (RM43,090,574.00) untuk Kepala B.29 Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

Baik sekarang kita balik ke B.20 seperti yang ditangguhkan sebentar tadi. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, soalan yang dikemukakan oleh Sungai Panjang ialah tentang adakah kod yang program aktiviti yang dikatakan kod 14000 iaitu mengenai elaun lebih masa dan adalah dan sebagai contoh mungkin unik kepada tanah ataupun akaun perbelanjaan di Klang. Dan oleh sebab itu mengapa, adakah ini berlaku di daerah-daerah yang lain. Jawapannya saya telah lihat sebagai contoh serupa juga mengenai di Kuala Langat. Di tanah dasar baru, dia terdapat jumlah peruntukan sebanyak RM50,000.00 dan ada elaun lebih masa RM30,000.00 di campur dengan perbelanjaan dan sara hidup RM20,000.00 yang itu yang mendapat RM50,000.00 sebagai contoh di Kuala Langat. Dan di Klang tadi kita dapat RM68,000.00 ialah campuran daripada RM25,000.00 elaun lebih masa dengan campuran jumlah perkhidmatan dan bekalan yang biasa ialah RM43,000.00. Jadi RM43,000.00 campur dengan RM25,000.00 jadi RM68,000.00. Maknanya tak ada perkara yang baru. Ini adalah satu konsistensi dalam pernyataan perbelanjaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.20 - iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Sembilan Juta, Empat Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Tiga (RM9,467,163.00) untuk Kepala B.20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah Perbekalan, Ringgit Malaysia Satu Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Enam Juta, Tiga Ratus Lima Belas ribu dan Lapan Ratus Dua Puluh Enam (RM1,356,315,826.00).

**TUAN SPEAKER** : Jumlah Perbekalan Ringgit Malaysia Satu Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Enam Juta, Tiga Ratus Lima Belas Ribu dan Lapan Ratus Dua Puluh Enam (RM1,356,315,826.00) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasa 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini sudah dipertimbang dalam Jawatankuasa Perbekalan dan sudah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**DATO' MENTERI BESAR** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di dalam Dewan ini ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2009) 2008.

**TUAN SPEAKER** : Setiausaha.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Peruntukan Diraja (Pindaan) 2008.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959 dibacakan Kali Yang Pertama.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Cadangan ini dipersetujui.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Enakmen Peruntukan Diraja, 1959 untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan tahun hadapan. Di bawah Kelas III (tiga) sejumlah RM456,977.00 telah ditambah untuk perbelanjaan di bawah emolumen bagi kakitangan istana daripada RM3,639,731.00 kepada RM4,096,708.00. Dalam Kelas IV (empat) sejumlah RM1,026,086.00 perlu ditambah bagi menampung bayaran tuntutan elaun, tuntutan perjalanan kakitangan pejabat Istana, perbelanjaan utiliti, bekalan dan penyelenggaraan Istana iaitu daripada RM9,244,411.00 kepada RM10,270,497.00. Dalam Kelas VII (tujuh), sejumlah RM16,428.00 adalah ditambah disebabkan pertambahan Elaun Orang Besar Istana iaitu daripada RM 547,620.00 kepada RM 564,048.00. Dalam Kelas VIII sejumlah RM 403,802.77 adalah ditambah disebabkan pertambahan bayaran pencen kakitangan Istana iaitu daripada RM 450,000.00 kepada RM 853,802.77.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin memberikan penggulungan. TIDAK.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2 – Pindaan

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Tuan Pengerusi, saya mohon buat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kelas Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu.

Fasal 2 Rang Undang-Undang dipinda dalam perenggan 2(d) dengan menggantikan perkataan “RM 450,000.00” dengan perkataan “RM 853,802.77”.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2 seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 2 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

Dipersetujui.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Tuan Speaker, saya memohon memaklumkan...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, nanti dulu, ha... Yang Berhormat nanti dulu, Dewan belum bersidang lagi. Ya, persilakan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : Tuan Speaker, saya memohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Tuan Speaker, saya menyokong

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2008.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (NO. 1) 2008 semua peringkat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan Kali Yang Pertama.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan menurut Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

Cadangan ini dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini bagi memberikan kuasa 'statutori' bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2008 yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang yang sedia ada.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Satu usul berjumlah RM 1.340 juta sudah diluluskan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang diadakan pada 19 November 2007. Berdasarkan anggaran perbelanjaan sehingga Disember tahun 2008, terdapat kekurangan sebanyak RM 178,271,628.00. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan sebanyak RM 178,271,628.00 diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh jabatan-jabatan seperti berikut:-

1. B01 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri sebanyak RM 2,687,156.00;
2. B03 - Pejabat Dewan Undangan Negeri sebanyak RM 551,928.00;
3. B06 - Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM 158,271,628.00;
4. B09 - Pejabat Tanah dan Galian Selangor sebanyak RM 375,000.00;
5. B12 - Jabatan Kerja Raya sebanyak RM 500,000.00;
6. B15 - Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM 180,400.00; dan
7. B29 - Perbendaharaan (Luar Jangka) sebanyak RM 15,705,516.00

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Maksud B.1 – Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar

Tambahan sebanyak RM 2,687,156.00 dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM 263,571.99 merupakan emolumen atau gaji yang dikehendaki untuk membiayai pembayaran gaji kakitangan awam berikutan pertambahan kakitangan tetap;
- ii. Sebanyak RM 11,000.00 untuk membiayai sewaan mesin fotostat bagi penyewaan perkhidmatan mesin fotostat di Pejabat '*Task Force*' Tanah Kerajaan Negeri Selangor;
- iii. Sebanyak RM 61,902.30 diperlukan bagi berikutan kenaikan harga minyak di pasaran dan pembelian alat-alat ganti bagi penyelenggaraan kenderaan; dan
- iv. Sebanyak RM 2,350,681.71 untuk membiayai kos bayaran kontrak perkhidmatan membersihkan dan menyelenggarakan rumah rasmi kerajaan di Seksyen 7, bil-bil tunggakan IJN dan menyelesaikan pelarasan tunggakan Pendahuluan Diri dan perbelanjaan majlis-majlis rasmi Kerajaan.

Maksud B.3 – Dewan Undangan Negeri

Sebanyak RM 551,928.00 dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM 29,128.00 emolumen dikehendaki untuk membiayai tuntutan elaun lebih masa berikutan kenaikan gaji kakitangan awam;
- ii. Sebanyak RM 196,000.00 untuk membiayai minyak kenderaan rasmi Speaker, Timbalan Speaker, EXCO dan Pejabat Dewan Undangan Negeri;
- iii. Sebanyak RM 50,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan alat tulis pejabat;
- iv. Sebanyak RM 276,800.00 dikehendaki bagi menampung kenaikan perbelanjaan pejabat kawasan ADUN dari RM 700.00 ke RM 1,000.00 dan kenaikan elaun pembantu YAB Menteri Besar dan Eksko.

Maksud B.6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri

Tambahan sebanyak RM 158,271,628.00 dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM 82,523,000.00 diperlukan bagi P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- ii. Sebanyak RM 31,948,628.00 diperlukan bagi P12 – Jabatan Kerja Raya;

- iii. Sebanyak RM 20,000,000.00 diperlukan bagi P13 – Jabatan Pengairan dan Saliran;
- iv. Sebanyak RM 13.8 juta diperlukan bagi P14 – Jabatan Agama Islam Selangor; dan
- v. Sebanyak RM 10,000,000.00 diperlukan bagi P29 – Perbendaharaan untuk Luar Jangka.

#### Maksud B.9 – Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Tambahan sebanyak RM 375,000.00 dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM220,416.50 dikehendaki untuk membiayai penyewaan komputer sebanyak 100 buah dan mesin fotostat sebanyak 13 buah;
- ii. Sebanyak RM35,000.00 penyelenggaraan dan pembaikan kecil untuk pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan, penyaman udara dan peralatan IT;
- iii. Sebanyak RM119,583.50 diperlukan bagi membiayai percetakan borang HS4 – hak milik strata, bil data pos tahun 2008 serta perbelanjaan kursus dalaman PTG.

#### Maksud B.12 – Jabatan Kerja Raya

Tambahan sebanyak RM500,00.00 dikehendaki untuk membiayai gaji kakitangan tetapi di JKR Klang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor kerana perjawatan kakitangan di pejabat tersebut tidak diambil kira dalam Bajet 2008.

#### Maksud B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tambahan sebanyak RM180,400.00 dikehendaki untuk membiayai tunggakan sewaan empat Pusat Dialisis, St. John Ambulans Negeri Selangor dan dua Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan berdasarkan keputusan Kertas MMKN 68 / 7 2007.

Maksud Perbendaharaan Negeri luar jangka. Tambahan sebanyak RM15,705,705, 506.00 dikehendaki bagi memberi bantuan perbelanjaan mengurus Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Kuala Selangor kesan kenaikan gaji kakitangan awam pada tahun 2007 tambahan juga di peruntukan bagi membuat pelarasan Bajet 2008.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Dengan penjelasan yang diberikan tadi saya mencadangkan suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2008 berjumlah RM178,271,628.00 dan diperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM2,687,156.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.1 – iaitu wang sejumlah RM2,687,156.00 untuk Kepala B.1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.3 – Dewan Undangan RM551,928.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.3 – iaitu wang sejumlah RM551,928.00 untuk Kepala B.3 – Dewan Undangan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.6 – Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM158,271,628.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.6 – iaitu wang sejumlah RM158,271,628.00 untuk Kepala B.6 – Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.9 – Pejabat Tanah dan Galian RM375,000.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.9 – iaitu wang sejumlah RM375,000.00 untuk Kepala B.9 – Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.12 – Jabatan Kerja Raya RM500,000.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.12 – iaitu wang sejumlah RM500,000.00 untuk Kepala B.12 – Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat RM180,400.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.15 – iaitu wang sejumlah RM180,400.00 untuk Kepala B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) RM15,705,516.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.29 – iaitu wang sejumlah RM15,705,516.00 untuk Kepala B.29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah Perbekalan RM178,271,628.00.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah Perbekalan RM178,271,628.00 menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal I dan Fasal II.

**TUAN SPEAKER** : Fasal I dan Fasal II menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan No. 1 / 2008.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor pindaan 2008 semua peringkat.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

**Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini, sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Cadangan ini dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor pindaan 2008 yang bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 untuk bacaan kali kedua.

Perlembagaan Persekutuan telah pun memperakui kedudukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Ketua Agama Islam. Perkara 3 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan memeruntukkan di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai

raja. Kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui akan dan ditetapkan oleh Perlembagaan negeri itu tertakluk kepada Perlembagaan itu segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidak tersentuh dan tercacat.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 juga mempunyai peruntukan yang sama seperti mana yang di peruntukan di bawah Perkara 96 iaitu segala hak keistimewaan, prerogatif, dan kuasa yang dinikmati oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam hendaklah tidak tersentuh dan tercacat atau dikurangi oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri.

Perkara 47 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat Undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal Agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam. Selaras dengan Peruntukan Seksyen 4 dan 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Majlis Agama Islam Selangor berfungsi untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam selain hukum syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Selanjutnya Majlis Agama Islam Selangor adalah menjadi pihak berkuasa utama Agama Islam selepas Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Dalam Perkara 55(d) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959, memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh bertindak mengikut budi bicara Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam melaksanakan fungsi sebagai Ketua Agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu. Selain mempunyai kuasa budi bicara dalam melaksanakan fungsi sebagai Ketua Agama Islam atau berhubungan dengan adat Melayu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Menteri Besar, Perkara 55(a) tidak memberikan perkenan bagi pembubaran Dewan Undangan Negeri, Perkara 55(2)(b) meminta supaya diadakan satu Mesyuarat Majlis Raja-raja berkenaan dengan keistimewaan kedudukan, kehormatan dan kebebasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku atau perbuatan amalan dan upacara agama.

Perkara 55(c) melantik waris, *consort*, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja. Perkara 55(2)(e) melantik orang-orang untuk menyandang pangkat, gelaran, kehormatan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan fungsi-fungsi yang berkaitan dengan Perkara 55(2)(f) dan pengawal seliaan, balai diraja dan istana Perkara 55(2)(g).

Sebagaimana kuasa budi bicara Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melantik Menteri Besar tidak boleh dipertikaikan begitu juga kuasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melantik ahli-ahli Majlis Agama Islam Selangor sewajarnya boleh dibuat tanpa perlu merujuk atau mendapat nasihat Menteri Besar kerana ianya selari dengan kuasa budi bicara Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah diperuntukkan di bawah perkara 55(2)(d) Undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959.

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 seperti yang telah dinyatakan di atas, memandangkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah merupakan Ketua Agama Islam negeri Selangor maka pindaan seperti berikut secara sendiri yang dilakukan dan diluluskan oleh dewan yang

mulia ini bagi mencerminkan kuasa mutlak yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan pentadbiran dan hal ehwal Agama Islam di negeri Selangor. Enakmen Agama Islam Selangor 2003 telah berkuat kuasa pada 1 September 2003 pindaan kepada subseksyen 11 (2) dan Seksyen 13 Undang-undang ini dibuat adalah untuk memberi kuasa dan budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Ketua Agama Islam Selangor bertindak atas budi bicara Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melantik, membatalkan pelantikan mana-mana Ahli Majlis menjadi anggota Majlis Agama Islam Selangor pindaan kepada subseksyen 11(4) Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memotong perkataan dalam 1, ini adalah dalam fasal 2 perkara I, iii Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 telah diperuntukkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri hendakkan berbangsa Melayu dan menganut Agama Islam.

Oleh yang demikian tidak timbul isu Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melantik pegawai lain yang beragama Islam untuk menjadi anggota Ahli Majlis Agama Islam Selangor menggantikan Setiausaha Kerajaan sekiranya beliau bukan orang Islam seperti mana yang diperuntukkan dalam subseksyen 11(4) Enakmen. Huraian ringkas mengenai cadangan pindaan kepada Enakmen seperti berikut :

- a) Fasal 1 Rang Undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan tentang permulaan dan kuat kuasa Enakmen ini.
- b) Fasal 2 Rang Undang-undang ini untuk memberi kuasa budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membatalkan pelantikan mana-mana orang untuk menjadi Anggota Majlis Agama Islam Selangor dan untuk memotong perkataan i dalam Seksyen 11 (4)

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membatalkan pelantikan mana-mana Anggota Majlis. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon mencadangkan.

**Y.B TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker Sg. Panjang bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang ini yang membatalkan perkataan dengan nasihat Menteri Besar kepada perkataan atas budi bicara baginda. Ini menunjukkan bahawa apa yang telah berlaku hari ini, selama hari ini kita tidak ada masalah yang dihadapi dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku melantik Ahli Majlis tetapi kita ingin tahu jugalah mengapakah Ke Bawah Duli Tuanku hari ini mohon kepada dewan ini meluluskan pindaan tersebut. Jika kita mengadakan *consultative consultation* di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Negeri dalam melantik Ahli-ahli Majlis dan kita tidak perlu meminda Undang-undang ini daripada perkataan atas nasihat Menteri Besar ke atas budi bicara Tuanku. Saya bimbang kerana ini akan disalah ertikan oleh individu tertentu mungkin ada percanggahan pendapat di antara Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan pucuk pimpinan Kerajaan Negeri kerana kita lihat bahawa kita memang

tidak menafikan kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Tuanku tetapi yang kita bimbang kalau selama hari ini ada perbincangan yang baik dalam usaha kita melantik mana-mana ahli Majlis dan berjalan dengan baik tanpa melakukan apa-apa pindaan dan kenapa pada hari ini kita keluarkan pindaan jika ia tidak berlaku pergeseran ataupun pertelingkahan pandangan di antara Ke Bawah Tuanku dengan pucuk pimpinan Kerajaan Negeri dalam melantik Ahli-ahli Majlis.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi yang ingin mengambil bahagian. Ya, Bukit Antarabangsa.

**Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, saya bangun untuk menyentuh sedikit dalam sesi perbahasan berhubung dengan usul yang telah dibawa oleh Gombak Setia sebentar tadi. Mendengar perbahasan Sg. Panjang saya kira beliau cuba menimbulkan keresahan di kalangan rakyat dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Sg. Panjang berniat jahat untuk cuba melaga-lagakan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baru dengan pihak istana. Bagi pihak Ahli-ahli Undangan Negeri Pakatan Rakyat saya ingin menzahirkan bahawa taat setia kita kepada Duli Yang Maha Mulia kepada Duli Yang Maha Mulia kepada Tuanku tidak berbelah bahagi. Kita mendukung usul yang dibawa oleh Gombak Setia iaitu untuk menjamin kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi memastikan Pentadbiran Agama Islam di Negeri Selangor ini dapat berjalan dengan baik dan lebih kemas lagi. Tetapi apa yang dibawa oleh Sg. Panjang tadi seolah-olah mesej yang hendak disampaikan bahawa timbul masalah komunikasi ataupun perbincangan di antara pihak istana dan pihak Kerajaan Negeri. Bagi saya ia berniat jahat dan saya yakin kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat memberikan kepimpinan yang terbaik iaitu untuk memastikan peranan istana dan Kerajaan Negeri itu lebih jelas supaya tidak timbul masalah pada masa yang akan datang.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat saya nak tanya dulu ada masalah di antara Raja dengan Kerajaan dahulu di Malaysia.

**Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, hanya yang buta sejarah sahaja akan menafikan bahawa tidak ada pernah ada masalah di antara Kerajaan Negeri dan pihak Istana. Pernah suatu ketika dahulu Menteri Besar Selangor daripada parti UMNO ambil anak Raja tetapi menafikan sehingga menimbulkan krisis yang begitu besar kenapa perkara ini tidak mahu 'diayakan' ataupun cuba menafikan perkara yang telah berlaku yang menjadi krisis nasional ketika itu. Seorang Menteri Besar yang bergelumang dengan berbagai masalah skandal dan sama ada rasuah dan penyelewengan dan salah guna kuasa pernah berlaku sehingga Duli Yang Maha Mulia Tuanku terpaksa mengambil pendirian yang cukup tegas supaya perkara ini tidak berulang. Jadi saya berharap Sungai Panjang jangan cuba melaga-lagakan kerana bagi kami Pakatan Rakyat kita akan memastikan keharmonian Institusi Raja-raja Melayu dalam negara kita termasuk di Negeri Selangor ini. Kita mahu usul yang dibawa ini disokong supaya ada penjelasan yang lebih tegas tentang peranan Kerajaan Negeri dan peranan Istana supaya umat Islam orang Melayu dan rakyat Malaysia di Negeri Selangor dapat hidup lebih sejahtera lagi. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi.

**TUAN SPEAKER** : Jika tidak ada saya minta pihak Kerajaan untuk menjawab.

**Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker kepada Sungai Panjang juga Bukit Antarabangsa. Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa menjunjung institusi Raja-raja dan dalam suasana kita menjunjung institusi Raja-raja ini kita hendak menentukan bahawa dalam sistem kita di Malaysia termasuk sistem kita di Selangor tidak lain dan tidak bukan dari segi agama tonggakunya ialah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Itu tidak akan sesiapa yang dapat mempersoalkan dan tidak pernah dipersoalkan kerana ini termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri bahawa Tuanku adalah merupakan tonggak kepada agama Islam.

Yang Kedua yang ingin saya menyebutkan Tuan Speaker bahawa institusi Raja-raja yang menjatuhkannya yang pernah menelanjangkan keburukan Raja-raja kepada rakyat ialah UMNO dan Barisan Nasional. Kita tahu krisis Perlembagaan. Kita jangan lupa krisis Perlembagaan bagaimana Raja-Raja Melayu kita ditelanjangkan sedemikian rupa dan saya tak tahu Sg. Panjang. Sg. Panjang pun saya rasa pun ketika itu belum terlibat secara penuh dalam politik secara langsung tetapi Sg. Panjang pun saya rasa terlibat juga sebagai orang yang terlibat dalam Peringkat Cawangan Bahagian ketika itu juga terlibat menelanjangkan sama Raja-Raja Melayu. Saya hendak mengambil pengertian yang lebih luas dalam suasana negara sekarang ini kalau tidak ada kemuncak kuasa, agama Raja-raja Melayu kita dapati persoalan ini tidak dapat dirungkaikan.

Persoalan agama, persoalan Mahkamah Syariah, persoalan Mufti, persoalan Pentadbiran MAIS umpamanya, persoalan Pentadbiran JAIS umpamanya kalau tidak ada kuasa-kuasa mutlak daripada Raja, kuasa khusus daripada Raja saya rasa dalam suasana yang ada sekarang kemungkinan besar akan timbul permasalahan-permasalahan dapat dihuraikan maka pindaan kepada Enakmen ini Tuan Speaker adalah bertujuan sebagaimana disebut pembentangan saya untuk menentukan untuk kita memberikan *enforcement* kepada peruntukan Perlembagaan untuk meletakkan bahawa Sultan itu di atas segala-galanya dalam hal mengenai Agama Islam pertamanya di Negeri Selangor. Saya hendak komen sedikit apa yang disebutkan oleh Sg. Panjang tadi konon-kononnya Sg. Panjang tidak tahu dan menimbulkan sebagaimana Bukit Antarabangsa mengatakan hendak menimbulkan melahirkan bibit-bibit keretakan di antara kepimpinan Negeri dengan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia. Apa yang disebut tadi memang niat jahat.

Sayalah mengatakan niat jahat cuba nak cari ruang-ruang nak masuk nak mengeruh hubungan yang begitu baik begitu jernih di antara Menteri Besar, EXCO Kerajaan Negeri tetapi saya hendak katakan salah satu daripada sebab mengapa Enakmen ini dipinda waktu kita menang dalam pilihan raya terdapat dua (2) ahli Anggota MAIS. Yang pertama Y.B daripada Sementa yang menjadi ahli MAIS. Satu lagi ialah Y.B bekas Y.B daripada Bangi tak mahu mengundurkan diri. Sg. Panjang mereka tak mahu mengundurkan diri. Terpaksa di panggil melalui telefon tak datang akhirnya Istana panggil mereka keluar dari mulut Tuanku sendiri berundur undurlah Kerajaan telah berubah. Kokok ayam pada 8 hari bulan Mac pada waktu pagi telah menyambut Kerajaan baru saya tak mahu menimbulkan perkara ini sebenarnya. Saya nak jaga malu daripada dua-dua ahli. Tak ada, tak pernah datang pun sekarang ini. Tak tahu saya ingat sekarang dia tahu saya hendak menyebut nama dia hari ini. Sementa tak datang dah. Kalau kita menggulung pun Y.B Sg. Panjang pun tak datang-datang. Hari ini baru keluar maklumlah sudah mencukupi kuota.

Mengenai Bukit Antarabangsa krisis yang melibatkan MB dan bekas-bekas MB Sg. Panjang pura-pura tak tahu pula. Pura-pura dan saya hendak mengatakan ya hubungan antara istana ini dalam masa lapan (8) bulan. Kita mentadbir negeri Selangor bagi saya secara peribadi inilah hubungan yang paling intim di antara istana dan Pentadbiran Negeri tetapi kita meletakkan Rang Undang-undang pindaan ini semata-mata untuk meletakkan sesuatu perkara itu di tempat yang adil. Adil ertinya meletakkan sesuatu di tempatnya adil kita kepada Tuanku meletakkan Tuanku di tempatnya yang sebenarnya. Jadi sebab itu Tuan Speaker saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mengambil bahagian kepada semua ahli-ahli pentadbiran termasuk Penasihat Undang-undang yang telah terlibat langsung dalam program ini dan sesiapa sahaja juga yang mengambil bahagian untuk mengetengahkan pindaan enakmen ini kita ucapkan terima kasih kepada mereka diharapkan dengan pindaan ini akan mengukuhkan lagi akan memberikan kestabilan dan keharmonian yang sangat-sangat diperlukan dalam kita membangun negeri sebagaimana negeri Selangor negeri yang paling maju ini kita harapkan kemajuan itu tegak atas dasar pertama hubungan istana dengan Pentadbiran dan pemerintahan itu berjalan dengan baik.

No. 2 kita hendak saban masa saban ketika rakyat seperti saya menghormati kedudukan baginda. Baginda duduk di atas hal agama saya hendak saya hendak beritahu sesiapa sahaja hal tentang agama ini yang masuk dalam kontrak sosial janganlah ungkit-ungkit janganlah dibawa-bawa di mana-mana dalam ceramah dalam syarahan dalam mana dalam media sebagaimana. Yang ketiga saya mengharapkan supaya rakyat kita sudah masuk generasi yang kedua selepas merdeka sekarang supaya generasi yang kedua *educated*, generasi yang lebih *exposed* seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang dan kita Yang Berhormat -Yang Berhormat daripada kitalah orang yang mesti berada di hadapan untuk mempertahankan kedudukan martabat Tuanku pelbagai kuasa yang ulung dalam pentadbiran pengurusan Agama Islam di negeri Selangor ini dan akhirnya saya ingin menyeru kepada generasi yang datang tak kira bangsa sama ada Tiong Hua, sama ada India sama ada Melayu siapa pun marilah kita sama-sama menghormati peruntukan yang ada dalam Enakmen ini. Peruntukan yang ada dalam Perlembagaan ini atas nama kesejahteraan kontrak sosial atas nama yang kita bapa-bapa kita, datuk-datuk kita bersama-sama menurunkan tandatangan mereka untuk mengusulkan kontrak sosial ini. Marilah bersama-sama kita atas dasar spirit, semangat, kita menghormati, kita meletakkan martabat Tuanku marilah kita sama-sama menghidupkan semangat ini dalam kerjaya kita dalam kehidupan kita bagi menjamin Selangor negeri idaman sejahtera berkeadilan.

Sekian Tuan Speaker saya dengan ini mencadang.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah 1.00 petang saya tangguhkan Dewan ini hingga 2.30 petang. Dewan di tangguh.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

**(Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Minta maaf Tuan Speaker, Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 hingga Fasal 3

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 hingga Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. (Sorak Ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. (suara Ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bolehlah dikatakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, pindaan 2008.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya mohon..

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk dulu.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang Enakmen Penghinaan Dewan 2008 semua peringkat.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Enakmen Berkenaan Perlakuan Penghinaan Dewan Negeri dan Jawatankuasa Dewan Negeri.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bernama satu Enakmen berkenaan Perlakuan Penghinaan Dewan Negeri dan Jawatankuasa Dewan Negeri.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. (suara Ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Cadangan ini dipersetujui.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Penghinaan Dewan 2008 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memartabatkan Dewan yang mulia ini dengan memperuntukkan hukuman ke atas mana-mana orang yang melakukan 5 jenis kesalahan menghina Dewan atau Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh dewan iaitu :

1. Enggan menerima dan mengingkari penyampaian perintah saman atau arahan
2. Enggan hadir di hadapan Dewan atau Jawatankuasa Dewan
3. Enggan mengemukakan kertas, buku, rekod atau dokumen
4. Enggan mengangkat sumpah, mengikrarkan atau menentu sahkan kenyataan
5. Membuat kenyataan palsu secara bertulis atau lisan di hadapan Dewan atau Jawatankuasa Dewan
6. Membuat atau menyebabkan dokumen palsu dibuat bagi tujuan menjadikannya keterangan di hadapan Dewan atau Jawatankuasa Dewan

Pada masa ini hukuman ke atas kesalahan-kesalahan tersebut tidak diperuntukkan di dalam jadual kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959 iaitu kuasa dan keistimewaan Dewan Negeri. Ini bererti terdapat satu kekosongan atau '*lacuna*', dengan izin, dalam jadual tersebut. Dewan atau Jawatankuasa Dewan yang menjalankan

tugasnya akan menghadapi masalah sekiranya mana-mana orang yang diperintahkan oleh Dewan atau Jawatankuasa Dewan mengingkari perintah Dewan atau Jawatankuasa. Dan jika ini berlaku martabat dewan akan terjejas. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan melicinkan lagi perjalanan dan siasatan Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan seperti Jawatankuasa Kira-kira Awam ataupun PAC dan Jawatankuasa Pilihan Khas Kecekapan Kebertanggungjawaban dan Ketulusan, dengan izin, SELCAT. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadangkan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Penghinaan Dewan ini kerana saya merasakan ini adalah amat penting dalam usaha kita untuk memperkasakan Dewan yang mulia ini sesuai dengan apa yang ada dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Sekiranya kita luluskan Enakmen Undang-Undang Penghinaan Dewan, kita akan memastikan Dewan Undangan Negeri ini tidak menjadi seekor harimau tidak bergigi yang mana kita ada, kita boleh mendakwa sesuatu pihak itu melakukan kesalahan tetapi kita tidak ada kuasa untuk menghukum mereka. Dengan ini ia boleh meningkatkan lagi mutu kualiti Dewan ini dan meningkatkan etika di kalangan Ahli Dewan agar mereka tidak sekiranya mereka melakukan salah laku maka mereka boleh dihukum. Dan sebagaimana kita tahu, ada pelbagai isu yang sekarang dibongkar dan saya rasa amat penting agar Dewan ini mempunyai kuasa untuk memanggil dan seterusnya menghukum mana-mana pihak sekiranya mereka tidak bekerjasama dengan Dewan yang mulia ini. Kalau kita lihat pun di negara lain misalnya di Britain, *House of Commons* mereka mempunyai kuasa yang sama untuk menghukum mana-mana anggota mereka yang menghina *House of Commons*. Jadi sebagaimana negara kita pun berasaskan kepada demokrasi *West Minister*, jadi kita merasakan kekosongan atau '*lacuna*' yang ada ini perlu diisi dengan segera. Saya berharap semua ahli Dewan akan menyokong Rang Undang-undang Penghinaan Dewan ini diluluskan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker, Kajang ingin ambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang ini memandangkan ia merupakan satu perkara yang amat penting dalam martabatkan Dewan kita. Kerana selaku *Public Account Community Chairman* ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam. Kita dapati memang sukar kita hendak samankan seseorang yang bertanggung jawab dalam kes-kes atau projek-projek yang bermasalah dari segi pentadbirannya dan terdapat penyelewengannya, kita memang susah nak dapatkan mereka ke depan untuk bertanya atau menyoal dan mengemukakan dokumen-dokumen dan sebagainya. Misal contohnya, di dalam kes yang terlibat di Sabak Bernam, satu kes di mana ada pelaksanaan satu projek *Marine Park* di mana ketara sangat terdapat penyelewengan baik dari segi dalam kerajaan mahupun di bawahnya dan kita dapati

antaranya yang ada yang duduk dalam waktu projek itu dilaksanakan, pegawai-pegawai kanan dalam kerajaan yang terlibat dan kini sudah menduduki jawatan tinggi sebagai CEO dalam kompeni. Maka kita tidak ada status untuk menyamakan dia untuk hadir untuk menjawab kepada jawatankuasa. Dalam keadaan kita nampaknya seperti satu jawatankuasa yang hanya menyemak laporan audit di mana sudah pun semuanya dilakukan dan kita tidak boleh buat apa-apa. Bermaksud mereka yang melakukan kesalahan penyelewengan ataupun disyaki berbuat begitu dibiarkan bebas begitu sahaja. Maka Kajang memang menganggap Rang Undang-Undang ini amat penting untuk memberi kuasa kepada dewan dan juga untuk menjaga kepentingan rakyat di seluruh Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, saya ingin menyokong usul ini di atas dasar pengalaman ADUN di peringkat kawasan seperti di Hulu Kelang. Kita dapati beberapa masalah penyelewengan terutamanya dari segi penyerahan dan pengagihan pelupusan tanah-tanah yang sepatutnya merupakan kawasan sempadan hutan, kawasan-kawasan cerun kelas tiga dan empat pada syarikat-syarikat swasta. Sebahagiannya kita memang ada maklumat, maklumat-maklumat lisan, maklumat bertulis dan dokumen tentang tanah-tanah ini tidak sepatutnya dilupuskan. Dan apabila pelupusan tanah ini dilakukan dengan kadar premium yang begitu murah begitu rendah ia akan menimbulkan kerugian kepada Kerajaan Negeri. Kemudian berlaku beberapa kali pertukaran hak milik tanah hinggalah tempat itu dibangunkan. Satu kes yang agak menarik adalah tentang Bukit Melawati, dari segi rekod, sejarah, rekod lisan, mulut dan dokumentasi membuktikan kawasan itu tidak sepatutnya dilupuskan. Jadi saya sebagai ADUN tidak dapat membawa isu ini kerana kalau tidak ada kuasa di dewan untuk memanggil pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk disiasat untuk disoal dalam jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang diwujudkan oleh dewan. Kedua, saya telah menimbulkan dalam sidang yang pertama dulu satu tanah yang hari ini dinamakan kawasan rumah pangsa Bukit Baru. Kesnya merupakan tanah kerajaan seluas 14 ekar yang telah dilupuskan untuk tujuan pemindahan kawasan setinggan dengan harga RM2.00 satu kaki persegi kemudian ditambahkan dengan dua lagi ekar, jadi 16 ekar dengan tujuan kerjasama J.V. dengan izin antara syarikat swasta dengan MPAJ. Kemudian apabila kelulusan telah diberikan tanah yang seluas 14 ekar ini dibahagikan hanya dua ekar digunakan untuk pembinaan pangsapuri kos rendah untuk 3,000 penduduk setinggan sedangkan 16 ekar digunakan untuk membina blok-blok pangsa mewah kondominium mewah dengan harga yang melonjak tinggi. Jadi kes ini apabila di bawa ke MPAJ contohnya tidak ada bidang kuasa dan sebagainya dan saya percaya pihak jawatankuasa yang diwujudkan oleh dewan boleh membuat siasatan, dewan diberikan kuasa bertindak yang sewajarnya. Jadi satu lagi kes yang terbaru yang telah saya timbulkan dalam beberapa hari yang lepas adalah tentang pelupusan tanah di kawasan sungai iaitu Sg. Kemensah yang apabila kita siasat kita dapati ada kawasan projek perumahan yang tembok dan tiangnya betul-betul di gigi air sungai kemudian apabila ditanya kepada MPAJ dia katakan bahawa kelulusan telah diberikan kerana tanah itu tanah milik swasta. Bila kita turun kita dapati bahawa tanah itu adalah tanah reserve sungai yang disiasat kemudiannya sebagaimana yang telah saya nyatakan telah merupakan dilupuskan oleh JPS di atas arahan pihak-pihak tertentu. Jadi di sini lagilah kalau di mana sebagai ADUN kalau tidak ada tempat nak bawa untuk siasat perkara-perkara begini yang menimbulkan kepentingan rakyat, kepentingan Negeri Selangor

maka tidak ada kuat kuasa yang berwibawa di dewan ini. Dengan itu saya amat menyokong agar usul ini diluluskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk memberi penjelasan sekiranya ada.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah berhujah tadi. Saya rasa keseluruhan dewan ini mengetahui betapa pentingnya Akta Undang-Undang ini untuk enakmen ini melicinkan proses siasatan yang sedia ada. Saya juga ingin menegaskan bahawa undang-undang yang di hadapan Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah adil kerana jika seseorang yang didapati bersalah laporan polis akan dibuat untuk membolehkan polis menjalankan siasatan jadi bukan jawatankuasa yang menjadi, dengan izin '*judge an executional*' akan dibuat dan hukuman tersebut sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa mahkamah. Jadi sesiapa yang mungkin rasa risau atau kluatir bahawa jawatankuasa PAC atau pun SELCAT akan menyalahgunakan kuasa ini tidak akan berlaku. Saya ingin akhirkkan ucapan singkat saya dengan sebuah pantun.

**TUAN SPEAKER** : Boleh, silakan ....

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** :

Habis botak hutan ditarah,  
Sekalian negeri menjadi hairan,  
Apa guna pandai berhujah,  
Tetapi enggan menerima kebenaran,

Hukum alam pada peraturan,  
Baik dan buruk ada pembalasan,  
Matlamat undang-undang memelihara kesejahteraan  
Agar hidup sentiasa di landasan.

Memakan tempe menjadi amalan,  
Katanya mujarab mencantikkan wajah,  
Apa di takut akta penghinaan  
Kalau perbuatan tiada yang salah.

Dari belukar hingga ke rimba,  
Meredah belantara mencari nujum,  
Kini waktunya sudah tiba,  
Kesalahan yang lalu akan dihukum.

Sekian, terima kasih. (tepuk tangan).

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bernombor satu enakmen berkenaan perlakuan penghinaan Dewan Negeri dan Jawatankuasa Dewan Negeri.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya dewan ini sidang sebagai jawatankuasa untuk menimbang RANG Undang-Undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 hingga fasal 3.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 hingga Fasal 3 menjadi sebahagian daripada RANG Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 4 hingga Fasal 6.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 4 hingga Fasal 6 menjadi sebahagian daripada RANG Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya RANG Undang-Undang ini seperti yang dibincangkan dan dipersetujui. Dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker saya, saya mohon maklumkan bahawa Dewan ini bahawa RANG Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya RANG Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah RANG Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : RANG Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Penghinaan Dewan 2008. Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul anggaran Peruntukan Pembangunan 2009.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut : bahawa menurut Seksyen 4(3) dalam Seksyen 9 dan Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini

membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak 710,600,00 yang dinyatakan di dalam Anggaran Peruntukan Pembangunan 2009 yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut sub-seksyen 4(1) Akta yang sama seperti mana didapati di jadual hendaklah diluluskan. Pertama, Anggaran Peruntukan Pembangunan 2009 P1 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri 235,229,943 Perbendaharaan Projek Am 35 juta ringgit. Perbendaharaan 1 juta, Jabatan Pertanian 15 juta, Jabatan Perhutanan 5,755,700, Jabatan Kerja Raya 190,110,000, Jabatan Pengairan dan Saliran 65,200,000, Jabatan Agama Islam 103,500,000, Jabatan Perancang Bandar dan Desa 2,718,357. Jabatan Perkhidmatan Haiwan 6,386,000. Jabatan Kehakiman Syariah 700,000, Perbendaharaan Luar Jangka 50 juta jumlahnya 710,600,000.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sejumlah 1,400 juta adalah di peruntukan dalam Anggaran Bajet Negeri Selangor untuk perbelanjaan tahun 2009. Daripada jumlah tersebut sebanyak 710,600,000 telah disumbangkan melalui kumpulan pembangunan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah 710,600,000 untuk projek-projek pembangunan Negeri Selangor pada tahun 2009. Pecahan mengikut kepala adalah seperti di Usul Pembangunan 2009.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, P1 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Sejumlah 235,229,943 di peruntukan di bawah vot Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Dari jumlah tersebut 36,300,000 diperuntukkan untuk projek mesra rakyat ataupun perkhidmatan masyarakat PK1 dan 17,926,010 untuk pembangunan luar bandar PK2 di mana sejumlah 5,550,000 di peruntukan untuk projek ekonomi kecil dan ringgit 12,376,010, 76,010 untuk pembangunan kampung. Kedua peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga diagihkan kepada pusat pertumbuhan PK3 sejumlah 90 juta. Perbandaran PK4 sejumlah 23,959,186.00; Muzium (P.K.6.) sejumlah RM2,000,040.00; Perpustakaan (P.K.7) sejumlah 35,000,050.00; Istana (P.K.8) sejumlah RM 4,395,630 dan Usahawan (P.K.10) sejumlah RM3,300,000.00.

3. Bagi Pembangunan Sosial (P.K.11) pula, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM26,850,040.00 dan diagihkan kepada Pembangunan Insan sejumlah RM22,050,010.00; Wanita sejumlah RM8000,000.00; Belia sejumlah RM3,5000,000,00; dan Rumah Kos Rendah sejumlah RM500,030,00. Manakala sejumlah RM700,020,00 pula diperuntukkan di bawah Pusat Latihan (P.K.12); Pembangunan Institusi Pentadbiran (P.K.13) Sejumlah RM3,695,060.00 diperuntukkan yang mana ianya diagihkan kepada Bangunan Pentadbiran RM2,700,020,00 dan Rumah-rumah Kediaman Kerajaan RM995,040.00.

Selain itu, peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri diagihkan juga untuk Pelancongan (P.K.14) iaitu RM3,950,020.00: Kajian (P.K.15) RM2,000,000.00; Pembangunan Teknologi Maklumat (P.K.16) RM9,000,000.00; Perikanan (P.K.17) RM300,000.00; Jabatan Perhilitan (P.K.18) RM50,020,00; Balai Cerap (P.K.19) RM1,800,000.00; Pengambilan Balik Tanah (P.K.20) RM5,000,000.00; Pelbagai (P.K.21) RM3,003,757 dan Dasar Kerajaan Negeri (P.K.22) RM 56,000,000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

P.4 Perbendaharaan (Projek Am) sejumlah RM 35,000,000.00 disediakan di bawah Jabatan Perbendaharaan untuk projek-projek am.

Perbendaharaan sejumlah RM1,000,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Komputer di bawah Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor.

P.8 Pertanian sejumlah RM15,000,000.00 diperuntukkan di bawah Vot Pertanian (P.8). Daripada jumlah tersebut, RM3,930,000.00 adalah untuk Pembangunan Taman Agroteknologi (P.K.1); RM4,270,000.00 untuk Pembangunan Tanaman Makanan (P.K.2); RM400,000.00 untuk Pembangunan Tanaman Industri (P.K.3); RM 850,000.00 untuk Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan (P.K.4); RM900,000.00 untuk Pembangunan Industri Asas Tani (P.K.5); RM1,750,000.00 untuk Pembangunan Pusat-Pusat Teknologi Pertanian (P.K.6); RM100,000.00 untuk Pengurusan Perosak Bersepadu (P.K.7); RM7000,000.00 untuk Program Pembangunan Agro Pelancongan (P.K.9); RM1,000,000.00 untuk Pembangunan Pertanian Bersepadu (P.K.10); RM200,000.00 untuk Pembangunan Teknologi Maklumat (P.K.11); untuk Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (P.K.12) RM700,000.00 dan selebihnya RM200,000.00 untuk Program Pengurusan Tanah Bermasalah.

P.10 Perhutanan sejumlah RM5,755,700.00 diperuntukkan di bawah Jabatan Perhutanan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti Program Pengurusan Sumber Hutan (P.K.1) sejumlah RM850,000.00; Program Pembangunan Sumber Hutan (P.K.2) sejumlah RM1,705,000.00; Pembangunan Perhutanan Masyarakat (P.K.3) sejumlah RM1,150,000.00; Program Pembangunan Tenaga Manusia / Infrastruktur (P.K.4) sejumlah RM1,700,000.00; Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam sekitar (P.K.5) sejumlah RM300,700.00; dan Program Seranta Pengembangan Perhutanan (P.K.6) sejumlah RM50,000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

P.12 Kerja Raya sejumlah 190,110,000.00 telah diperuntukkan di bawah Vot ini. Sebahagian besar peruntukan tersebut akan digunakan untuk Pelbagai Rancangan (P.K.1) sebanyak 12,500,000.00; Kerja-kerja Permulaan Projek (P.K.2) RM4,200,000.00; Membina Jalan dan Jambatan (P.K.3) sebanyak RM 15,450,000.00 dan Menaik taraf Jalan dan Jambatan (P.K.4) iaitu sejumlah RM 157,960,000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pengairan dan Saliran sejumlah RM65,200,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Peruntukan tersebut diagihkan kepada aktiviti Pelbagai Rancangan (P.K.1) sebanyak RM6,500,000.00; Rancangan Saliran (P.K.2) sebanyak RM2,000,000.00; Rancangan Mencegah Banjir (P.K.3) sebanyak RM44,900,000.00; Kerja-kerja Kecil Mencegah Banjir (P.K.4) sebanyak RM1,500,000.00; Meningkatkan Taraf Sistem Saliran (P.K.5) sebanyak RM4,500,000.00; Projek Barat Laut (P.K.6) sebanyak RM100,000.00 dan Pelbagai Projek (P.K.7) dan sebanyak RM 3,700,000.00.

Selebihnya diperuntukkan untuk Menurap Jalan-jalan Ladang (P.K.8) iaitu sebanyak RM1,000,000.00 dan Pembentungan Kekotak (P.K.9) sebanyak RM1,000,000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

P.14 Agama Islam sejumlah RM103,500,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM54,100,490.00 disediakan untuk Projek

Pembinaan Sekolah-sekolah Agama (P.K.1); sejumlah RM4,900,100.00 untuk Pembinaan Bangunan Pejabat-Pejabat Agama (P.K.2); RM41,200,600.00 untuk Pembinaan Masjid-masjid (P.K.3) dan RM3,298,750.00 untuk projek Pelbagai (P.K.7).

P.16 Perancang Bandar dan Desa sejumlah RM2,718,357.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Pecahan ini diwujudkan sebagai pengkhususan kepada aktiviti Kajian dan Pembangunan (R&D) di mana sejumlah RM800,000.00 untuk Rancangan Pembangunan (P.K.1), RM 450,000 untuk Perancangan Dasar (P.K.2) dan RM1,468,357.00 untuk Kajian Khas Perancangan (P.K.3).

P.17 Haiwan sejumlah RM6,386,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM875,000.00 disediakan untuk Transformasi Industri Lembu Pedaging (P.K.1) ; RM540,000.00 untuk Pembangunan Fidlot (P.K.2); RM490,000.00 untuk Pembangunan Insaniah dan Usahawan Industri Asas Tani (P.K.3); RM620,000.00 untuk Transformasi Industri Kambing dan Kambing Bebiri (P.K.5); RM560,000.00 untuk Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (KTPM) dan Taman Agrotek Negeri Selangor (P.K.6); RM581,000.00 untuk Pejabat Perkhidmatan Haiwan (PHK) Negeri, Daerah dan Pusat Haiwan Kecil (P.K.7); RM230,000.00 untuk Rancangan Kawalan Pencemaran (P.K.8); RM660,000.00 untuk Transformasi Industri Lembu Tenusu iaitu (P.K.9); RM230,000.00 untuk Rancangan Ternakan Unggas (P.K.10); dan RM1,035,000.00 untuk Rancangan Penternakan Ayam Kontrak (P.K.11); RM165,000.00 untuk Rancangan Ternakan Rusa (P.K.12); RM100,000.00 untuk Rancangan Memelihara Kebajikan dan Kesejahteraan Haiwan (P.K.13); serta sejumlah RM299,900.00 untuk Kawalan Penyakit (P.K.14).

Jabatan Kehakiman Syariah sejumlah RM700,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini untuk membangun Institusi Mahkamah Syariah (P.K.1).

P.29 Luar Jangka sejumlah RM50,000,000.00 diperuntukkan bagi memenuhi keperluan luar jangka.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian,

Memandangkan bahawa kita pun telah pun membahaskan peruntukan pembangunan dengan panjang lebar, maka saya dengan ini memohon supaya Usul ini diluluskan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Tuan Speaker, saya memohon menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu usul anggaran peruntukan pembangunan 2009. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku ingin menyentuh sedikit tentang usul pembangunan ini, ada satu perkara pertama yang ingin disentuh ialah perumahan. Dalam usul ini telah memperuntukkan sejumlah 710 juta ringgit untuk tujuan pembangunan pada tahun depan dan saya meminta supaya fokus dan juga tujuan dan maklumat-maklumat kerajaan negeri boleh ditumpukan ke arah perumahan. Keperluan perumahan di Negeri Selangor khususnya golongan

berpendapatan rendah dan pertengahan rendah. Walaupun Kerajaan Negeri Selangor di bawah Barisan Nasional yang lepas telah melaksanakan program setinggan sifar. Saya menampakkannya hanya selesaikan sebahagian daripada masalah sahaja. Yang mana walaupun kita telah menyediakan perumahan kos rendah kepada penduduk-penduduk setinggan masih ada lagi. Kita perlu beringat masih ada ramai lagi penduduk-penduduk Negeri Selangor yang kurang berkemampuan, mereka bukan penduduk setinggan, mereka malahan mungkin ada adalah mereka yang duduk di rumah sewa dan mereka ingin sangat membeli rumah mereka sendiri. Dan kalau kita ikut pasaran perumahan atau pun hartanah yang kita ada sekarang ini bukan semua rumah, mereka mampu membeli. Kita memerlukan kalau dalam aspek ini Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu mereka. Tidak semestinya perumahan kos rendah tetapi perumahan-perumahan rakyat yang mampu dimiliki oleh mereka. Dan saya telah menggesa beberapa kali sebenarnya PKNS boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam hal ini, lebih-lebih lagi kerajaan sekarang ini telah menaikkan garis kemiskinan daripada 700 ringgit kepada 1,500 ringgit sebulan. Kita telah menjangkakan terdapat 30% daripada rakyat Selangor ada di paras ke bawah daripada 1,500 ringgit sebulan ini. Oleh itu saya rasa kita PKNS memikul tanggungjawab dan saya baru-baru ini pelantikan seorang Pengurus Besar sementara yang terdiri daripada seorang wanita adalah satu pelantikan yang baru. Saya rasa sekarang tidak ada masalah untuk kita cuba sesuatu yang baru, asalkan seseorang itu mampu membawa, memimpin PKNS ke arah matlamat asalnya untuk membekalkan perumahan rakyat yang mampu dimiliki oleh seluruh Rakyat Selangor. Saya rasa ianya adalah sesuatu yang patut digalakkan dan perlu diberi satu percubaan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku, Teratai minta laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya saya nak tanya Kampung Tunku adakah, saya tidak pasti adakah Kampung Tunku tahu itu PKNS dia ada dasar-dasar supaya dia ada kuota untuk bumiputera dan bukan bumiputera. Memandangkan di masyarakat kita ada ramai yang miskin dia bukan sahaja bumiputera, bukan bumiputera pun ada yang miskin macam orang Cina, orang India pun ada orang miskin. Tetapi nampaknya ada kebanyakan mereka untuk mohon satu rumah PKNS susah sebab kuota sudah habis. Jadi mungkin Yang Berhormat Kampung Tunku boleh melihatkan isu ini sebab sepatutnya semua dasar dalam memanfaatkan semua rakyat Malaysia, penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Tetapi kerana kuota sistem yang agak pasif setengah izinnya, orang yang perlu tetapi tidak dapat. Itulah keadaannya sekarang.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kampung Tunku bukan EXCO.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Tidak perlu minta dia lihat perkara ini, dia Cuma menyampaikan pendapat dia. Kalau Teratai nak ambil bahagian dalam perbincangan kemudianlah. Ini bukan minta Kampung Tunku bagi pendapat, dia bukan EXCO.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya, saya faham tetapi ini sebab kita adalah dalam.

**TUAN SPEAKER** : Kalau faham nanti bangkitkan. Ya. Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Hanya satu perkataan sahaja jadi saya tidak perlulah buat satu perbahasan lagi. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Yang Berhormat dari Teratai, saya kira kita mula membawa satu anjakan paradigma kalau berdasarkan konsep negara berkeadilan, konsep agenda ekonomi Malaysia, konsep CAT, C membawa makna ..... perlu membawa mereka yang mampu, membawa keadilan, membina keadilan, membina perumahan yang mampu milik untuk seluruh rakyat Selangor. Pada halnya sebenarnya PKNS ialah sebuah syarikat, anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Saya tadi melayari laman web PKNS tidak termaktub kuota bumiputera, bukan bumiputera dan sebagainya. Apa yang dinyatakan di dalam matlamat ialah supaya boleh membangunkan sosial ekonomi seluruh rakyat Selangor dan saya ingin juga membawa perhatian kepada ucapan bajet 2009 hampir 50% daripada rakyat Negeri Selangor ialah bukan bumiputera. Maknanya sebahagian besar bumiputera, sebahagian besar bukan bumiputera. Jadi dalam kes dalam isu ini saya rasa kita perlu melihat masalah pokok itu rumah diperlukan oleh setiap manusia dan kemiskinan itu tidak mengira agama, bangsa dan keturunan. Ini adalah satu dasar dan ataupun anjakan paradigma yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dan perumahan rumah setinggan ini saya juga mencadangkan supaya kita dapat mengutuhkannya seperti di, kalau boleh di Petaling Jaya, Subang Jaya, Sungai Buluh dan juga Shah Alam sebagai kawasan-kawasan yang strategik untuk dibangunkan perumahan mampu milik ini. Kerana tempat-tempat ini telah dinyatakan dalam beberapa rancangan pembangunan, rancangan tempatan juga bawa tempat ini dijadikan sebagai tempat yang akan dibangunkan dan saya meminta perhatian supaya kita memanfaatkan perkara yang kita ada khususnya sumber-sumber yang ada pada kita untuk memajukan tempat-tempat ini supaya rakyat Negeri Selangor betul-betul menerima manfaat. Saya juga ingin menyentuh tentang apa yang telah kita kecapai oleh Singapura dan saya rasa beberapa bulan yang lalu barisan EXCO dengan pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai tinggi kerajaan telah lawatan ke Singapura dan saya rasa tentu banyak telah dipelajari daripada pengalaman-pengalaman di Singapura. Saya kira ianya lebih kurang sama juga sebab di Singapura sebelum tahun 70an, 80an terdapat banyak perumahan setinggan, lebih kurang sama apa yang kita lihat sebelum ini di Selangor. Dan oleh sebab dasar-dasar yang cekap mereka telah mampu membina rumah-rumah yang mampu milik oleh rakyat jelata. Malahan kalau kita lihat di Singapura apa yang mereka sifatkan sebagai perumahan kos rendah ini kalau kita pergi tengok ianya sebenarnya jauh berbeza daripada rumah kos rendah yang kita ada sekarang. Rumah kos rendah yang dibina oleh mereka seakan-akan rumah kondominium kos sederhana yang kita ada di sini. Jadi itulah antara harapan yang kami ada pada barisan EXCO supaya pembangunan ini ditumpukan kepada keperluan perumahan dan pembangunan mampan untuk seluruh rakyat Selangor. Itulah sedikit sebanyak yang saya sentuh. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul anggaran pembangunan 2009 ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas serta terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri, pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana begitu prihatin dengan pelbagai isu dan masalah yang dibangkitkan oleh ahli-ahli dewan khususnya masalah-masalah yang saya sendiri bangkitkan dalam perbahasan bajet minggu yang lepas. Dengan peruntukan dan bantuan kepada sekolah aliran cina

dan Tamil serta sekolah kementerian cina syukur alhamdulillah kerana pagi tadi secara rasmi Yang Amat Berhormat telah menjanjikan ringgit Malaysia sepuluh juta untuk membantu sekolah tersebut. Walau pun detil-detil belum diputuskan namun begitu komitmen dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat memang dinanti-nantikan dan ditunggu-tunggu oleh semua rakyat Negeri Selangor khususnya bagi pendukung-pendukung sekolah aliran rendah cina dan Tamil. Walau pun BN telah memerintah Negeri Selangor 50 tahun Tuan Speaker tetapi perkara yang sedemikian tidak pernah khususnya dalam masalah bantuan kepada sekolah rendah aliran Cina dan Tamil serta sekolah persendirian, peruntukan tahunan dan sebagainya tidak pernah dipandang serius oleh mereka. Baru sekarang dah kalah adalah orang-orang, ada puak-puak mereka ini yang sibuk nak memperjuangkan masalah ini. Sebelum ini kita jarang dengar, kita nak minta pun cukup susah walaupun yang memerintah itu mereka, ini penting Tuan Speaker. Dan saya juga nak cabar kalau betul-betul ikhlas nak buat, sila umumkan segera satu dasar baru untuk semua sekolah rendah aliran cina kalau yang Barisan Nasional betul-betul nak memperjuangkan untuk sekolah aliran cina, sekolah rendah aliran Tamil ini. Luluskan kebenaran kepada sekolah-sekolah ini untuk mendirikan sekolah-sekolah baru di mana tempat-tempat komuniti-komuniti yang memerlukan sekolah ini. Jangan asyik beralih dengan bermacam-macam propaganda politik dan tidak membantu dalam perkara ini. Ini penting saya cabar bagi Barisan Nasional peringkat Pusat.

Tuan Speaker seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah di dalam dewan yang mulia ini mengenai keberkesanan pentadbiran dan pengurusan dana kewangan negeri. Saya dimaklumkan kita baru lapan bulan memerintah selepas Pakatan Rakyat menang pada pilihan raya lapan Mac yang lalu, ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Dan kita berpeluang, ya buat julung kali meneliti secara mendalam akaun-akaun Kerajaan Negeri di bawah Kumpulan Wang disatukan. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar telah membuat berapa pindaan dan rombak Wang Simpan Negeri dari Bank-Bank Komersial. Susulan daripada langkah dan tindakan tersebut hasil pendapatan. Kerajaan Negeri telah bertambah pada tahun ini sebanyak lebih kurang, saya difahamkan 12 juta tambah melalui semakan akaun tersebut. Persoalannya kenapa perkara yang sedemikian tidak dilakukan oleh Kerajaan yang lalu, sedangkan dengan hanya membuat penstrukturan semula simpanan kita dalam bank kita sudah dapat hasil lumayan sebanyak 12 juta. Cuba kita bayangkan bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Sungai Panjang yang sekarang ini Ketua Pembangkang sudah lapan tahun memerintah Negeri Selangor, kalau lapan tahun kita kalikan sepuluh juta setahun anjakan tersebut, semakan tersebut kita ambil contoh sepuluh juta satu tahun lapan tahun kali sepuluh juta maknanya lapan puluh juta kita hilang atas langit, wahyu dengan izin. Hilang inilah perbezaan pendekatan pengurusan yang berhemah Kerajaan Pakatan Rakyat dengan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu lepas.

Tuan Speaker saya nak tanya di sini kenapa wang tunai Kerajaan Negeri boleh simpan di dalam akaun seratus juta dalam akaun semasa sedangkan kalau tanya anak saya umur 6 tahun darjah 6 dia pun tahun. Duit itu harus simpan di mana lebih berfaedah lagi kepada kita yang mana boleh mendapat bunga yang lebih.

**TUAN SPEAKER** : Tetapi masalahnya Yang Berhormat ini tidak berkaitan dengan pembangunan.

**Y.B. TUAN NG. SUEE LIM** : Ya, Jadi sepintas lalu yang saya bawa Tuan Speaker, jadi saya rasa bukan kecekapan, kita membuat pembangunan akan datang. Tuan Speaker dan di sini saya nak menyebut sedikit, nak sokong apa yang dibawa, yang disebutkan tadi oleh Kampung Tunku di mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar kita telah melantik seorang yang senior dalam PKNS iaitu Madam Low Ho Siong Miow selaku *acting* ataupun memangku Pengurus Besar PKNS buat untuk tempoh satu tahun. Saya fikir ini satu langkah yang berani dan saya sokong penuh pendekatan seperti ini kerana dengan cara ini saya nampak hala tuju PKNS ini dapat di bawa ke dalam landasan yang betul. Berdasarkan pengalaman beliau, kecekapan beliau dan keberkesanan dalam menjalankan tugas. Dalam konteks ini Tuan Speaker saya ingat saya ingin menegaskan dan jelas Tuan Speaker kita jangan dok fikir perkara-perkara yang lepas dengan cara memandang kulit dan warna serta kaum serta apa-apa yang jadi. Bagi saya itu tidak jadi masalah kalau Melayu yang pandai kita angkat, orang cina yang pandai kita angkat, orang India yang pandai kita angkat dalam Negeri Selangor ini, Kadazan, Bidayuh kalau ada yang pandai kita angkat, yang Jawa yang pandai macam dululah, sebelum ini yang bawah Yang Berhormat Sungai Panjang kita angkat tetapi apabila dia bagi penyapu kita turunkan. Ini penting Tuan Speaker jadi dalam bab ini jangan timbul huru-hara tentang perkauman. Kalau kata nak baca surat khabar Tuan Speaker kalau nak baca bab UMNO semua dia bangkang. Bab Melayu, hinalah dan sebagainya tamparan hebat kepada Melayu, Selangor Tuan Speaker tahun 2000lah sekarang zaman global, zaman IT ya, zaman baru kita perlu ada pendekatan baru jangan kita lagi duk pandangan sempit, saya fikir termasuk Barisan Nasional, termasuk rakan-rakan kita dalam Pakatan Rakyat. Saya minta semuanya DAP, PAS dan Keadilan perlu kita bagi satu sokongan kepada Tan Sri dalam bab ini demi untuk menjayakan misi matlamat PKNS, apa gunanya Tuan Speaker kalau kita ada seorang Pengurus Besar yang Islam yang Melayu tetapi dia kuat bankrap dia memporak perandakan PKNS, dengan menerusi bacaan saya di sini maklumat yang diberi oleh YAB Tan Sri. Tahun 2007 kononnya kita untung RM 500 juta tetapi 50% itu adalah luar biasa dan hanya RM 100 ribu di hadiah kepada Pengurusnya YB. Sungai Panjang hanya RM 100 ribu Tuan Speaker, ini yang saya marah ni, ini orang Melayu Pengurus Besar, kita jangan kira yang penting boleh memartabatkan PKNS itu sendiri dan rakyat Negeri Selangor ini cukup dalam bab ini, saya mintalah Tuan Speaker kita beri sokongan Ahli-ahli Dewan sepenuhnya kepada YAB Tan Sri kita, kerana beliau adalah Tokoh Korporat yang bukan keparat ini yang penting Tuan Speaker. Sekian terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih, Bangi

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum w.r.t kita telah mendengar tentang harapan supaya membela Sekolah-sekolah Cina dan juga Sekolah-sekolah Tamil kita tidak membangkang tetapi jangan lupa bahawa di sana ada sebahagian besar Sekolah-sekolah Agama di Negeri kita ni jauh ketinggalan umpamanya terdapat guru-guru KAFA yang mengajar di sekolah-sekolah KAFA sendiri sebanyak 6236 orang, yang mengajar melibatkan 25000 pelajar, sebagaimana kita maklum gaji mereka ni di bawah paras minimum kemiskinan dan jauh di bawah paras kemiskinan yang kita letakkan sebanyak 1500, mereka ni menerima gaji sebanyak RM738 sahaja sebulan mengajar 25000 pelajar, jadi memang lah kalau dilihat dari segi jumlah gaji tidak ada yang mahu mengajar di sekolah ini, kalau kerja kilang pun gaji nya lebih mahal daripada menjadi guru KAFA tetapi mereka ni sebenarnya di gerak oleh rasa tanggungjawab untuk menegakkan pengajaran agama Islam sebab itu mereka mampu bertahan walaupun di dalam keadaan yang amat daif

sebab itu kita menyeru juga dari segi peruntukan pembangunan ini seharusnya diberi keutamaan terutama dari segi pendapatan gaji guru agama ini kalau lihat peruntukan agama Islam yang kedua terbesarnya iaitu 136,31,857 ringgit selepas daripada pembangunan negeri jadi sepatutnya peruntukan yang begini besar seharusnya diberi sebahagian untuk pembelaan terhadap pembelaan guru-guru agama sebenarnya 738 ringgit itu bukan kerajaan negeri yang menanggung gajinya 500 ringgit daripada JAKIM bukan daripada Kerajaan Negeri Selangor, Negeri Selangor hanya menambah sahaja 238 ringgit jadi Kerajaan Negeri Selangor hanya membayar 238 ringgit kepada setiap guru agama, saya ingat guru Sekolah Cina pun tak sekecil ini gajinya Sekolah Tamil juga, malu lah kita kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas Kerajaan Pakatan Rakyat naik mereka terus mengumumkan 900 ringgit gaji bagi guru agama. Jadi saya ingat ini satu cabaran kepada Negeri Selangor yang dianggap Negeri kaya yang memperuntukkan-memperuntukkan Negeri Agama Islam terbesar tiba-tiba guru-guru agama KAFA ni gajinya yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor sebanyak 238 ringgit setiap bulan, ini cabaran ya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat., Yang Berhormat, benar sungguh hujah Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Ya...yaa.. terima kasih, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tapi masalahnya sepatutnya dibentangkan semasa perbahasan bekalan

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Tak per lah ketinggalan ini sebenarnya Tuan Speaker ini menjadi saya bingung .

**TUAN SPEAKER** : Macam mana bekalan pembangunan kita.

**YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Tapi sebenarnya saya baru nak bagi tahu point-point ni baru saya dapat ni saya pergi lancarkan persatuan guru-guru agama di Gombak dua hari lepas, Ahad baru ni.

**TUAN SPEAKER** : Patutlah baru buat *homework* lebih awal.

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Ya la ni baru dapat, baru sekarang nak perturunkan saya rasa kesian la jadi saya nasihatkan kepada mereka jangan tunggu kepada Kerajaan Negeri nak tambah gaji, yang nak tambah 1500 sebulan tu barang kali angan-angan sahaja tak turun saya nasihatkan mereka kukuhkan Persatuan Guru-Guru Agama ni desak Kerajaan Negeri Selangor supaya menambahkan kerana benda ni datang kita berbincang untuk sama-sama membela nasib mereka, ini tak masuk lagi sekolah ya, sekolahnya amat daif mereka tak mendapat latihan perguruan dan biasanya guru ini pulak masuk keluar ertinya setengahnya yang ada kelulusan lebih baik yang mengajar yang lulus dari Universiti Azhar mengajar dapat 738ringgit ada peluang mereka cabut lari makna kepada tawaran kerja yang lebih baik jadi ertinya sistem pendidikan pengajaran di sekolah agama ni tak pernah mantap cikgu nya keluar masuk, keluar masuk sudah lah tak dapat didikan dari segi pengajaran mereka pulak tidak mantap dari segi apa dia ni guru bertukar-tukar dan selain daripada itu mereka ni tidak dapat pembelaan tak ada EPF, baru kita ni nak

**TUAN SPEAKER** : YB. boleh bawa masuk ke pembangunan tak?

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Pembangunan manusia.

**TUAN SPEAKER** : Ini bekalan, ini bekalan, kalau minta kursus ok, kalau minta kursus itu adalah pembangunan tapi, kalau EPF atau sebagainya itu masuk balik bekalan, sudah lulus, sudah lulus

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Ok lah, ok lah, kita ambil balik daripada belaknglah ini maklumat terbaru yang saya ingat keciciran kalau saya tak saya kemukakan di sini, maklumat terbaru yang saya dapat dua hari lepas *point* sayanya jangan tunggu kepada tahun depan kalau boleh tahun ini juga saya fikirkan supaya nasib mereka kita dapat bela bersama dengan guru-guru Sekolah Cina, Sekolah Tamil, peruntukan kalau kita beri Sekolah Tamil, Sekolah Cina tengok juga yang guru agama ni supaya mereka seiring, seimbang dan terbela itu saja yang saya rasa terpanggil untuk mengemukakan fakta yang baru saya dapat dua hari lepas, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Lain kali buat *homework* awal sikit lah supaya sempat masuk bekalan.

**YB. TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dipersilakan Damansara Utama.

**YB. TUAN DR. CHEAH WING YIN** : Tuan Speaker terima kasih di atas peluang yang diberi saya memfokuskan itu muka surat 228 di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor inventori hutang selepas tebangan. Peruntukan yang diberi Tahun 2009 adalah lebih banyak daripada peruntukan yang diberi pada Tahun 2008 dan ini adalah satu langkah yang baik kerana inventori ini sangat lah mustahak bagilah saya satu contoh berkenaan dengan inventori ini di Kampung Cempaka ada satu bidang tanah kawalan Perhutanan yang diberi oleh seorang pengusaha untuk menguruskan dan menurut peraturan yang diberi tanah itu hanya boleh diberikan untuk menanam sayur-sayuran atau bunga-bunga dan semacam ini tapi pengusaha ini sudah bagikan tanah itu ketiga tempat, tiga bahagian satu buat kedai jual minuman dan minuman keras, bahagian kedua dia sudah sewa kepada seorang pengilang, dan ketiga itu dia sudah jual pengilang kilang besi lusuh itu *scrap metal*. Jadi nampaknya walaupun kita sudah tambahkan inventori ini tetapi kita dalam bahagian ini kita mesti kawalan mesti diperketatkan dan bekalan mesti cukup dan kakitangan mesti jumlah kakitangan mesti tambah untuk supaya tanah-tanah kawalan Perhutanan di pergunakan dengan baik lah dengan secara bertanggungjawab. Baik terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur kepada Y.A.B Tan Sri yang membawakan bajet untuk pembangunan yang merupakan pembangunan yang agak menyeluruh dan dalam khasnya pembangunan modal insan, dengan adanya infrastruktur-infrastruktur yang akan menyokongnya akan tetapi kerajaan ingin mencadangkan beberapa pendapat di mana mungkin pihak Kerajaan Negeri perlu mengambil perhatian dan pelaksanaannya misalnya dalam projek-projek pembangunan setempat khasnya kita nampak ada, kita ada dasar LA21 ataupun ni apa Local Agenda 21 yang telah merupakan dasar pada Kerajaan Negeri dan juga pembangunan mampan dua-dua ni merupakan kertas dasar

yang menjadikan satu rujukan dalam pembangunan khususnya di dalam Negeri dan di tempat-tempat tertentu. Dalam keadaan ini apabila sesuatu projek misalnya hendak dilancarkan atau diluluskan di peringkat setempat pihak Kerajaan Negeri khususnya MTES dan EXCO harus mendapat pandangan daripada ADUN. Dapat pandangan maklumat balas daripada ADUN dan misalnya satu contoh di mana selain daripada itu, selain daripada ADUN minta maaf yang lebih penting lagi rakyat setempat dan juga *the stakeholders* dengan izin, jadi ini amat penting ini adalah semangat LA21 dan satu contoh di mana baru-baru ini MTES telah meluluskan satu projek yang raksasa yang akan diadakan di bandar Kajang, Pusat Bandar Kajang di mana seperti yang digelar oleh YDP Kajang iaitu Kajang bermaksud *car jammed*, dalam keadaan ini infrastruktur-infrastruktur yang menyokong projek sebegini mestilah diambil kira termasuk lalu lintasnya termasuk dari segi infrastruktur yang memudahkan pengunjung-pengunjung dan semua di ambil kira, pengiraan juga harus diambil memang kita Kerajaan baru berkonsep merakyatkan ekonomi di mana rakyat yang dapat menikmati hasil-hasilnya, kalau kita bina satu infrastruktur ataupun kompleks-kompleks yang besar-besar raksasa yang memang digila-gilakan oleh kerajaan yang lepas kesemua ini yang besar-besaran ini lebih baik, lebih baik mengagihkan ke semua sumber-sumber ini secara kita panggil di *centrelize* dengan izin bermaksud satu kompleks yang besar-besaran misalnya yang sukan nak dibuat dengan itu raksasanya begitu canggihnya di jiran di tepi tu, di taman yang sekitar tempat jongkang jongkit tempat larian *jogging* saya hari ni fasal larian *jogging* ni di tempat yang tak selamat tergelincir dan patah tangan, jadi kesemua kelengkapan yang asas di mana senang begitu mudah seorang penduduk keluar daripada pintu sepuluh kaki ataupun beberapa meter sudah sampai ke tapak yang begitu selesa untuk bersenam dan bersukan. Dan itu juga merupakan satu tempat sosial di mana masyarakat setempat bersama-sama bergaul dan mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain seperti satu perkampungan jadi konsep pembangunan ini mestilah kita fikirkan bukan hendak membesar-besarkan projek di mana akhirnya menjadi gajah putih. Satu lagi projek yang kita nampak di Kajang. Satu muzium bawah jagaan Yang Amat Berhormat, Muzium Sate yang menelan belanja tidak kurang daripada RM1.6 juta dibina waktu dua ribu 2000 diumumkan akan dirasmikan tahun kemudiannya iaitu 2001. Tetapi sehingga hari 2008 masih tertutup, masih tertutup ha.. jadi ini masalah, masalah kita membina sesuatu yang nampaknya canggih begitu menelan belanja yang banyak tetapi tidak mendapat faedah kepada rakyat. Selain daripada itu kita nampak juga dari segi muzium kita nampak ada muzium daerah dan sebagainya. Selain muzium bawah kerajaan Kajang ini memohon perhatian daripada Yang Amat Berhormat untuk memberi perhatian kepada muzium-muzium atau pusat-pusat warisan yang bukan kerajaan di mana rakyat sendiri mengeluarkan wang ringgit mereka sendiri untuk membina pusat-pusat warisan sebegini yang begitu bernilai pada masyarakat setempat.

Saya sendiri menyandang sebelum menjadi ADUN menyandang Pengarah satu pusat warisan di mana saya tak dapat elaun langsung dan kena keluar duit untuk pergi ke sana sini untuk mendapat artifak dan sebagainya. Jadi keadaan-keadaan ini kalau kerajaan kita merakyatkan ekonomi dan juga untuk memewahkan rakyat maka kita harus menjaga bukan sahaja menjaga dari pihak kerajaan termasuklah pihak yang bukan kerajaan supaya rakyat tidak perlu bayar cukai dua kali. Dan untuk ha.. pembangunan setempat juga perpustakaan merupakan satu bidang yang kita memang peruntukan bajet yang cukup banyak. Malangnya saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri kita mendapati juga Perpustakaan Awam di Negeri Selangor dalam keadaan yang agak tenat. Pendedahan ini dibuat oleh Audit dan kebanyakan yang termasuk di daerah, di satu kampung ataupun di peringkat negeri, kita

nampak perpustakaan kita dalam keadaan yang uzur, dari segi koleksinya, dari segi kelengkapan di dalamnya memang begitu ketinggalan. Kalau kita bandingkan dengan perpustakaan seperti di Singapura, termasuk ada perpustakaan dibuat di tengah-tengah *shopping complex* dengan izin di mana memang begitu berkesan. Perpustakaan bukan lagi perpustakaan seperti yang tradisi. Konsep perpustakaan ini perlu berubah. Perpustakaan masuk ke dalam masyarakat, bukan tunggu pelanggan datang ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Ini ...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat setuju tak Perpustakaan kita macam muzium buku.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ha... muzium buku koleksi abad-abad. Jadi ini masalah yang besar dan pembaziran wang rakyat. Jadi kita berharap memang kita sudah ada nampaknya sedang menggubal dasar perpustakaan bagi Negeri Selangor, kita berharap dasar yang baru ini yang canggih dapat menepati masa pembangunan kemajuan semasa. Dan berkaitan dengan pusat teater, yang kita nampak teater dan peruntukan teater, pembangunan teater negeri kita hanya satu teater. Kajang berpendapat bahawa teater harus kita turun ke setiap daerah. Setiap satu daerah ada satu teater dengan matlamat kita hendak memperkembangkan lagi kebudayaan atau pun kegiatan-kegiatan sosial, budaya setempat. Kita memang kaya dengan budaya, pelbagai kaum termasuk di seluruh Malaysia semua negeri anak-anak perantau datang ke Malaysia dan kita ni pusat juga untuk pemusatan semua-semua seniman karyawan. Maka di tempat inilah daerah bukan setahun sekali kita buat di Dewan Jubli Perak ada Hari Karyawan, Malam Karyawan, ada Puisi ada tayangan ada persembahan tetapi lebih lagi kita merakatkan kebudayaan dengan adanya pusat-pusat yang kecil sikit tapi setempat di mana rakyat dan juga persembah-persembah seniman semuanya boleh ke tempat itu menggunakannya dengan tidak ada tanggungan dari segi bebanan kewangan menggunakannya.

Dan seterusnya, perkaitan dengan perumahan. Kita memang hendak melaksanakan satu dasar di mana kita ada perumahan yang selesa untuk setiap rakyat di Selangor. Di samping memewahkan rakyat Selangor kita berharap masalah setinggalan, yang dikatakan setinggalan sifar, merobohkan rumah yang terpaksa seperti penduduk-penduduk masih, masih berkhemah di Kampung Berembang perkara ini tidak harus berlaku termasuk mereka yang pencen yang sudah tidak berpendapatan lagi mereka dikeluarkan mereka dikatakan setinggalan itu keluar tiada tempat nak duduk. Nak berikan *council home* ada yang dan tak sesuai ada yang tak ada rumah tak boleh layak nak beli rumah untuk dapat pinjaman. Maka Kajang ingin mencadangkan PKNS satu badan di mana dapat menyediakan perumahan yang kos dengan dalam kemampuan, perumahan mampu milik dengan kerajaan negeri menubuhkan satu tabung, tabung seperti satu bank, satu bank di mana dia akan bagi pinjaman dengan faedah yang amat rendah atau pun tanpa faedah dalam keadaan-keadaan tertentu. Di mana mereka yang tidak layak mendapat pinjaman dari bank-bank komersial dapat pinjaman daripada kerajaan negeri untuk memiliki satu rumah kediaman. Inilah satu perkara yang agak penting di mana kita nampak dan akhir sekali berkaitan dengan pembangunan teknologi maklumat seperti termaktub dalam bajet kita bawah Yang Amat Berhormat juga, kita dapati Cyberjaya, ingin kita tahu apa status Cyberjaya. Ia berada dalam Majlis Daerah Sepang bukan dalam Putrajaya. Jadi ini merupakan satu hub, hub IT yang kita boleh menggunakan hub ini untuk memperkembangkan pembangunan IT di Negeri Selangor. Dengan hub IT sekarang ini tahukah tuan-tuan dan puan-puan sekalian juga berada di Sepang. Jadi banyak lagi yang memang di syarikat-syarikat atau korporat-korporat di

*International*, Antarabangsa memang menggunakan hub IT kita di Cyberjaya . Maka melalui hub IT di Cyberjaya ni kita dapat memperkembangkan pembangunan IT di seluruh Selangor kita dengan memberi sokongan kuat dalam industri IT dalam Selangor yang merupakan suatu potensi untuk pembangunan IT di Selangor bagi masa depan. Sekian sahaja ucapan daripada Kajang dan kita berharap cadangan-cadangan dapat dipertimbangkan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menimbulkan beberapa perkara terutama tentang bajet pembangunan. Kita percaya bahawa projek peruntukan pembangunan mendekati satu pendekatan holistik bersepadu, di mana wujud keseimbangan di antara pembangunan fizikal, material dan kerohanian diwujudkan. Dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian keseimbangan ini perlu diwujudkan agar pembangunan di kawasan-kawasan, daerah-daerah negeri Selangor dari segi perumahan, infrastruktur diimbangkan dengan pembangunan pendidikan. Jadi apa yang timbul adalah kerana bidang kuasa antara Pusat atau Federal dengan Kerajaan Negeri, di mana berlaku ketidakseimbangan boleh dikatakan kelemahan dari segi pengurusan, dari segi pembangunan fizikal dan pembangunan intelektual dan pendidikan khususnya dalam pembinaan sekolah-sekolah. Memang saya faham bahawa membina sekolah rendah dan menengah adalah bidang kuasa Federal. Tetapi dalam peruntukan kita perlu diwujudkan satu mekanisme agar ada langkah-langkah yang terancang yang proaktif bagi membolehkan pembangunan fizikal kawasan-kawasan perumahan dilakukan selaras dengan Kerajaan Federal untuk mewujudkan sekolah. Saya beri contoh di kawasan saya di Hulu Kelang, di Ukay Perdana, satu kawasan baru yang tumbuh begitu pesat di zon MPAJ dengan kawasan perumahan yang meningkat pertumbuhannya tetapi dengan kadar penduduk muda usia yang ada anak-anak sekolah rendah, mereka terpaksa turun ke Kampung Hulu Kelang, Lembah Keramat, untuk menghantar anak termasuklah masalah jem, masalah tidak cukup sekolah. Jadi saya ingin mencadangkan dalam konteks peruntukan belanjawan pembangunan akan diwujudkan satu mekanisme bagi membolehkan, di dalam kes saya di Ukay Perdana, diwujudkan sebuah sekolah dengan rundingan dan keselarasan dengan pihak Federal.

Kedua, saya ingin timbulkan isu pembangunan Orang Asli. Dalam perbekalan saya sudah timbulkan isu bagi Daerah Gombak dalam Kod Pembangunan Masyarakat di mana saya ingin agar dipertimbangkan aspek pembangunan masyarakat dalam konteks perbekalan diperuntukkan sedikit di Daerah Gombak untuk Orang-orang Asli di Kampung Kemensah, tapi sudah dijawab oleh EXCO kerana ini katanya adalah patut digunakan peruntukan ADUN. Tapi saya ingin jelaskan di daerah-daerah di Negeri Selangor tak semua ADUN ada kampung Orang Asli. Jadi kalau saya nak gunakan peruntukan saya maka tak seimbang. Kerana banyak keperluan daripada apa yang nak saya agih-agihkan daripada keperluan saya di Hulu Kelang. Jadi saya ingin menarik perhatian dari peruntukan pembangunan PLB sebanyak RM17.9 juta diperuntukkan dalam konteks yang sama macam tadi penyelarasan dengan Federal. Di Kampung Kemensah terdapat 200 orang penduduk orang Asli, 20 ke 25 buah keluarga. Mereka ini masih lagi tidak mempunyai bekalan elektrik, sedangkan mereka berada betul-betul di belakang Zoo Negara. Tidak jauh, mereka tidak berada di pinggir hutan. Bukan di kawasan pendalaman, mereka bekerja di bandar, mereka berada di kawasan yang dikatakan pinggir bandar Hulu Kelang. Tetapi bertahun-tahun tidak ada penyelesaian, penyelesaian yang terkini apabila saya tanya pada TNB, TNB bersedia

untuk memberi bekalan elektrik dengan syarat bahawa Kementerian Luar Bandar menyediakan prasarana asas dan tiang saluran diperlukan. Tetapi bila diperuntukkan yang diperlukan adalah bernilai RM 1.68 juta, maka Kementerian Luar Bandar tidak bersedia dan itu menghalang pihak TNB untuk memberi bekalan elektrik. Jadi saya percaya walau pun urusan Orang Asli ini ada Jabatan di Federal tetapi Orang Asli di Selangor yang berada di Hulu Kelang, yang berada di Kampung Kemensah adalah merupakan Orang Asli warga, rakyat Negeri Selangor. Jadi saya kira tidak ada beratnya sekiranya sebahagian daripada peruntukkan pembangunan luar bandar sebanyak 17.9 juta ini, RM 1.68 juta lebih diperuntukkan untuk memberi saluran bekalan elektrik agar Tenaga Nasional Berhad boleh membekalkan elektrik agar mereka selesai, dapat belajar di waktu malam dan dapat pembangunan yang lebih selesai di situ.

Dan ketiga yang ingin saya timbulkan juga adalah tentang penghargaan kita kepada dasar-dasar yang baik. Contohnya ada satu apa yang dikatakan rancangan Buku Hijau yang berkaitan dengan Taman Warisan, pertanian di mana pada tahun 76 Dasar Tun Abdul Razak menggalakkan orang di Kampung Klang Gate untuk mengusahakan tanah seluas seekor seorang bagi tujuan pertanian, mengusahakan tanah hutan, tanah bukit di Mukim Setapak iaitu namanya Ranjau dan di Mukim Hulu Kelang Deboi. Kemudian mereka telah usahakan seorang satu ekar dan kemudian pada tahun 95, 94 orang telah mendapat permohonan geran hak milik tetap projek pertanian berkelompok. Sedangkan 18 orang hingga hari ini masih belum lagi mendapat dan mereka sudah mencapai usia warga emas dan mereka berharap sangat agar tanah yang rakan-rakan mereka 94 orang dapat, mereka juga dapat. Jadi saya merasakan bahawa sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, yang berkebakikan, yang mesra rakyat dengan peruntukan sebanyak 36 juta dalam program Mesra Rakyat di bawah Menteri Besar, saya percaya bahawa 18 orang ini boleh diberikan hak milik tetap bagi tanah yang telah mereka usahakan lebih daripada 20 tahun.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan masyarakat Islam yang berkaitan dengan pendidikan sekolah agama dengan peruntukan yang besar yang diberikan saya yakin bahawa dalam bekalan menaikkan taraf guru sebagainya akan meningkatkan kualiti pendidikan Islam di kalangan anak-anak. Dan apa yang berlaku rata-rata di Negeri Selangor adalah Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Rendah Agama Integrasi hanya melibatkan sebahagian sahaja daripada anak-anak sekolah rendah. Tidak semua anak-anak yang lepasan yang berada di Sekolah Rendah ibu bapa mereka bersedia untuk menghantar anak mereka ke SAR ataupun SRAI. Jadi oleh kerana itu, mereka langsung apabila masuk ke sekolah menengah tidak ada pendedahan agama. Itulah antara lain cara faktor menimbulkan isu gejala sosial, gejala yang menimbulkan apa yang akan ditangani dan sebagainya. Tetapi apa yang nak saya nyatakan di sini adalah sekiranya kita membentuk satu tapisan di mana kita mewujudkan satu model selepas anak-anak ini lepas Darjah Enam, masuk sekolah menengah kita wujudkan Sekolah Menengah Agama Rakyat, sekolah menengah yang belum ada lagi di Negeri Selangor. Saya percaya sekiranya model ini dilakukan dengan bantuan sedikit *sed fund*, dengan izin daripada kerajaan negeri maka model ini akan dapat dibangunkan sebagaimana yang telah dibangunkan oleh beberapa pihak NGO dan badan-badan swasta, di mana peruntukan khas diwujudkan satu *plot project* dengan izin diwujudkan untuk membolehkan masyarakat komuniti masjid, komuniti kampung, penduduk untuk mewujudkan sekolah agama rakyat peringkat menengah. Jadi ada peluanglah anak kita di sekolah menengah untuk mendapat pendidikan agama, selain daripada apa yang mereka terima daripada sekolah kurikulum biasa.

Jadi saya ingin menawarkan sekiranya peruntukan ini boleh diberikan, saya ingin menawarkan agar model ini boleh diwujudkan di Hulu Klang kerana sudah ada premisnya, sudah ada tempatnya dan ada tenaga kepakarannya untuk menjayakan program tersebut.

Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang pembangunan ADUN. Saya percaya ada peruntukan yang tetap diperuntukkan di dalam peruntukan pembangunan Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu pembangunan ADUN dari segi bahan, bahan-bahan bacaan, bahan-bahan rujukan, CD, tape dan sebagainya yang dipusatkan kepada satu perpustakaan. Bagi kami hari ini kalau kita nak merujuk kepada bahan-bahan, kita rasa bahan-bahan yang ada di perpustakaan yang ada di bangunan dewan ini tidak memadai. Bagi saya buku-bukunya tidak *up to date* dengan izin, tidak dikemaskinikan, tidak kontemporari dan tidak menempatkan kami sebagai ADUN untuk kontemporari dan maklumat-maklumat terkini. Jadi saya mencadangkan agar pembangunan perpustakaan ini dimajukan di bawah peruntukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dikhususkan di bawah pentadbiran Tuan Speaker. Dan saya juga ingin mencadangkan agar jika boleh diselaraskan nama perpustakaan itu ditukar daripada Perpustakaan SUK kepada Perpustakaan Tuan Speaker. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Batu Caves.

**Y.B. AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker, Ahli Yang Berhormat Kerajaan, pembangkang dengan peruntukan yang besar yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada beberapa perkara yang sangat menarik perhatian saya dan sedikit sebanyak telah disentuh oleh Kajang dan saya ingin memanjangkan sedikit terutama dalam bab program ataupun program-program pembangunan kebudayaan yang dalam jadual yang telah diberikan hanya sekitar 500 ribu.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang mulia, Shah Alam merupakan satu kawasan yang mempunyai potensi yang cukup besar untuk dibangunkan sebagai sebuah hub ataupun sebagai lokasi kebudayaan yang *vibrant* dan sebuah lokasi kebudayaan yang cukup menarik perhatian. Kalau kita lihat adanya usaha-usaha untuk mewujudkan pusat kebudayaan semua kaum walaupun peruntukannya masih belum ada sekitar 10 ringgit. Namun usaha-usaha ini masih lagi bertumpu melihat bahawa kebudayaan ini hanyalah sebagai bahan tontonan dan bahan pameran yang menunjukkan unsur-unsur *exotic* yang mungkin pelancong-pelancong luar ingin melihat bahawa tarian itu, tarian ini, paluan gendang *kempelangan* dengan seperti yang berada di bahagian Sabak Bernam dan sebagainya itu sebagai unsur *exotic* yang tanpa di dalamnya wujud dan memahami bahawa kebudayaan itu seharusnya menjadi inti pati dan juga menjadi corak yang penting kepada gerak hati manusia.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam satu perhimpunan kebudayaan yang dianjurkan di kawasan sini ini bukan bahawa ingin menjadikan Selangor sebagai wilayah ataupun sebagai negeri berbudaya dan hasrat yang impian ini saya kira amat perlu digalakkan dengan wujudnya Universiti Teknologi MARA yang telah melahirkan ramai pelukis-pelukis muda walaupun adanya walaupun mereka ini masih lagi dianggap sebagai antara pengeluar seni halus yang terbaik di Malaysia ini, saya kira perlunya ada ruangan pembangunan di kalangan pelukis-pelukis muda ini untuk

mempamerkan ataupun untuk menjual lukisan-lukisan mereka dan menjadikan ruangan kepada mereka untuk menunjukkan bakat-bakat dan eksperimen kepada mereka dalam seni, seni halus ataupun seni lukis sebagai contoh, juga termasuk dalam bidang-bidang muzik, muzik-muzik saya rasa banyak yang di luar-luar sana yang disebut sebagai muzik *underground*. Muzik *underground* bagi saya wujud disebabkan tidak ada ruang kepada mereka untuk menyampaikan kaedah muzik mereka sendiri, penyampaian muzik mereka sendiri dan seharusnya kita lihat perkara-perkara itu sebagai satu unsur yang positif. Saya rasa pembangkang ada sebutkan tentang jilat menjilat. Tetapi kalau kita perhatikan liriknya mungkin liriknya tidak sesuai tetapi ada hasrat di kalangan pemuzik-pemuzik ini ingin mencela dan juga menolak satu sikap menjilat dan membodek pimpinan yang keterlaluan, termasuk membodek menteri, termasuk membodek pimpinan-pimpinan yang tidak ada asas dan hanya berasaskan kepada sentimen dan emosi dan sebagainya. Justeru saya kira pembangunan ini sangat penting dan kita lihat wujudnya pusat teater negeri dan sebagainya. Perkara-perkara ini memang satu perkara yang baik, namun sejauh mana kita berupaya meletakkan ataupun menjana persatuan-persatuan seni, persatuan seni lukis, persatuan penulis, persatuan puisi dan sebagainya termasuk usaha-usaha kerajaan negeri, tadi disebut tentang perpustakaan. Saya sangat setuju dengan cadangan Kajang dan beberapa yang lain. Dan kita juga harus melihat bahawa adanya usaha daripada kerajaan negeri untuk menerbitkan buku-buku dan termasuk menterjemahkan buku-buku yang dirasakan *gelap nak ada pertandingan teater ape*.

Tuan Yang Dipertua, Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian kita lihat bahawa wujudnya dan pentingnya kerajaan negeri cuba untuk mula memikirkan supaya *discuss* ataupun perbincangan-perbincangan kebudayaan termasuk perbincangan-perbincangan buku yang sudah mula pantas bergerak di luar sana dapat diambil perhatian oleh rakyat dan kita setuju agar pendidikan ini bukan lagi daripada struktur pendidikan *formal* sebaliknya melibatkan struktur-struktur pendidikan *informal* atau pun secara tidak langsung yang juga melibatkan aktiviti kebudayaan, melibatkan aktiviti kesenian dan saya kira ia satu seruan yang baik kalau saya salurkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri apa salahnya gunakan peruntukan yang sedia ada. Jangan tunggu peruntukan *state* untuk bina pusat kebudayaan daerah, pusat kebudayaan dewan undangan negeri masing-masing dan seterusnya sedikit sebanyak negeri bantu dengan pakar-pakar yang ada di pusat kebudayaan yang kita ada di Seksyen 7 sebagai contoh, dan ini secara tidak langsung dapat memberikan ruang kepada golongan-golongan muda dan termasuk dalam program belia yang telah diperuntukkan sekitar 3.5 juta itu untuk digunakan dan menarik perhatian mereka daripada terlibat daripada aktiviti-aktiviti yang dirasakan tidak berfaedah dan aktiviti-aktiviti yang tidak mampu menjanakan sesuatu yang baik seperti kegiatan lumba haram, seperti kegiatan dadah dan kegiatan sumbang lain yang saya rasa cukup banyak untuk kita senaraikan satu persatu. Tuan Speaker saya mohon untuk menyokong.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih. Saya ingin menyertai di dalam perbincangan di dalam pembangunan. Ada beberapa yang saya ingin timbulkan. Saya merasa penting walaupun dulu telah saya sebutkan berkenaan dengan tiga penjurong pencipta alam dan manusia. Juga dari segi falsafah sifat menyeluruh manusia sebagai fokus pembangunan tapi pada keseluruhannya, pandangan saya

walaupun kita bincang dengan panjang lebar terhadap pembangunan, tumpuan masih dari aspek fizikal *sculpture*, dia pembangunan di mana setiap kali di mana kita tidak tahu di mana rakyat harus menyertai di dalam pembangunan ini. Mereka seolah-olah macam *passenger* sahaja, walaupun kita mengatakan bahawa kita mahu mereka melibat dalam pembangunan. Dari segi itu juga kita dapat lihat bahawa *approach* kita ni lebih kepada *welfare*. Ya bermakna bahawa *welfare* itu dia hendak kita kasi. Dalam pemikiran kita ini kita anggapkan mereka itu sebagai *a liability* ya dengan izin. Maka kita kena tolong dia. Kalau kita anggapkan sebagai dengan izin bermakna kita cuba melibatkan mereka dalam pembangunan dan seterusnya seperti mana yang dikatakan oleh Kajang, dari segi penyertaan dan mereka harus di bincang bersama dalam proses pembangunan. Maka itu juga ini saya dapat lihat bahawa banyak faktor-faktor penyumbang yang disebutkan dari segi masalah sosial dan berbagai-bagai lagi. Nampaknya tumpuan tu masih pada *individual problem*. Ya minta izin masalah keluarga, masalah individu nampak negatif ya. Seolah-olah kita sudah menerima macam saya katakan dahulu sebagai satu hukum alam di mana kita tidak membincangkan lebih mendalam lagi dari segi ekonomi *fraser*, tekanan ekonomi yang menyebabkan kedua-dua suami isteri ini terpaksa bekerja. Siapa nak jaga anak dan menimbulkan berbagai-bagai-bagai masalah yang lain. Juga kita membincangkan dari segi tetapi kita tak membincangkan dari segi bagaimana negaranya maju menghentak negara yang miskin ataupun yang membangun untuk mendapatkan, untuk menindas mereka dari segi dalam keadaan normal, dari segi dalam keadaan aman ya, penindasan melalui *trading*, melalui perniagaan dan seterusnya. Kita juga tidak memberatkan dari segi aspek yang selalu digunakan dan digunakan di negara kita dan juga di negara lain dari segi aspek pautan, budaya pautan di mana mereka akan memberi apa saja yang kita hendak hingga kita mahu dan mengharapkan kepada mereka dan akhirnya kita terperangkap. Ini juga dari segi politik pun kita buat begitu, bila sebelum pilihan raya apa kita hendak Tan Sri lama-lama masyarakat itu, kaum itu menjadi mengharap-harapkan sangat sesuatu hingga disebutkan dua mentaliti, subsidi mentaliti kerana ini ada berkaitan kepada pucuk pimpinan berpuluh tahun membuatkan mereka begitu dan kita nak marahkan kepada rakyat bahawa mereka tidak boleh berdikari tetapi kita sebenarnya kita dengan secara *conscious* kerana hendakkan kontrol, hendakkan mereka mengundi kepada kita, kita buatkan mereka menerima budaya pautan ini hingga mereka tidak dapat bergerak, tiap-tiap kali menagih untuk mendapatkan sesuatu ataupun mengemis untuk mendapatkan sesuatu. Maka itu juga saya dapat lihat bermaknanya kita, bermaknanya kita ini masih dalam proses '*blame game*' ya, '*blame game*' maknanya maaf dengan izin kita tuduh ini disebabkan oleh pembangunan, ini disebabkan oleh modenisasi. Tetapi segala yang berlaku dalam negara kita ini ada kaitan dengan sistem yang kita anuti, secara sedar atau tidak sedar selalunya sedar kerana ia menguntungkan pihak-pihak tertentu, kelompok-kelompok tertentu. Itu yang saya rasakan satu masalah kepada kita dan juga dalam proses pembangunan kita juga nak tahu adakah kes-kes tertentu di mana kita melibatkan diri dalam pembangunan ataupun rakyat melibatkan diri di dalam pembangunan, berjaya atau tidak. Kalau berjaya apakah yang telah mereka lakukan hingga menyebabkan mereka berjaya, kalau tidak berjaya apa yang mereka lakukan. Dari segi itu kita dapat satu model, kerana pada saya kita masih berpaut pada yang lama, masih menganggapkan rakyat ini kita nakkan mereka dalam pilihan raya tetapi selepas itu mereka *background* sahaja, *passanger* dengan izin.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, masih di mukadimah lagi?

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Sikit lagi, sikit lagi. Dan juga dari segi ini juga saya dapat gambaran bahawa 3 penjurong yang disebutkan tadi adalah berkaitan dengan kemiskinan, kesihatan, pemakanan dan juga produktiviti. Ini ada juga kaitannya kerana kita memecahkan dalam kelompok-kelompok tertentu kerana dari segi kemiskinan kalau kita tak jaga dengan betul masalahnya mereka mengalami masalah kurang wang untuk membeli makanan, ada masalah makanan ataupun *meal nutrition* dan ini menyebabkan mereka bermasalah. Baru-baru ini juga di kawasan saya Kota Damansara ada yang sakit di Kota Damansara tidak ada hospital kerajaan, kena pergi Sungai Buloh, pergi kat sana di tempat *emergency*, doktor tak cukup, ada dua doktor satu je yang lain tak tau kenapa, saya dapat panggilan dan saya pergi kat sana, yang pesakit ini kat luar dah teruk sangat menggigil-gigil doktor tak datang merawat walaupun dah register. Saya juga telah beritahu pada pegawai sana kalau mereka beri saya satu report saya nak bawa ke tengah, tapi saya belum terima lagi report terhadap tidak cukup tenaga dari segi itu. Yang lain itu juga apabila kita menceritakan dari segi kesihatan dan pemakanan masalahnya apabila mereka lemah, mereka tidak produktif dan kalau mereka tidak produktif, bermakna juga kalau di tempat kerja selalu sakit mungkin dibuang kerja dan kalau dibuang bermakna miskin pulak. So ini juga yang berputar dan saya berharap kalau boleh bila dah miskin, masalahnya isu pengalaman saya pada masa yang lepas kita berjuang untuk peneroka bandar lepas itu mereka duduk rumah panjang dah jadi setinggalan, rumah flat pun jadi setinggalan dan saya telah banyak cerita tentang perumahan yang menyebabkan rakyat yang miskin ditinggalkan, diabaikan kita rasa sedih kerana anak-anak mereka juga mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin pada masa-masa akan datang tapi mereka terbiar begitu walaupun banyak *complaint* yang kita buat lembap sikit, pengalaman saya memang dari dulu la kalau orang kaya mintak sesuatu cepat, masuk *police station* pun cepat, orang miskin memang cukup lambat, kadang berjam-jam nak dapatkan mendapatkan perhatian pegawai polis. So saya dari segi ini juga kalau ada dari segi pembangunan yang diharapkan kita rasa penting dari aspek-aspek tertentu yang kerana itu membantu tapi kita menyatakan kita hendak rakyat melibatkan diri, saya tidak nampak bagaimana kita nak melibatkan rakyat. Adakah program-program tertentu walaupun ada yang dari segi aspek-aspek *SPIES* dan seterusnya. Itu memberi gambaran umum but dari segi apa yang kita lakukan di mana kita merasakan melibatkan diri dalam pembangunan. Ini saya tidak dapat lihat hanya kita dapat bahawa aspek-aspek tertentu dari segi ekonomi, *structure* tu penting dan patut kita sanjung tapi saya nak buat teguran agar kita sebenar-benarnya serius tentang nak melibatkan rakyat di dalam pembangunan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi saya peluang. Saya ingin menyentuh dua perkara berkaitan peruntukan pembangunan. Pertama, setelah Kerajaan Negeri mengumumkan garis kemiskinan kepada dinaikkan kepada RM 150, ramai penduduk Negeri Selangor terutama sekali di Taman Medan yang termasuk dalam golongan miskin. Oleh itu, saya ingin memohon supaya Kerajaan Negeri selepas ini merangka satu kaedah pengagihan peruntukan pembangunan ini secara adil mengikut taburan penduduk miskin, di kawasan-kawasan. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Y.B. Hulu Klang tadi peruntukan, sekiranya peruntukan ADUN dibahagikan sama rata maka ada kawasan-kawasan yang penduduknya boleh dikatakan berpendapatan sederhana berbanding dengan kawasan-

kawasan lain yang ramai penduduk miskin maka saya ingin sarankan kepada Kerajaan Negeri supaya peruntukan ADUN itu juga diagihkan mengikut keperluan kawasan-kawasan tersebut. Yang keduanya saya ingin membangkitkan perkara berkaitan pembangunan sosial. Setiap tahun kita dapati pelajar, ramai pelajar-pelajar yang akan menduduki SPM, STPM dan ramai yang berjaya dan ada juga yang gagal dan yang gagal ini sebenarnya ada segolongan yang tidak mahu mencuba lagi ataupun melanjutkan pelajaran mereka dan sebahagian besar daripada mereka ini akhirnya menganggur ataupun tidak produktif. Kalau yang paling baik pun kalangan mereka ini, mereka bekerja sendiri dan kita dapati mereka ini, walaupun mereka bekerja sendiri selalunya lah golongan ini akan terjebak dalam permasalahan sosial seterusnya. Jadi saya ingin meminta di pihak Kerajaan Negeri supaya merangka satu program yang sistematik yang terancang supaya kelompok ini yang sebenarnya ada potensi ada dalam diri mereka kerana ramai antara mereka yang berminat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kemahiran diberikan motivasi serta diberikan mereka peluang untuk menceburi perkara-perkara yang mereka minati kerana apa yang saya lihat ramai belia yang terperangkap di dalam situasi ini akhirnya terjebak dalam perkara-perkara yang negatif seperti menjual dadah, merempit dan sebagainya. Jadi saya mohon daripada pihak Kerajaan Negeri supaya dikemukakan satu pelan yang jelas yang mengambil kelompok yang lebih minat untuk menceburi diri dalam perkara-perkara yang berkaitan kemahiran daripada akademik dan menyalurkan mereka ini kepada peluang-peluang pekerjaan yang berkaitan dengan kemahiran yang mereka punyai. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sebelum Sijangkang berucap, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan hari ini dia orang ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambungkan sehingga pukul 5.30 petang bagi meneruskan urusan Dewan. Oleh itu saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul. Dipersilakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya membawa satu usul yang berbunyi sebagai berikut; bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan pada hari ini sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya sokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui. Dipersilakan Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas di dalam usul anggaran peruntukan pembangunan 2009. Jadi saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini, yang pertamanya berkaitan dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Walaupun kita lihat di situ peruntukan tidak begitu tinggi kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang lain, tapi kita telah dengan juga di sentuh tadi ada penekanan berkaitan dengan kajian peruntukan kajian dan pembangunan R&D yang mana saya lihat pada hari ini kalau kita lihat, kita yakin bahawa sektor perindustrian adalah imbang yang terbesar kepada Kerajaan Negeri Selangor dan hari ini kita masih lagi menghadapi

masalah daripada segi perindustrian haram yang wujud di sana sini yang mana akibatnya telah menyibukkan pegawai-pegawai kita dengan program-program pemulihan dan pemutihan industri ataupun kilang-kilang ini. Seolah-olah kita telah melakukan satu perkara yang mana kita tidak merancang dengan sebaik-baiknya dalam perancangan terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan industri di negeri kita ini. Jadi apa yang saya cadangkan di sini supaya kita perlu ada satu *stand* bahawa perancangan bandar dan desa kita, kita perlu kuatkuasakan kerana kita tidak mahu kalau sampai bila kita akan membenarkan kilang-kilang ini terus dibina dan kita tidak mahu akibat daripada pembinaan kilang-kilang haram ini atau kawasan-kawasan perindustrian ini yang seolah-olah tidak mengikut perancangan Kerajaan Negeri yang akhirnya mungkin baru-baru ini contohnya apa yang berlaku di kawasan saya di Sijangkang, banjir yang berlaku di situ dan antara faktornya yang saya lihat kemungkinan disebabkan oleh perindustrian ataupun wujudnya kilang-kilang yang rasanya tidak dirancang dengan begitu baik dan mungkin ada sebahagian besarnya daripada kilang-kilang ini kilang haram dan akhirnya sistem perparitan dan infra termasuk juga elektrik dan sebagainya yang saya rasa kita belum susunkan dengan sebaiknya hingga mengakibatkan banjir kepada kawasan tersebut dan akhirnya masyarakat ataupun penduduk yang menjadi mangsanya. Selain daripada itu saya ingin menyentuh juga dengan berkaitan dengan pembangunan yang mana kalau kita lihat banyak peruntukan untuk pembangunan infrastruktur ataupun pembangunan fizikal yang mana saya rasa semua akan bersetuju kalau kita mengatakan bahawa pembangunan insan itu juga perlu dan saya rasa ada peruntukan yang lebih besar di bawah peruntukan Menteri Besar pembangunan modal insan itu sendiri yang mana ini kita perlu terapkan atau kita perlu lakukan dengan sebaik-baiknya. Dan saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Jabatan Agama Islam yang mana peruntutannya begitu besar kalau saya lihat di situ antara yang terbesar di antara peruntukan-peruntukan yang lain yang mana kalau kita lihat tadi seperti yang dijelaskan oleh Y.A.B Menteri Besar berkaitan dengan bina sekolah, bina pejabat agama, bina masjid dan sebagainya tetapi apa yang lebih penting di situ saya rasa pembangunan insan itu juga penting kerana saya mendapat maklum kita mahukan kalau hari ini kita dengar berbagai-bagai masalah yang timbul termasuk di Jabatan Agama Islam itu sendiri yang melibatkan rasuah dan sebagainya sehingga BPR masuk di Majlis Agama Islam, jadi saya melihat di sini bahawa perlunya pentingnya ketua-ketua atau jabatan-jabatan di sub-sektor atau pun hatta hingga di peringkat yang tertinggi, Pengarah Jabatan Agama Islam atau MAIS itu sendiri diletakkan seorang yang mempunyai latar belakang agama yang kuat di situ supaya kita rasa orang yang beragama Islam cukup sedih sekiranya perkara-perkara ini masih lagi berterusan terutamanya yang mengaibkan dengan Jabatan Agama Islam itu sendiri. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri perlu membuat penekanan-penekanan ini yang mana demi kebaikan bukan sahaja untuk kita tetapi untuk masyarakat yang akan datang. Jadi pembangunan insan saya tekankan lagi ini adalah lebih penting sekiranya kita sama-sama yakin bahawa bumi yang kita pijak ini bumi yang kita pinjam daripada Allah SWT ataupun Pencipta kita, langit yang kita junjung ini juga adalah langit yang kita pinjam sementara, udara yang kita sedut, oksigen yang kita sedut hanyalah pinjaman daripada Maha Pencipta saya rasa, saya yakin walaupun usul atau cadangan untuk memberi menjadikan sapu sebagai hadiah oleh seorang penyapu, kita tidak akan lakukan ataupun hatta sekiranya cadangan daripada seorang Menteri Besar untuk kita buat 3 meter semata-mata untuk mendapatkan meter elektrik 3 meter dalam satu rumah semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang sedikit di muka bumi ini kita tidak lakukan. Jadi saya rasa itu sahaja, saya ucapkan terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker saya ingin menjawab cadangan dan persembahan daripada rakan-rakan kita. Pertama, Kampung Tunku ada mengusulkan mengenai penumpuan terhadap pembinaan rumah untuk rakyat dan bukan rumah murah tetapi rumah yang sesuai untuk rakyat. Sebaliknya, saya ingin nyatakan di sini, had yang boleh Kerajaan Negeri lakukan. Saya buat kira-kira sedikit. Kalau kita gunakan seluruh RM710 juta ni hanya untuk membina rumah yang kosnya RM50,000.00 satu unit, kita hanya dapat kurang 15000 buah. Jadi maknanya, Kumpulan Wang Negeri ini memang tidak cukup untuk itu. Tetapi pada saya prinsip yang paling penting dalam konsep yang kita hendak bincangkan dan esok pagi, Y.B. Dato' Dr. Hasan, Eksoko kita hendak mengemukakan konsep hala tuju yang kita merancang pembangunan Negeri. Konsep yang paling penting ialah pengumpulan harta ataupun peningkatan harta ini tidak boleh didahului daripada pendapatan. Jadi, apabila kita dapat tingkatkan pendapatan, pengumpulan harta boleh mengikuti. Jadi, kalau orang dapat gaji RM2,000.00 sebulan, maknanya dengan keluarga, kalau dia gunakannya 30% daripada duit RM2,000.00 sebulan untuk perumahan, dia sudah dapat RM600.00. Dengan cara kiraan begitu, dia sudah dapat mempunyai kuasa beli ataupun kuasa untuk melakukannya. Jadi, konsep dahulu bermaksud menyamakan harta, kadang-kadang kita bagi rumah kepada setinggan yang dapat, orang-orang setinggan yang dapat gaji hanya RM700.00 tetapi dia kena bayar kepada Bank RM400.00 sebulan. Kalau dia bayar RM400.00, tinggal RM300.00, macam mana dia boleh dapat meneruskan usaha tersebut. Jadi, konsep ini kita hendak bincangkan lagi caranya. Sebab itulah, saya letakkan, kita letakkan paras minimum pendapatan pada RM1,500.00 supaya kita dapat membawa semua masyarakat ini membina jati diri sendiri.

Jadi, kalau orang dapat gaji RM3,000.00, sudah tentulah dia mempunyai keupayaan untuk membeli rumah ataupun harta yang lebih banyak. Dengan demikian, konsep menaikkan pendapatan, meningkatkan pendapatan itu lebih baik sebab kita meningkatkan kemahiran, meningkatkan produktiviti dan juga terus maju bersama. Oleh sebab itu, konsep kalau nak harapkan Negeri untuk memberi subsidi rumah maknanya tak cukup sebab kemampuan kita terhad.

Saya juga hendak menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan tentang adanya institusi yang hendak membina rumah-rumah rakyat miskin dan memberi pinjaman RM60,000.00 untuk membina rumah-rumah di desa. Tetapi cara pilihannya kita khawatirkan. Jadi, oleh sebab itu kita perlu sediakan data yang kita ada untuk diberikan kepada mereka supaya dia dapat pilih orang-orang ini berasaskan pendapatan dan seterusnya kita bersama-sama mengurangkan rakyat miskin dengan cara yang lebih teratur lagi. Oleh itu, saya harap, saya minta Kampung Tunku agar membangkitkan perkara ini supaya kita sentiasa berfikir cara kita nak mengatasi perkara ini.

Kedua, Sekinchan, tentang Sekolah Bantuan. Saya faham Sekinchan dalam usahanya memang ingin mempertingkat itu, tetapi hadnya ada. Jadi apa yang saya ingin lakukan, marilah kita esok membuat bengkel bersama, bagaimana kita dapat memberi peluang pendidikan kepada semua supaya kita sama-sama mencari jalan, sebab pendidikan itu penting dan jika semua ada pendidikan, lebih tinggilah peluang rakyat Selangor untuk meningkatkan produktiviti mereka dan pendapatan mereka. Bagi kita inilah satu pelaburan yang perlu kita buat tak kira bangsa ataupun jenis persekolahan. Kita mesti mencari jalan. Saya juga faham, pasal urus dana dan pasal PKNS, saya harap kita

jangan bangkitkan perkara itu sebab tujuannya untuk mencari satu pasukan yang betul-betul dapat menyelesaikan masalah yang ramai rakan-rakan kita ingin bangkitkan iaitu kita menggunakan sumber Negeri ini untuk membangunkan masyarakat dan hala tuju kita ialah ke arah tersebut. Jadi salah satu daripada kriteria kejayaan kita ialah keupayaan pengurusan. Pengurusan itu ada *value*, ada nilai dan kalau orang ingat pengurusan itu tiada nilainya, maknanya kita rugi esok. Pengurus itu, boleh jadi sekarang, boleh jadi orang mengatakan kalau gaji dia terlalu banyak, rugilah kita. Tetapi kalau gajinya banyak, dia perlu berusaha membuat pengeluaran yang lebih. Doktor sendiri mengatakan, ada beza pendapatan seorang Doktor dengan pendapatan seorang *Surgeon* sebab dia punya kira-kira kebolehan dan keupayaan itu ada. Itu sebab saya, dan.... urus dana, saya berterima kasih kepada Pengarah Kewangan Negeri sekarang, kerana kita dah ada momentum menggunakan *resource*. Sekarang kita tiap-tiap hari, tengok cara pulangan yang lebih baik. Asalkan jangan masuk diabetes, sudahlah... Saya bersetuju dengan Bangi, pasal Sekolah Agama Rakyat ni. Yang teruk memikirkan tiap-tiap RM100.00 dinaikkan, maknanya RM600,000.00. Jadi, satu tahun sudah berapa? Walau bagaimanapun, kita mesti mencari jalan, cara mereka ini dinaikkan ke tahap RM1,000.00 sekurang-kurangnya. Jadi, bagaimana caranya, saya hendak berbincang nak mencari kumpulan dana supaya kena tambah masa dia mengajar juga. Jadi bukanlah maknanya kita berikan sahaja dengan pendapatan tetapi kita hendak tunjukkan juga masa mereka bekerja. Walaupun tak bekerja misalnya, ada usaha-usaha yang lain seperti dalam struktur-struktur yang baharu yang boleh kita lakukan.

Saya tahu Damansara sangat sensitif tentang perkara ini sebab bukan sahaja hutan tak ada, air susah dan masalah lainnya. Tetapi Damansara lebih baik dia bukan dalam hutan, sebelah hutan. Tetapi penggunaan hutan, saya rasa bukan kerana peruntukan. Pada saya peruntukan bukan jawapannya, tetapi tugas orang yang menjaga hutan itu yang paling penting kita jaga sebab saya ingat tugas dia. Boleh jadi kalau nak menjaga hutan bukan menjaga dari pukul 8.30 pagi sampai 4.30 petang. Itu tidak menyelesaikan masalah. Jadi, bagaimana kita struktur penjagaan tersebut dan bagaimana kita menjaga mereka supaya dia dapat bekerja dan mengawal. Boleh jadi, saya ingat Y.B. daripada Kota Anggerik mencadangkan helikopter, tetapi itu saya ingat kosnya terlalu mahal untuk dibuat sekarang. Tapi yang saya anggap, *google map*, *mapping* pun ada. Bukan sekarang, bukan tak ada *mapping*, semua ada *mapping*. Jadi dia lebih, dia boleh lebih sensitif tentang perkara itu. Maknanya, dia boleh kerja begitu, lebih menggunakan teknologi yang kita ada. Kedua, tempat membawa barang-barang hutan bukannya tempat orang tak tahu sebab untuk membawa barang hutan mengguna lori-lori yang besar. Oleh sebab itu, dia sendiri boleh tahu sebab pengalaman saya ada juga orang mencuri buah-buah kelapa sawit apabila kelapa sawit itu mahal. Tapi kita tahu di mana tempat-tempat dia keluar jadi bukan.....Jadi, tak payah saya mengadakan beratus-ratus orang menjaga. Kita hanya jaga tempat yang dia keluar dan tempat dia menjual kelapa sawit. Orang yang membeli bahan ini pun tak ramai. Oleh itu beberapa perkara yang kita perlu bincangkan dengan Y.B. Kota Anggerik, membuat satu strategik *study*, bagaimana kita nak..... dengan jumlah pekerja yang ada. Bagaimana kita dapat mengurangkan keadaan-keadaan begini?

Kajang membangkitkan perkara yang sama, tentang pelaksanaan dan juga satu perkara YB Batu Tiga dan juga YB daripada Gombak akan merasakan, ini pasal Muzium dan Teater. Saya takut semua berminat untuk menengok Bangsawan. Tetapi saya setuju, saya setuju sebab ini antara....antara yang akan memberikan masyarakat kita satu kehalusan dalam pemikiran mereka. Jadi kalau rutin sahaja tapi ini dengan melihat itu dia hendak merasa.....merasa dan mempunyai beberapa perasaan. Perasaan itu

sangat penting daripada segi penciptaan. Maka, orang yang mencipta itu mesti ada melalui *certain process*. Sebab itu selalunya di negara-negara Barat diadakan berapa banyak usaha *cultural*, macam Philharmonik Orkestra supaya orang dapat mengubah pemikiran mereka ataupun mengalun pemikiran mereka dalam muzik-muzik yang berubah tempo dan berubah tema dan melihat lukisan yang berbagai-bagai bentuk dan juga muzium yang mengambil inspirasi daripada keupayaan dan kebolehan yang lepas. Dan tetapi untuk membina Muzium setiap kawasan itu, itu masih boleh fikirkan sebab ada satu negeri di Melaka nak buat Muzium seluruh Melaka. Tetapi saya pernah berbincang dengan seorang daripada Pegawainya, jadi konsep itu kosnya tinggi tapi tak dapat menyimpan artifak-artifak yang bernilai sebab tak terjaga rumah-rumah tersebut. Itu sebabnya. Dan saya setuju tentang Perpustakaan. Tetapi Perpustakaan pada saya perlu dibawa ke kawasan-kawasan sebab penelitian kita, kita hendak bincangkan pada masa mendatang, dan seterusnya. Minat membaca untuk masyarakat kita agak rendah, umpamanya minat sebagai masyarakat di Jepun dalam segi pembacaan boleh jadi satu buku secara purata dalam masa tiga (3) bulan. Tetapi di Malaysia boleh jadi dua (2) muka surat. Jadi, itu kita dapati perbezaan yang bagaimana cara kita.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, Tuan Speaker, minta penjelasan. Satu pertanyaan. Adakah Y.B. Tan Sri juga ingin bercadang kalau nak giatkan budaya membaca ini, kita bermula dengan ADUN. Kita memberi elaun buku, mungkin RM500.00 setahun dan kita bertanya kepada mereka kalau RM500.00 itu tidak digunakan untuk membeli buku, minta mereka memberi surat tunjuk sebab. Adakah ini satu cadangan yang boleh diterima?

**TUAN SPEAKER** : Macam ADUN miskin sangat ni?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya menerima cabaran itu. Kalau esok kita berikan elaun itu dan Ahli Dewan hendak berbincang dalam *book club*. Buku yang dibaca, kita boleh. Maknanya, kita hendak adakan satu usaha untuk menggalakkan orang pembaca. Jadi saya boleh terima itu, kita beri bajet supaya tiap-tiap Ahli Dewan boleh menerangkan pembacaan dia. Satu buku satu orang dan kita boleh dapat kalau daripada Barisan juga ingin, kita hendak undang bersama. Ini satu daripada idea yang baik. Kemudian, Hulu Klang, mengenai orang Asli dan dalam belanjawan kita, kita ada nyatakan bahawa hendak adakan satu perjumpaan untuk memahami kehendak-kehendak orang Asli dan dalam ucapan belanjawan, saya kemukakan perkara ini. Dan saya berharap Hulu Klang memanggil beberapa rakan untuk kita mencari jalan supaya pembangunan orang Asli ini dibuat dengan teratur dan lebih tertib.

Tetapi saya berharap kita juga berjaga-jaga sebab beberapa perjumpaan, saya dapati orang Asli ini juga disalahgunakan. Saya mohon maaf kerana mengatakan perkara ini sebab daripada perbincangan mereka dijanjikan berapa ratus ribu, dan akhirnya mereka, walaupun mereka tak dapat duit tu lagi pun mereka dah tak tahu di mana sama ada hendak balik ke kawasan asal atau pun duduk di bandar dengan berhutang. Jadi, saya harap, sebab itu saya hendak mula selesaikan perkara ini. Kedua, kita mesti bersama-sama memikirkan penempatan orang Asli supaya mereka bersama-sama dengan kita dalam arus pembangunan Negeri kita.

Tentang Sekolah Agama Rakyat saya setuju kita mesti membangunkan Sekolah Agama Rakyat serupa juga Sekolah Cina, Sekolah India dan seterusnya. Tetapi, bagaimana kita meyakinkan diri kita, bagaimana kita meyakinkan diri kita di mana pun anak-anak kita atau pun rakyat kecil kita di mana dia belajar. Mereka mesti ada satu tahap

pendidikan yang cukup. Kalau tidak kita rugi. Pelaburan kita dalam pendidikan mesti ada asasnya. Jadi saya, itu sebab saya hendak bincang sebab kalau kita hendak bergeran, tujuan kita membuat pelaburan untuk masyarakat kita masa hadapan. Jadi standard tu mesti. Walaupun ramai yang mengatakan, saya ingat *infrastructure*, prasarana rumah ataupun sekolah yang cantik, tidak semestinya mengeluarkan pelajar-pelajar yang bijak pandai. Kita mesti, walau apapun, mesti ada standard yang kita mesti lakukan. Oleh sebab itu duit yang kita ada ini kita gunakan untuk *to set up the quality*. Jadi itu daripada beberapa perkara dan saya setuju tentang menggunakan Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai pemangkin pembangunan masyarakat. Itu saya setuju.

Sebab pada saya walaupun saya baru dalam hidup keadaan begini, tetapi saya tahu kita lebih menghayatinya, sebab kita hampir dengan mereka, walaupun ada kalanya Ahli Dewan agak kadang-kadang ingin tak hendak dengar keluhan apa tu, ah! Ahli-ahli kawasan. Kadang-kadang keluhan itu serupa. Jadi, kadang-kadang kita dengar kali yang ketujuh pun benda itu serupa. Jawapannya pun tak ada. Namun, saya percaya inilah antara beberapa cara yang lebih merapati rakyat dan tujuannya kita hendak bersama-sama melatih diri kita bagaimana *to become the leader to create the building up, the..* jadi, ada terbaca beberapa buku sekarang yang pembangunan itu hasilnya daripada kepimpinan, dan kepimpinan itu walaupun punca tak besar, tetapi dia boleh membangunkan. Jadi, oleh sebab itu banyak usaha, umpamanya perayaan Hari Raya saya tahu saya tengok bajet. Kalau dibuat secara gotong-royong, ia lebih memudahkan, hati lebih terasa. Kosnya hanya 30% daripada kos yang dirancang. Jadi, bayangkan Wakil Rakyat menyuruh dia bekerja dan dia berasa seronok tentang kerjanya dan kos untuk Wakil Rakyat lagi berkurang. Itu satu contoh yang terlalu kecil. Tetapi ini satu contoh yang besar yang ingin kita praktikkan.

Kemudian Batu Caves bercakap tentang teater dan saya harap teater ini saya takut esok kita kena membuka minda sebab orang teater, dia bercakap pasal *underground music* jadi saya takut kadang-kadang ada sesetengah dia punya muzik untuk sesiapa yang mendengar boleh jadi dia rasa ini bukan usaha untuk menenteramkan jiwa. Oleh sebab itu kita mesti fikirkan cara usaha ini adakah ini yang merupakan budaya yang kita ingin ajukan. Daripada segi galeri, Negeri Selangor mempunyai beberapa galeri yang saya dapati Shah Alam Galeri, dan pusat kebudayaan yang kita ada. Saya rasa kita daripada segi fizikal memang ada, cuma pengisian tak ada. Jadi saya berharap kita sekarang ni tingkatkan pengisian. Itu yang paling penting. Tak guna kita membina teater dengan harga empat puluh juta ringgit dengan tak tahu cara pengisiannya. Itu yang paling penting.

Kota Damansara ya, saya setuju tentang *participative* itu konsep yang saya terima. Itu sebab negeri maju rakyat mewah *is they want* kemewahan tapi *they have to earned*, itu yang *the question is earning*, jadi *participative* ni saya rasa sangat penting. Tetapi, *participative* ni *must have a leadership*. Kepimpinan, kepimpinan yang paling penting. Saya berharap Dato' Hasan, Ahli EXCO dan Selat Kelang dalam SPIES hendak masukkan kepimpinan, kekuatan, kepimpinan yang membawa masyarakat ke arah kemajuan dengan cara bersama dan tidak pula rasa cemburu tentang kejayaan orang lain, sebaliknya ingin berjaya bersama-sama. Jadi banyaklah yang ingin kita tingkatkan. Taman Medan agihan dan beberapa pengagihan kepada Ahli-ahli Dewan, semua dan tentang *flat* rancangan yang jelas.

Saya, kita mempunyai wang yang secukup ini. Kalau hendak agihan itu maknanya, tapi yang paling penting saya berharap itu sebab Dewan ini paling penting. Kita kena

semak, *value* atau hasil daripada penggunaan ini. Yang itu yang paling penting. Asas yang paling utama. Kemudian asas yang kedua barulah *location*. Saya mencadangkan di peringkat Parlimen ....magnanya kalau negeri-negeri yang kurang pendapatan per kapitanya negeri-negeri itu patut diberi peruntukan yang lebih supaya ada pengurangan jurang. Nampaknya mereka belum faham. Esok saya juga hendak cadangkan iaitu daripada daerah-daerah yang kurang pendapatan per kapitanya kita beri tapi konsepnya bukan beri begitu sahaja. Konsepnya bagaimana kita menggunakan. Itu sebab Kota Anggerik sekarang terpaksa berfikir dia diberi tugas untuk meningkatkan pendapatan pesawah padi dua kali ganda dan ini bukan tugas yang sangat senang. Jadi dia, saya harap kalau dia pergi ke Taiwan tanya seratus dua soalan bawa balik baru dia tahu. Jangan, pergi sahaja. Jadi ini penting, ini sangat penting bagi kita. Magnanya, caranya dan bukan boleh dapat diselesaikan dalam masa satu hari. Tetapi satu rancangan dua tahun cara hasil itu dapat dilakukan. Ini yang saya harap kita lakukan.

Sijangkang saya rasa kilang haram ada dua, dua polisi yang kita ada. Ada kalanya kalau kita mengharamkan terus dengan tidak menyelesaikan masalah itu pun boleh menimbulkan beberapa masalah ekonomi yang kita hadapi. Tetapi kita tidak boleh biarkan mereka dalam keadaan sebegini. Ah! itu yang menunjukkan prasarana dan mengapa kilang haram itu sebab untuk Sijangkang dibuat di kawasan pertanian, yang tanahnya rendah dan diambil terus dan tak ada penambahan tanah. Tidak mengikut standard longkang-longkang oleh sebab itu keadaan itu berlaku. Bailah, kalau ia berlaku, adakah kita menutup semua kilang haram? Itu tak boleh juga. Jadi kita mesti mencari jalan, itu sebab Yang Berhormat Ahli EXCO kita mesti duduk mencari jalan tugasnya bukan menghapuskan kilang haram tetapi memperbanyakkan lagi kilang yang mengikut konsep-konsep yang wajar yang kita adakan sekarang. Itu sebab belanjawan pembangunan merupakan belanjawan yang menjadi penggerak kita untuk membuat perubahan. Belanjawan untuk perbelanjaan, bagi mengkaji orang membuat kerja. Tetapi belanjawan pembangunan ialah belanjawan yang *trigger*, yang *real*, maknanya yang *under the physical part*. Itu sebab kita berikan dua. Tetapi dua-duanya mesti ada. Konsep bina insan saya tidak mempersoalkan, esok dalam penggulungan. Selat Kelang dan Gombak boleh menerangkan tentang keinginan kita untuk ke arah hala tuju yang kita ingin. Itulah sahaja Tuan Speaker jawapan kami dalam perbincangan hari ini. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi ` Bahawa menurut subseksyen empat sub-tiga dan seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak 710,600,000.00 yang dinyatakan di dalam anggaran peruntukan pembangunan 2009 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut subseksyen 411 Akta yang sama seperti mana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual. Anggaran Peruntukan 2009 P.1 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri 235,229,943.00 P.4 Perbendaharaan Projek Am 35,000,000.00 P.5 Perbendaharaan 1,000,000.00 P.8 Jabatan Pertanian 15,000,000.00 P.10 Jabatan Perhutanan 5,755,700.00. P. 12 Jabatan Kerja Raya 190,110,000. P.13 Jabatan Pengairan dan Saliran 65,200,000.00. P.14 Jabatan Agama Islam 103,500,000.00. P.16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa 2,718,357.00. P. 17 Jabatan Perkhidmatan Haiwan 6,386,000.00. P.27 Jabatan Kehakiman Syariah 700,000.00P.29 Perbendaharaan (Luar Jangka) 50,000,000.00 Jumlah 710,600,000.00. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata ya, ahli-Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Peraturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2008.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulai ini yang berbunyi sebagai berikut:-

“ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM158,271,628.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan pembangunan Tahun 2008, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sebagaimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan. Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2008

P01	Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri	82,523,000.00
P12	Jabatan Kerja Raya	31,948,628.00
P13	Jabatan Pengairan dan Saliran	20,000,000.00
P14	Jabatan Agama Islam Selangor	13,800,000.00
P29	Perbendaharaan (Luar Jangka)	10,000,000.00
	Jumlah	158,271,628.00

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang diadakan pada 19 November 2007 satu usul Bajet Pembangunan sudah diluluskan yang berjumlah RM670,000,000.00 bagi perbelanjaan Pembangunan tahun 2008. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM179,500,000.00 diperuntukkan kepada Kepala P01 – Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sebanyak RM192,870,000.00 kepada Kepala P12 – Jabatan Kerja Raya, sebanyak RM50,000,000.00 kepada Kepala P13 – Jabatan pengairan dan Saliran, sebanyak RM88,000,000.00 kepada Kepala P14 – Jabatan Agama Islam, dan sebanyak RM61,000,000.00 kepada Kepala P29 – Perbendaharaan (Luar Jangka). Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perbelanjaan yang dibuat sehingga akhir Oktober 2008, terdapat kekurangan anggaran peruntukan sebanyak RM158,271,628.00. oleh itu, maka suatu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan dalam perbelanjaan pembangunan yang sejumlah RM158,271,628.00 diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan iaitu sebagai berikut:

3. Bagi P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM82,523,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan dalam Pecahan Kepala PK.2, PK.20, PK.22.

- a. Bagi PK.2 - Pembangunan Luar Bandar berjumlah RM1,523,000.00.
- b. Bagi PK.20 - Pengambilan balik Tanah berjumlah RM46,000,000.00.
- c. Bagi PK.21 – Pelbagai berjumlah RM35,000,000.00

4. Dalam P12 – Jabatan Kerja Raya berjumlah RM31,948,628.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan dalam Pecahan Kepala PK.1, PK.2, PK.3, PK.4.

- a. Bagi PK.1 – Pelbagai Rancangan berjumlah RM3,000,000.00
- b. Bagi PK.2 – Kerja-Kerja Permulaan Projek berjumlah RM400,000.00
- c. Bagi PK.3 – Jalan dan Jambatan berjumlah RM8,581,453.00

- d. Bagi PK.4 – Menaik taraf Jalan dan Jambatan berjumlah RM19,967,175.00
5. Bagi P13 – Jabatan Pengairan dan Saliran berjumlah RM20,000,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan dalam Pecahan Kepala PK.1, PK.2, PK.3, PK.5, PK.7.
- a. Bagi PK.1 – Pelbagai Rancangan berjumlah RM1,500,000.00
- b. Bagi PK.2 – Rancangan Saliran berjumlah RM850,00.00
- c. Bagi PK.3 – Rancangan Mencegah banjir berjumlah RM15,800,000.00
- d. Bagi PK.5 – Menaik taraf Sistem Saliran berjumlah RM1,700,000.00
- e. Bagi PK.7 – Pelbagai Projek berjumlah RM150,000.00
6. Dalam P14 – Jabatan Agama Islam Selangor berjumlah RM13,800,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan dalam Pecahan Kepala PK.1, PK.3, PK.7.
- a. Bagi PK.1 – Sekolah-Sekolah Agama berjumlah RM8,075,000.00
- b. Bagi PK.3 – Masjid berjumlah RM5,225,000.00
- c. Bagi PK.7 – Pelbagai berjumlah RM500,000.00
7. Perbendaharaan (Luar Jangka) P29 sejumlah RM10,000,000.00 diperlukan bagi penyelarasan bayaran projek yang dijangka berlaku penambahan kerja sehingga Disember 2008.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita sudahpun membahaskan keperluan bagi tambahan peruntukan ini, maka saya dengan ini memohon supaya usul ini diluluskan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Bajet Tambahan Peruntukan pembangunan 2008. oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi: “ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM158,271,628.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2008, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.” Jadual Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2008.

P01	Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri	82,523,000.00
P12	Jabatan Kerja Raya	31,948,628.00
P13	Jabatan Pengairan dan Saliran	20,000,000.00
P14	Jabatan Agama Islam Selangor	13,800,000.00
P29	Perbendaharaan (Luar Jangka)	10,000,000.00
	<b>Jumlah</b>	<b>158,271,628.00</b>

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul Dasar Pelancongan Pembangunan Negeri Selangor 2025.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya memohon untuk membawa suatu Usul di bawah Peraturan Tetap 27(3) Peraturan Tetap Dewan Undangan negeri Selangor seperti berikut:  
“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang dibentangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.”  
Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, Bahawasanya Dewan ini menyedari Negeri Selangor telah mencapai Negeri maju dan usaha berterusan akan dilakukan bagi mengekalkan kemajuan dan kemakmuran seterusnya memastikan semua rakyat dapat menikmati kemajuan tersebut. Meluluskan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang bertujuan melaksanakan strategi dan pelaksanaan Pembangunan Negeri Selangor sehingga Tahun 12025 untuk menjadikan Pembangunan Negeri Selangor yang bersepadu dan holistik. Bahawa dalam meluluskan Hala Tuju perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025, Dewan yang mulai ini menyeru seluruh rakyat Negeri Selangor supaya mempertingkatkan usaha dan bersatu-padu ke arah menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Idaman, Sejahtera dan Kebajikan.” Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 10 September 2008 telah menimbang dan bersetuju draf dokumen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 untuk dibahaskan sebagai Pemberitahuan Usul Di Bawah Peraturan Tetap 27(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor. Dengan izin Tuan Speaker, saya membentangkan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang terhormat Sekalian, *Alhamdulillah* syukur kita kepada *Allah s.w.t*, selepas kejayaan Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor, kemenangan dalam pilihan raya dan menguasai Negeri Selangor bukanlah suatu penamat. Ini kerana rakyat telah memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk memerintah dan menguruskan negeri Selangor sebaik-baiknya. Justeru itu, Kerajaan baharu ini bertanggungjawab supaya setiap hasil Kerajaan negeri yang dikutip dikembalikan kepada rakyat dan setiap rakyat akan menikmati manfaat daripada pembangunan dan kemajuan Negeri Selangor. Pembentangan Hala tuju pembangunan Negeri Selangor 2025 pada hari ini amat penting bagi memastikan kesinambungan pembangunan Negeri Selangor, khususnya dalam suasana ekonomi dan sosial yang semakin mencabar. Perancangan yang teliti dan komprehensif harus dilakukan bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kelestarian kemajuan Negeri Selangor. Justeru itu, keperluan kepada usaha-usaha ke arah pembangunan dan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) telah dirancang oleh Kerajaan Negeri khususnya dalam memberikan impak kepada rakyat dalam pentadbiran Kerajaan Negeri yang baharu di dalam Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 ini. Pelaksanaan projek-projek dan program-program adalah berbentuk komprehensif supaya semua rakyat dapat merasai impak dan manfaat dari kemajuan dan kemakmuran Negeri Selangor seperti mana yang diperjelaskan dalam Hala tuju ini. Ini jelas membuktikan Kerajaan Negeri akan memastikan Negeri Selangor menjadi sebuah Negeri yang berkeadilan dan sentiasa prihatin kepada setiap lapisan rakyatnya. Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 telah dirangka berdasarkan wawasan, pemikiran serta usaha yang menjurus kepada pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik iaitu pembangunan yang menggabungkan secara

komposit faktor jasad, akal dan roh. Prinsip asas yang menjadi teras perancangan adalah memberi penekanan terhadap pembangunan yang seimbang dengan menetapkan nilai kerohanian dalam sebarang perancangan pembangunan di samping memastikan penjagaan dan pekekalan alam sekitar. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa pembangunan ekonomi negeri adalah berlandaskan kepada matlamat untuk merakyatkan ekonomi negeri dan melaksanakan ketelusan dalam pentadbiran. Matlamat merakyatkan ekonomi akan membawa negeri yang tercinta ini memartabatkan dan menjadikan kebajikan rakyat serta kualiti hidup rakyat sebagai keutamaan kepada perancangan pembangunan tersebut. Bagi memastikan Negeri Selangor mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif dan mengalami lonjakan pada masa akan datang, agenda Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 direncanakan berdasarkan tujuh (7) teras utama, iaitu:

- Pertama : Menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat, dan keunggulan budaya dan tradisi;
- Kedua : Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan;
- Ketiga : Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah;
- Keempat : Menambah baik tadbir urus;
- Kelima : Menguruskan pembangunan alam sekitar yang mampan;
- Keenam : Memacu pembangunan modal insan;
- Ketujuh : Menjana sumber pertumbuhan baru.

#### Tuan Speaker, **KONSEP HALA TUJU PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR 2025**

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Konsep Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 dirangka berpandukan **Visi dan Misi Negeri Selangor** yang akan memperjelaskan strategi dan pelaksanaan perancangan pembangunan Negeri Selangor iaitu :

Visi: Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan;

Misi: Melestarikan Kehidupan Rakyat Untuk Kesejahteraan Hubungan Dengan Tuhan, Manusia dan Alam Sekitar.

Teras utama misi ini ialah integrasi nilai afektif dan kerohanian dalam perancangan dan pembangunan. Nilai afektif dan kerohanian ini pula adalah hasil daripada jalinan hubungan yang menjadi asas sesuatu masyarakat iaitu :

- Hubungan manusia dengan Pencipta;
- Hubungan manusia dengan manusia; dan
- Hubungan manusia dengan persekitaran termasuk alam sekitar.

Nilai kerohanian yang terjalin menjadi asas kepada perancangan dan pembangunan yang berpandukan beberapa ciri falsafah perancangan dan pembangunan sejagat.

Dalam merangka Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025, kekuatan dan kelebihan yang dimiliki oleh Negeri Selangor 2025 akan diperjelas dalam

Profil Negeri Selangor yang menerangkan tentang kedudukan, guna tanah, prestasi ekonomi dan Negeri Selangor dalam konteks pembangunan Malaysia.

Aspek halangan dan kelemahan yang perlu ditangani dan diselesaikan akan dibincangkan dalam Isu dan Cabaran Negeri Selangor yang menjelaskan isu-isu seperti berikut :

- i. Isu sosial dan kemanusiaan;
- ii. Isu guna tanah: tepu bina, pertanian, perhutanan dan kawasan sensitif alam sekitar;
- iii. Isu perbandaran
- iv. Isu pengangkutan bersepadu;
- v. Isu perumahan;
- vi. Isu perindustrian;
- vii. Isu pengurusan sisa pepejal;
- viii. Isu perkuburan;
- ix. Isu tanah lapang; dan
- x. Isu kemudahan masyarakat.

### **Rangka Kerja Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025**

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Izinkan saya seterusnya menggariskan strategi-strategi dan pelaksanaan **Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025** berdasarkan visi dan misi serta tujuh (7) teras utama.

#### **Teras 1 : Menguruskan Negeri Maju Berteraskan Nilai Murni, Nilai Sejagat, Dan Keunggulan Budaya Dan Tradisi;**

Nilai murni, nilai sejagat dan keunggulan budaya dan tradisi perlu dijadikan rangka kerja dalam teras pembangunan yang akan menjadikan masyarakat di Negeri Selangor akan sentiasa mencapai keberkatan dan mendapat kerahmatan daripada Ilahi. Pada masa yang sama, proses pengayaan nilai-nilai keinsanan terus disubur kembangkan bersama-sama dengan mekar dan kembangnya nilai budaya, adat resam, ketertiban dan kesusilaan.

#### **Teras 2 : Menangani Ketidaksamaan Sosioekonomi Yang Berterusan;**

Masalah ketidaksamaan sosioekonomi haruslah ditangani agar tidak berterusan kerana ia akan memberi kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan negeri. Kerajaan Negeri Selangor akan mengguna pakai agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sebagai teras pelaksanaan. Kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan Kerajaan Negeri dalam apa jua perancangan pelaksanaan pembangunan negeri. Masanya akan tiba dalam mana kesejahteraan dan kemakmuran akan melimpah tanpa mengenal lokasi geografi, desa dan kota, latar belakang etnik dan kerajaan serta fahaman politik. Prinsip kesejahteraan ini akan sentiasa terpancar natijah daripada usaha pembaharuan itu.

### **Teras 3 : Menyediakan Panduan Strategik Mengenai Arah Dan Corak Perbandaran Dan Penggunaan Tanah;**

Dalam menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah, aspek ekonomi, sosial, fizikal dan alam sekitar merupakan teras utama. Setiap perancangan pembangunan perlu dilakukan secara bersepadu supaya ia memberi kesan terhadap kualiti kehidupan, sistem perhubungan dan lalu lintas, kesejahteraan sosioekonomi serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi ke arah memperkasa pembangunan Negeri Selangor yang bersepadu dan mampan.

Walaupun wajah kehidupan rakyat Negeri Selangor pastinya berubah menjadi kehidupan metropolis, namun proses pembaharuan tersebut akan berlaku mengikut acuan bersendikan kerukunan, kejiranan, kedamaian yang serasi dengan prinsip-prinsip komuniti moden atau "*gemeinschaft*" atau sesuai dengan kata kunci, "Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan".

### **Teras 4 : Menambah Baik Tadbir Urus;**

Sistem tadbir urus merangkumi tadbir urus tanah, pengurusan ICT yang cekap, tadbir urus bandar, serta peningkatan kualiti hidup rakyat. Penambah tadbir urus perlu dilaksanakan bagi memastikan rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien.

Untuk lebih daripada dua dekad yang akan datang, kita dapat bayangkan betapa canggihnya sistem pengurusan dan pentadbiran dari sudut "*hardware*" dan "*software*" nya. Justeru, tadbir urus dan warga urus juga harus bergerak selari dengan kecanggihan sistem dan struktur itu. Pentadbiran Negeri akan menentukan supaya warga kerja negeri ini akan menjalani proses peningkatan ilmu, penajaman keterampilan dan perubahan sikap ke arah yang positif bagi membolehkan mereka menyumbang ke tahap yang optima bagi memartabatkan warga Selangor sesuai dengan kedudukannya sebagai Negeri Maju.

### **Teras 5 Tuan Speaker : Menguruskan Pembangunan Alam Sekitar Yang Mampan;**

Kemajuan Negeri Selangor perlulah di dokong bersama alam sekitar dan sumber asli. Hala tuju pengurusan alam sekitar Negeri Selangor akan memfokuskan kepada memelihara dan memulihara alam sekitar ke arah pembangunan yang lestari. Sehingga 2025 Tuan Speaker, Negeri Selangor akan menjadi negeri model dalam mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar di mana masyarakat akan menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

### **Teras 6 : Memacu Pembangunan Modal Insan;**

Pembangunan Modal Insan (PMI) adalah merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri secara berterusan. PMI meliputi aspek jangka hayat, pengetahuan, taraf kehidupan masa kini, penyertaan sosial dan keupayaan yang membolehkan mereka mencapai matlamat hidup. Manakala modal insan pula ialah pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang dimiliki oleh individu sebagai pandu arah pembentukan kemajuan personel, sosial dan ekonomi. Justeru itu, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan usaha menyemai perpaduan di kalangan rakyat. Hubungan muhibah dan keharmonian di kalangan

penduduk akan diberi keutamaan dengan menerapkan semangat toleransi dan kerjasama sesama rakyat. Dalam hal ini, peranan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Institusi Ketua Kampung dan peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) akan digembleng dalam membantu Kerajaan Negeri mentadbir Negeri Selangor mencapai cita-cita visi dan misi seperti yang telah digariskan itu. Dalam memacu pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri sama sekali tidak melupakan pembelaan kepada golongan kurang bernasib baik, warga emas, ibu tunggal, anak-anak yatim dan kanak-kanak dari golongan status sosioekonomi yang rendah. Pelbagai skim akan dirangka bagi membantu golongan ini agar mereka juga bisa menikmati kemakmuran yang telah dilimpahkan kepada Negeri Selangor.

#### **Teras 7 : Menjana Sumber Pertumbuhan Baru.**

Negeri Selangor masih mempunyai banyak ruang dan peluang yang belum ditemui dan dieksploitasi bagi membantu meningkatkan sumber kekayaan negeri yang akhirnya membawa kepada lonjakan taraf hidup yang lebih tinggi. Justeru itu, sumber pertumbuhan baru telah dikenal pasti dan akan dibangunkan melalui inisiatif-inisiatif tertentu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Di antaranya ialah dengan mempergiat aktiviti pertanian di Utara Negeri Selangor khususnya kawasan Sabak Bernam melalui usaha pemodenan pertanian yang dijangka akan menghasilkan pulangan berlipat ganda seterusnya meningkat pendapatan petani di kawasan tersebut.

Kesimpulannya Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, keazaman untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan kekal utuh walau pun pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi. Sehubungan dengan itu, rangka kerja Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor telah disediakan untuk menggariskan pendekatan yang akan dilaksanakan bagi mencapai wawasan dan matlamat Negeri Selangor sehingga 2025. Rangka kerja ini disediakan atas kesedaran untuk mencapai matlamat melestarikan kehidupan rakyat untuk kesejahteraan hubungannya dengan Tuhan, manusia dan alam sekitar.

Pelaksanaan strategi, dasar dan cadangan memerlukan tindakan yang khusus. Beberapa agensi dan jawatankuasa yang sedia ada perlu diperkukuhkan untuk memastikan pelaksanaan hala tuju ini. Agensi-agensi utama yang dikenal pasti bagi melaksanakan cadangan ini perlu juga melaksanakan program-program dan projek-projek yang bersesuaian dan menentukan supaya kewangan yang cukup diperuntukkan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Pelaksanaannya perlu mengambil kira penyediaan Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas supaya dasar-dasar ini dapat diterjemahkan kepada cadangan fizikal yang lebih terperinci. Pelaksanaan dasar dan polisi yang disyorkan Tuan Speaker, memerlukan kerjasama semua agensi kerajaan baik di peringkat kerajaan pusat, kerajaan negeri, PBT dan pihak swasta yang bertanggungjawab. Cadangan-cadangan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan mesti dihuraikan sebagai program dan projek pembangunan dan dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri supaya peruntukkan kewangan yang cukup dapat diperoleh untuk melaksanakannya. Dalam hal ini Tuan Speaker, pihak UPEN dan Perbendaharaan Negeri perlu memberi keutamaan kepada projek-projek susulan yang dikenal pasti. Pemantauan merupakan fungsi yang penting dalam meninjau pelaksanaan cadangan pembangunan yang dipersetujui. Pemantauan perlu dijalankan atas dasar-dasar serta pembangunan sebenar di atas tanah. Kajian semula yang menyeluruh akan dibuat sekurang-kurangnya setiap 5 tahun seiring dengan penyediaan Rancangan Pembangunan Negeri. Sebaliknya perubahan boleh dibuat

bila-bila masa sekiranya perlu. Segala perubahan dan kaji semula hendaklah dibuat mengikut peruntukan undang-undang di mana publisiti yang secukupnya serta peluang untuk bantahan awam disediakan dengan seluas-luasnya. Semoga hasrat untuk melahirkan sebuah Negeri Maju yang seimbang dari segi fizikal dan rohani akan tercapai. Semoga Negeri Selangor akan sentiasa sejahtera dan mendapat keberkatan Ilahi.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan Negeri Selangor kerana telah mengeluarkan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025. Ianya adalah satu penterjemahan yang saya rasa ianya jujur dan bernas terhadap kerajaan kita sekarang kerana kalau dibandingkan dengan buku-buku besar yang lalu laporan ini sebenarnya lebih kepada penerangan kepada kelemahan yang ada pada kita pada masa sekarang. Tapi Tuan Speaker dalam kita mengusahakan perancangan di Negeri Selangor ini adalah amat penting supaya kita tidak melupakan kawasan desa dan kawasan luar bandar. Walau pun 90% daripada warga Negeri Selangor ini duduk di bandar tapi kalau kita mengambil kira mereka yang duduk di dalam kampung yang terletak di kawasan bandar maka nilainya atau angkanya sesuatu yang tidak sedikit akan banyak juga. Di sini saya ingin menyebut tentang pembaharuan ataupun pembangunan Kampung Baharu, sejak awal pembangunan negara dan negeri kita 1960-an penduduk-penduduk Kampung Baharu merupakan sumber tenaga buruh kos rendah kepada pembangunan perindustrian di negara kita dan salah satu contoh yang klasik ialah Kampung Baharu di kawasan saya, Kampung Baharu Seri Setia atau namanya yang lebih dikenali ramai ialah Kampung Baru Sungai Way. Bermulanya dengan pembinaan lebuh raya persekutuan di ikuti dengan pembinaan lapangan terbang antarabangsa Subang, zon perindustrian bebas FIZ Sungai Way kemudian diikuti dengan pembinaan Sunway, Subang Jaya dan konsep-konsep yang berdekatan dengan izin seperti “Sea Park” taman ..... dan sebagainya. Penduduk-penduduk baru Kampung Sungai Way menyumbangkan tenaga buruh kos rendah yang begitu penting untuk menyuburkan projek-projek pembangunan besar yang mengambil tempat di persekitarannya. Ini tempat-tempat ini mempunyai nilai penghartanah yang naik melambung tinggi tetapi apa pula dengan Kampung Sungai Way. Sebab mengapa saya menyebut tentang Kampung Baharu ini ialah ianya merupakan satu kampung baru yang dikelilingi dengan begitu banyak pembangunan. Selama ini biarpun Kampung Baharu banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Selangor dan di Malaysia, Kampung Baharu ini masih menghadapi banyak masalah infrastruktur termasuk kehilangan sebuah klinik kerajaan yang sekarang dijadikan sebagai tempat letak kereta dan biarpun kalau kita masuk tempat kereta ini di dalam kawasan Kampung Baharu, Kampung Baharu Sungai Way masih menghadapi kekurangan dengan tempat letak kereta. Ini pasar Seri Setia dan kedai-kedai berdekatan terletak di tengah-tengah Kampung Baharu Sungai Way. Ianya merupakan satu pusat perdagangan untuk menjaga keperluan barang harian penduduk-penduduk berpendapatan rendah di persekitarannya seperti Pangsapuri Kos Rendah Impian Baiduri, Desa Mentari, Taman

Desa Ria dan sebagainya. Dan saya agak rakan-rakan saya dari Taman Medan, Seri Setia tidak dapat menafikan fakta ini. Biarpun begitu, fasa Seri Setia kini memerlukan sebuah tempat letak kereta untuk menampung bilangan pelanggan yang begitu besar. Saya menyebut tentang Kampung Baharu ini kerana ianya adalah satu contoh yang baik dan saya juga ingin memberitahu di dewan yang mulia ini sebenarnya di seluruh Malaysia terdapat banyak lagi kampung-kampung yang sebegini yang sekarang sudah tiba masanya untuk kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat melakukan sesuatu untuk memasukkan kampung-kampung baharu malahan kampung tradisi, kampung-kampung nelayan ke dalam arus pembangunan perdana dengan sepenuhnya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, boleh sambung hari esok?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya boleh.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 5.30 petang. Dengan ini dewan ditangguhkan sehingga hari esok 29 Oktober 2008 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang )**